

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, Khamis 12 November 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)
YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

TIDAK HADIR

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

(Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

(Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama enam (6) bulan mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Ketua Penolong Setiausaha

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker Mmpengerusikan Mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ke Dua Belas dimulakan bacaan Doa.

I. DOA.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker soalan no. 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PRESTASI PELANCONGAN

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa bilangan pelancong yang tiba ke Selangor sepanjang tahun 2008 dan sehingga Jun 2009?
- b) Apakah impak ekonomi jangka pendek dan jangka panjang yang dinikmati oleh Selangor hasil ketibaan pelancong tersebut?
- c) Apakah strategi untuk menarik pelancong asing dan tempatan agar tinggal lama dan lebih berbelanja di Selangor?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat bilangan pelancong yang tiba ke Selangor sepanjang tahun 2008 dan sehingga Jun 2009 adalah seperti berikut:-

Domestik (2008)	3,075,889
Pelancong Asing (2008)	2,601,332
Domestik (Jan – Jun 2009)	1,572,669
Pelancong Asing (Jan – Jun 2009)	1,181,252
JUMLAH	8,431,142

Hasil ketibaan pelancong yang datang ke Selangor memberi impak yang amat bagus kepada ekonomi dari segi jangka pendek dan juga jangka panjang.

Jangka Pendek

Antara jangka pendeknya adalah penjaan industri desa, contohnya : penjualan kerepek-kerepek, kuih muih serta pembukaan kedai makan dan kedai cenderamata dari masyarakat desa. Berikutan dengan itu ianya mewujudkan peluang pekerjaan khasnya untuk suri rumah tangga. Dengan ini kita dapat meningkatkan pendapatan isi rumah. Jangkaan perubahan bagi kadar inflasi dan perubahan pengaliran pelancong ke sesuatu destinasi juga memberi impak ekonomi. Selain dari itu kerjasama antara penyedia kemudahan pelancongan dan penggunaan kemudahan pelancongan juga akan dapat diukur. Dengan pertambahan produk-produk pelancongan seperti kemudahan lapangan terbang yang lebih baik, perjalanan yang lebih singkat dan pakej yang lebih murah mendorong pelancong-pelancong untuk lebih kerap melakukan lawatan. Selain itu, peluang pekerjaan juga bertambah dari masa ke semasa dan rakyat dapat meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Jangka Panjang

Bagi faktor jangka panjang pula ianya meliputi faktor persekitaran yang mengakibatkan kepada perubahan dasar kerajaan, pemulihan keadaan lama atau tempat yang boleh di naiktarafkan serta meningkatkan taraf prasarana produk-produk pelancongan di Negeri Selangor kepada satu perkembangan dan pembangunan pelancongan yang pesat serta mempunyai daya saingan yang lebih tinggi antara negeri-negeri yang lain di Malaysia. Selain mewujudkan peluang pekerjaan yang tinggi dan berterusan, peningkatan kepada produk-produk pelancongan serta kemudahan dari segi kenderaan kereta sewa mula mendapat permintaan. Kestabilan politik dan ekonomi juga menjadi pemangkin utama bagi kemajuan dan pembangunan pelancongan sesuatu Negara dan dengan ini ekonomi rakyat Negeri Selangor juga dapat ditingkatkan. Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat penjaan atau anggaran perbelanjaan oleh pelancong-pelancong untuk tahun ini iaitu dari bulan Januari hingga Ogos 2009 telah mencapai RM 2.65 bilion. Strategi-strategi untuk menarik pelancong asing dan tempatan agar tinggal lebih lama dan lebih berbelanja di Selangor adalah seperti berikut:-

- i) Mengadakan acara pelancongan dan program-program yang menarik sepanjang tahun dengan menjadikan acara-acara tersebut sebagai dengan izin "*signature event*" untuk para pelancong seperti:-
 - a) Thaipusam
 - b) *Lantern & Floral Festival* dengan izin
 - c) *Selangor Musical Extravaganza*
 - d) Selangor Auto Show
 - e) Perayaan Orang Asal dan sebagainya.
- ii) Menyediakan pakej-pakej yang lebih menarik seperti yang baru-baru ini kita telah melancarkan apa yang dipanggil dengan izin "*Klang Heritage Walk*" dan juga lawatan kepada "*Factory-factory*" dan sebagainya. Dan akhirnya kita juga mempromosikan kawasan membeli belah yang popular kepada pelancong dengan memberi tawaran yang berpatutan seperti di Curve, Sunway Pyramid, Subang Parade dan sebagainya.

YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Tidakkah wajar difikirkan untuk menerokai satu bidang berpotensi bagi pelancongan iaitu Pelancongan Ilmu maksudnya kita atur pelancong yang datang ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi Penyelidikan Latihan bukan sahaja setakat untuk melihat-lihat tetapi kita atur mereka umpamanya mengikuti pengajian ilmu umpamanya kita ada hujung minggu di tempat-tempat tertentu kita sampaikan maklumat dan mereka mengikut pengajian tersebut atau dengan kerjasama yang tinggi di kampus-kampus kita ujudkan kursus-kursus tertentu yang mereka boleh mengikuti seumpamanya sehari, seminggu, sebulan penggal, satu semester atau setahun yang mungkin kita boleh keluarkan sijil untuk mereka atau pun kita wujudkan pengajaran-pengajaran agama antara surau-surau dalam mana setiap surau mengadakan pengajaran kursus. Kita buka sahaja kepada sesiapa sahaja dari Malaysia atau luar Negara kita wujudkan pengajaran-pengajaran tertentu mereka datang belajar untuk satu tempoh tertentu seminggu, sebulan macam saya kata tadi kita keluarkan Sijil atau Ijazah untuk peringkat-peringkat tertentu. Ini boleh kita hasil dari kerjasama Universiti Pengajian-pengajian tradisi atau pun kita atur kursus. Kursus tertentu ini barangkali manfaat dari Bangi Pengajian-pengajian surau-surau banyak mengajar untuk tok guru yang terkenal boleh kita susun. Adakah Kerajaan akan membantu umpama kalau kita nak dirikan pelancongan apa ilmu seperti ini? Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Saya rasa ini merupakan cadangan Bangi adalah satu cadangan yang amat menarik dan saya harap dengan kerjasama EXCO Pendidikan sesuatu program sepertimana yang disyorkan boleh dijalankan tetapi saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dengan izin "*Education Tourism*" merupakan satu seksyen pelancongan di Negeri Selangor yang amat penting. Kalau kita lihat atau meneliti angka-angka atau pun kedatangan pelajar-pelajar dari luar Negara memang kita merupakan satu destinasi pendidikan untuk pelajar-pelajar luar Negara yang utama di Malaysia. Jadi kita harap dengan penambahbaikan Universiti-universiti, Kolej-kolej dan juga Kolej Teknikal dan sebagainya kita boleh juga menarik lebih pelajar-pelajar bukan sahaja datang di sini untuk belajar tetapi juga melancong.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih, Tuan Speaker. Dengan begitu ramainya bilangan pelancong-pelancong yang telah datang ke Negeri Selangor pertamanya dari luar Negara terdapat kemudahan-kemudahan awam dan juga *facilities* yang masih tidak memuaskan. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk pastikan bahawa kemudahan-kemudahan yang disediakan bagi memenuhi pelancong-pelancong ini dapat ditambahkan dinaiktaraf? Berapakah perbelanjaan yang diperuntukkan dalam tahun 2010 ini untuk peruntukan memperbaiki dan menaik taraf tersebut.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat dari Sg Burong. Memang kemudahan awam dan *facilities* untuk tapak-tapak pelancongan mesti dipelihara dan kalau boleh dipulihara. Dalam bajet pelancongan hanya kita dapat untuk ke promosi atau pun dengan izin *promotion* iaitu hampir RM8 juta. Untuk pembaikan ataupun penambahbaikan kita akan membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat di samping itu kita juga ada satu bajet ataupun peruntukan untuk kemudahan awam di bawah EXCO Infra dan kemudahan awam. Kalau tidak silap saya bajet tersebut jumlahnya hampir RM253 juta tetapi peruntukan tersebut akan disebarikan bukan sahaja untuk pelancongan tetapi juga untuk kerja-kerja infra di seluruh Negeri Selangor.

YB TUAN DR CHEAH WING YIN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

YB TUAN DR CHEAH WING YIN: Saya tanya macam mana sambutan dengan usaha-usaha menarik pelancong-pelancong yang bernilai tinggi seperti menjemput penganjur-penganjur mengadakan Persidangan “*Scientific*” dan Persidangan Perniagaan di Negeri Selangor. Dan apakah strategi yang dipergunakan untuk menjayakan langkah-langkah ini?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ahli-ahli Yang Berhormat Damansara Utama kalau kita lihat juga *facilities* lepas yang ada di Negeri Selangor memang kita mempunyai dengan izin “*Convention Centre*” dan juga hotel-hotel yang boleh dikatakan dalam taraf kelas antarabangsa. Kita lihat beberapa *Convention-convention* dan juga *Conference-conference* yang baru-baru diadakan juga akan diadakan rasa potensi ini kita ada memang ada tetapi pada pendapat saya potensi ini belum dieksploitasikan dengan sepenuhnya. So seperti kita adakan *Conference-conference* ataupun seminar-seminar yang bertaraf antarabangsa bukan sekali sebulan tapi kita mempunyai tapak ataupun lokasi-lokasi untuk mengadakan konvensyen-konvensyen dan juga *Conference-conference* tersebut mungkin setiap minggu, so dan masalah saya rasa masalah pokok di negeri Selangor bukan kerana ada isu ataupun masalah dengan *facilities* di negeri Selangor tetapi kekurangan, kekurangan konvensyen *centre* dan kekurangan hotel-hotel dan akhirnya kalau sesiapa ingin membuat satu *Conference* yang besar dan mereka terpaksa pergi tapak yang lebih besar seperti di Putrajaya ataupun di Kuala Lumpur. So, saya rasa ini kalau kita ingin mempergiatkan yang apa kita gelar “*mice*”, kita perlu pengusaha-pengusaha hotel dan juga *Conference Centre* untuk membangun lebih hotel-hotel dan juga *Conference Centre* kalau tidak, kalau kita lihat apa yang kita dapat sekarang, dengan izin “*we were loose out to other state*” dan juga di Kuala Lumpur.

YB TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya lihat di negeri Selangor banyak *homestay-homestay* yang didirikan. Sejauh manakah pencapaian *homestay* ini daripada segi dapat menarik pelancong sama ada dari luar negara ataupun dalam negara dan adakah benar-benar memberi satu pulangan atau dapat menjana ekonomi kepada pengusaha-pengusaha terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat. Kita mempunyai banyak *homestay* tetapi hanya baru-baru ini kita dapat mengumpulkan semua *homestay-homestay* dan kita menolong secara “*all out*” untuk semua pengusaha-pengusaha *homestay* yang sedia ada di negeri Selangor. Untuk tahun ini kita telah membuat satu, dua *pamphlet* khas untuk *homestay* di Selangor dalam Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Cina kerana kita mendapati bahawa kalau kita ikut pelancong-pelancong yang suka atau gemar aktiviti ataupun konsep *homestay* kebanyakan mereka tidak ada akses kepada maklumat. Mereka kebanyakan pengusaha *homestay* juga tidak mempunyai *website* jadi kita juga menolong dari segi itu. Ketiga, kita juga adakan pakej-pakej yang khas di mana kita mengutamakan *homestay-homestay* dan kita harap dengan lebih pelanggan ataupun lebih pelancong mereka boleh juga menaiktarafkan tapak-tapak tersebut. Akhirnya untuk tahun ini kerana kita juga membandingkan *homestay-homestay* di Malaysia di negeri Selangor dengan *homestay-homestay* di Negara-negara lain dan kita mendapati bahawa kita masih pada tahap yang amat asas dengan izin “*very basic*” tetapi kalau kita lihat industri *homestay* di banyak negara-negara lain, ianya telah menjadi satu industri yang sangat maju pulangan pendapatan untuk satu kampung saya dimaklumkan seperti di Taiwan adalah hampir beberapa juta ringgit tapi kalau kita bandingkan *homestay-homestay* bukan saja di negeri Selangor tetapi di Malaysia ada sedikit sahaja

kenaikan pendapatan jadi kita ingin satu, memberi satu konsep yang lebih “*advance*” lebih maju kita ingin memperkenalkan bagi beberapa strategi *homestay* yang diperlakukan di negara-negara lain seperti di Taiwan ataupun di Sumatera ataupun di Thailand dan sebagainya, pada akhir bulan ini kita akan mengaturkan satu lawatan ke Taiwan untuk belajar dari mereka bagaimana mereka mengintegrasikan *homestay* dengan pertanian dengan semua *marketing* dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker soalan No. 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PERUNTUKAN DISEKAT KERAJAN PUSAT

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi sekatan peruntukan kewangan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri?
 - b) Adakah tindakan undang-undang akan diambil terhadap situasi tersebut?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Soalan dari Taman Medan ialah mengenai peruntukan yang disekat oleh Kerajaan Pusat. Saya ingin memberi sedikit penerangan mengenai perlembagaan persekutuan, Kerajaan Persekutuan apabila perlembagaan digubal terdapat peruntukan untuk memberi geran kepada negeri kerana Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengutip cukai-cukai pendapatan dan cukai-cukai keuntungan syarikat-syarikat dan juga cukai-cukai kastam dan seterusnya. Oleh sebab itu antara peruntukkannya, ialah pertama, memberi geran kepada Kerajaan Negeri iaitu pemberian mengikut penduduk dipanggil “*capitation grant*” dan kedua, ialah pemberian penyelenggaraan jalan raya negeri MARRIS iaitu dua, cuba kita bayangkan tahun lepas kita dapat 400 juta dan kalau kita bagi 400 juta, 200 juta untuk “*capitation grant*” sebagai contoh dan 200 juta untuk MARRIS, 200 juta dibagi dengan 5 juta penduduk ialah 200 juta ialah 40 ringgit setahun. 40 ringgit setahun lebih kurang 4 ringgit sebulan untuk sedekah daripada Kerajaan Persekutuan, 4 ringgit sebulan untuk minum kopi dengan nasi lemak sama dengan sedikit habis. “*This is the reality of date*” itu sebab saya nak terangkan bagaimana keadaan ini. Ini dibuat pada tahun 1957 dalam keadaan negara baru mencapai kemerdekaan. Itu sebab saya cadangkan kita kena semak balik adakah rakyat Selangor yang membayar melebihi 16 juta di pulang balik 4 ringgit sebulan. Jadi itu yang. Kedua, oleh kerana kuasa untuk memperuntukkan ke mana saluran-saluran pembangunan itu, keputusan itu ada kalanya tidak dibuat secara rasional paling pentingnya ekonomi bukan politik dan dengan cara itu negeri semua akan membangun. Sebagai contoh, contoh yang paling dekat sebelum 2008 terdapat satu upacara di Klang yang seronok sungguh orang Klang, upacara untuk memecah batu untuk membuat jambatan di Klang. Tuan Speaker pun senang hati, jambatan yang di Klang, menterinya pun dengan penuh gaya tapi selepas pilihan raya keputusan tak tahu mana batu letaknya, jambatan pun tidak ada dan kosnya kepada ekonomi bukan saja Klang, ekonomi negeri Selangor dan ekonomi Malaysia. Oleh kerana kesesakan jalan itu, kosnya kalau kita beribu-ribu kereta kali dengan 4 ringgit yang tadi duit kopi sebulan tu, duit kopi tu boleh kosnya hanya tak sampai setengah jam, kosnya, jadi itu sebab kita katakan tiba masanya kalau kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berbincang secara bebas dari

usaha dan pandangan politik sebab orang yang membayar cukai tidak ditanya dari UMNO boleh bayar lebih dari keadilan bayar kurang, tak ada, ataupun keadilan bayar lebih, tak ada, dia tak kira siapa yang dapat pendapatan dia bayar dan oleh sebab itu yang penting dari percukaian itu ialah duit itu disalurkan supaya dia menjadikan pertambahan ekonomi. Dan kedua, kita juga dapati ada beberapa contoh yang mana peruntukan pembangunan itu dibuat pada satu zaman ada seorang menteri sangat suka berminta kerana main golf. Oleh sebab itu peruntukan dibuat oleh Menteri dalam mana-mana negeri ialah di mana jalan yang diperbaiki ialah jalan yang menuju keadang golf. Saya juga pernah main golf jadi saya rasa ada *public interest*. Jadi, tapi itu menunjukkan bagaimana cara peruntukan itu tidak buat akhirnya Perdana Menteri sendiri telah menulis surat kepada Jabatan Perdana Menteri untuk memberhentikan perkara tersebut. Tapi itu tidak diketahui oleh umum, tetapi ini adalah beberapa contoh yang mana peruntukan itu tidak dibuat berdasarkan keutamaan ekonomi. Itu sebab, kita cadangkan kalau Selangor nak membangun macam rakan kita tadi tanya pasal, peruntukkan untuk infrastruktur prasarana. Jadi kalau dia bagi kita 20% daripada 18,16 juta 3.2 bilion kita boleh kemaskan mana-mana tempat di Selangor ini untuk menarik pelancong, kemudahan masyarakat sebab kita ada fokus, duit tu tidak akak hilang sebab Kerajaan Persekutuan ada audit ada tempat nak tahu kalau kerajaan negeri salah dia akan tegur, jawapannya yang kita telah berikan di *centralization* maknanya kita agihkan supaya dapat ditumpukan berasaskan kepada keutamaan ekonomi.

Soalan Yang Berhormat Taman Medan apakah tindakan undang-undang, ini bukan undang-undang ini perlembagaan tindakannya ialah tindakan politik bukan tindakan undang-undang. Saya telah tunjukkan bahawa rakyat negeri Selangor tertipu oleh keadaan yang lepas. Oleh itu ingat, ingat jambatan, ingat jalan ke padang golf, lain kali ingat bagaimana mengundi. Terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Menteri Besar sama ada kerajaan Negeri mempunyai hak atau kuasa untuk mendapat pinjaman daripada sektor swasta ataupun bank sekiranya Kerajaan Negeri menghadapi kesuntukan wang ringgit untuk menjalankan program.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Malangnya kuasa kewangan, saya terima konsep ini Yang Berhormat Kg. Tunku. Saya terima konsep ini apa yang dipanggil "*discipline of financial management*." Malangnya kuasa mengawal kewangan ini terletak di Kerajaan Pusat, kuasa, kuasa, maknanya dia ada kuasa, ada baiknya, bukan kita kata tak ada baiknya, nanti setengah negeri dia pinjam tak tentu arah dia jadi seluruh negara akan menjadi kucar kacir, ada baiknya, saya tidak, jadi tak boleh, maknanya dia kena, dulu ada beberapa masalah sebab saya sendiri terlibat dalam perbincangan tersebut, dulu ada masalah yang dipanggil "*off budget*" beratus juta dia pinjam, pinjam, jadi kita dipanggil, saya dipanggil oleh beberapa rakan oleh Menteri Kewangan untuk membincangkan bagaimana menyelesaikan masalah ini oleh sebab itu kita mencadangkan '*very tight financial control*'. Jadi kalau negeri dia kena pertama, dia kena pinjam daripada Pusat. Dia tidak boleh pergi berjumpa dengan bank untuk membuat pinjaman-pinjaman. Jadi itu '*very important*'. Saya tidak menghalang '*fundential discipline*' tapi yang saya menghalang ialah duit kita tak dapat balik, itu saja yang saya halang tapi '*fundential discipline*' Negeri Selangor pun '*must have very tight fundential discipline*'. Tapi kebaikan untuk Negeri Selangor ada. Kita cukup duit yang dapat cukup duit untuk mentadbir Selangor, membuat sebahagian daripada pembangunan, itu saja. Tapi kita nak banyak lagi, banyak lagi sebab kita

ada banyak tempat yang boleh kita fokus. Jadi saya berharap *'this fundential discipline will continue, should continue, then audit juga Negara should continue.* Sebab kalau tidak setiap ringgit duit rakyat ini boleh jadi terlepas ke mana-mana.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk

YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE: Soalan no. 36. Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR

36. Program Tuisyen Rakyat Selangor telah dilaksanakan bagi membantu pelajar yang menduduki peperiksaan SPM. Program ini telah pun dilaksanakan selama 5 bulan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah respons Program Tuisyen Rakyat Selangor di setiap DUN dan adakah ia mencapai matlamat kerajaan negeri?
- b) Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Kerajaan Neeri semasa menjalankan Program Tuisyen Rakyat Selangor?
- c) Adakah program ini masih akan diteruskan pada tahun hadapan dan adakah program ini akan dibuka kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR dan PMR?

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera, Tuan Speaker dan Ahli Berhormat. Terima kasih kepada Teluk Datuk yang di mana soalnya ialah tentang Program Tuisyen Rakyat Selangor dan soalnya apakah respons Program Tuisyen Rakyat Selangor di setiap DUN dan adakah ia mencapai matlamat kerajaan negeri.

Pertama, untuk makluman dan ingatan kepada semua, matlamat pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor adalah, pertama, untuk meningkatkan prestasi pelajar yang sederhana kepada keputusan yang lebih baik. Kedua, membantu pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM1500 sebulan untuk mendapat pendidikan yang lebih baik, dan ini adalah di antara usaha kita untuk mengeluarkan golongan daripada miskin ini kepada satu tahap, Insya-Allah pada generasi yang akan datang yang lebih baik. Tahap sambutan masyarakat setempat terhadap Tuisyen Rakyat adalah amat baik. Ini kerana terdapat beberapa DUN yang mendapat permintaan yang lebih daripada yang kita telah berikan kuotanya itu, iaitu untuk satu DUN, kita kata hanya 100 orang tapi ada beberapa DUN seperti DUN Meru telah melebihi 100 orang. Dan pendaftaran pelajar melibatkan seramai 3649 orang pelajar dan seramai 248 orang guru yang terlibat dan sebanyak 53 DUN telah terlibat, jadi hanya 3 DUN yang tidak turut serta dalam program ini. Berdasarkan jumlah pendaftaran dan penglibatan semua DUN, program ini telah mencapai matlamat yang telah digariskan. Seperti yang saya katakan tadi. Dan tahap sambutan boleh kita lihat daripada program Bengkel Perdana Teknik Menjawab SPM 2009 di mana kita berjaya mengumpul daripada seluruh Pusat-pusat Tuisyen, Program Tuisyen Rakyat ini di seluruh Selangor sama ada daripada Sabak Bernam di Sepang dan merata-rata, di Hulu Selangor, Hulu Langat, seramai 3500 orang pelajar telah kita berjaya

kumpulkan di Dewan Jubli Perak baru-baru ini. Dan begitu juga dengan Program Solat Hajat Perdana, kita berjaya mengumpulkan 2500 orang pelajar bersama ibu bapa mereka di Masjid Negeri baru-baru ini.

Yang kedua, apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri semasa melaksanakan program ini. Sepanjang pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat 2009, beberapa masalah yang kita telah kenal pasti ialah :

- i) Untuk mengekalkan jumlah kehadiran pelajar pada setiap sesi tuisyen. Oleh kerana seperti Yang Berhormat mungkin sedia maklum, ini seperti yang saya sebutkan tadi, kita mengambil pelajar-pelajar yang agak sederhana daripada prestasi akademiknya, dan mereka ini daripada berasal daripada yang kurang menumpukan perhatian kepada pencapaian akademik mereka, jadi sokongan ibu bapa agak kurang.
- ii) Pertembungan aktiviti sekolah dan lain-lain aktiviti pada tiap minggu.
- iii) Masalah kelancaran pembayaran kepada guru-guru pada peringkat awal.
- iv) Sikap ambil mudah sesetengah pelajar dan ibu bapa terhadap kehadiran anak-anak ke kelas tuisyen kerana ianya percuma. Kadang-kadang bila dihubungi ibu bapa kerana anaknya tidak hadir, mak dan ayah pun tak tahu dia dekat mana, dan kadang-kadang anaknya tak bangun lagi pun, si ibu pun tak berani nak kejut pun, tidak ambil kisah, tidak berapa ambil kisah. Ini adalah satu sikap yang kita lihat. Daripada program ini kita telah kenal pasti.

Pada keseluruhannya program ini berjalan lancar dengan penambahbaikan dan kerjasama semua ADUN dan pihak yang berkaitan.

Soalan ketiga, adakah program ini masih akan diteruskan pada tahun hadapan dan adakah program ini akan dibuka kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR dan PMR?

Program ini, Insya-Allah akan merupakan, ini merupakan program perintis untuk golongan sasaran SPM sahaja kerana peruntukan yang terhad. Walau bagaimanapun kerajaan negeri akan melebar luaskan golongan sasaran sekiranya ada peruntukan tambahan. Terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tapi Insya-Allah, kalau Yang Berhormat luluskan bajet kita, kita akan sambungkan program tuisyen rakyat ini sekurang-kurangnya untuk SPM. Kumpulan sasaran ini kenapa, calon SPM yang kita dahulukan dan kita utamakan kerana kumpulan sasaran ini merupakan kelompok kritikal yang akan menjadi modal insan atau tenaga kerja negeri Selangor dalam tempoh 4 tahun akan datang. Dan ia adalah merupakan peluang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendekati golongan rakyat muda ini, agar usaha gigih semua YB-YB matlamat melahirkan modal insan berkualiti akan terhasil. Sekian.

TUAN SPEAKER: Meru.

YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan ke 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: PEMBANGUNAN KAWASAN LUAR BANDAR

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah program yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan rakyat miskin terutama petani dan nelayan di negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah penglibatan agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam melaksanakan program ini bagi menjayakan hasrat kerajaan negeri Selangor?
- c) Bagaimana kemudahan infrastruktur di kawasan luar Bandar dapat ditingkatkan bagi menjana ekonomi tempatan?

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Meru, kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa program bagi membantu rakyat miskin di kalangan petani dan nelayan. Antaranya :-

- i) Program '*Blueprint*' yang dilaksanakan Yang Berhormat EXCO Kerajaan Prihatin. '*Blueprint*' Pembasmi Kemiskinan, bantuan peralatan dan input bernilai RM10,000.00 bagi menggerakkan perusahaan yang telah / akan diusahakan. Program ini di bawah kendalian Yang Berhormat EXCO Kerajaan Prihatin.
- ii) Dana Industri Kampung, bantuan peralatan dan input bernilai tidak melebihi RM10,000.00 bagi meningkatkan perusahaan IKS yang sedang diusahakan.
- iii) Dana Pertanian, Perikanan dan Veterinar, juga bantuan peralatan, baka dan input pertanian bernilai minimum RM10,000.00 / peserta.

Kerajaan Negeri akan mengenal pasti pihak swasta yang mempunyai kepakaran dan jaringan pasaran yang baik sebelum bantuan sesuatu projek diluluskan. Ini bertujuan bagi meminimumkan kegagalan sesuatu projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri kepada golongan sasaran.

Berkenaan dengan kemudahan infrastruktur, kita maklum bahawa sebelum 2008, di bawah Kementerian Luar Bandar ada peruntukan hampir RM100 juta yang diletakkan di Pejabat Tanah Daerah melalui ADO Pembangunan, yang mana '*fund*' ini daripada Kerajaan Pusat. Malangnya setelah Kerajaan Selangor bertukar tangan kepada Pakatan Rakyat, rakyat Selangor dihukum oleh pimpinan Barisan Nasional, yang mana peruntukan ini telah dikeluarkan daripada Pejabat Daerah dan diletakkan di bawah pengurusan SDO. Dan saya difahamkan wang itu disalurkan kepada pimpinan UMNO. Dan ini saya rasa adalah satu rompak besar-besaran hampir RM100 juta, tidak ke mana, tak tau ke mana wang dibelanjakan dan saya pasti wang itu habis. Saya minta wakil-wakil Yang Berhormat dari Barisan Nasional kena jawab, di mana wang itu dibelanjakan.

Bagi Kerajaan Negeri, kita dirikan pusat-pusat pengumpulan hasil tani dan IKS, bagi membantu petani-petani dan pengusaha-pengusaha luar bandar, bagi memasarkan hasil-hasil tani mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD YASIR BIN HASHIM: Kota Damansara ingin bertanya wujudkah masalah persaingan pengambilan tanah di antara perindustrian dan pertanian di luar Bandar.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Bagi tujuan perindustrian, Kerajaan Negeri telah mengezonkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk perindustrian dan kawasan-kawasan pertanian. Di kawasan yang dizonkan pertanian, dia tidak dibenarkan untuk 'convert' menjadi kawasan-kawasan perindustrian, seperti kawasan padi, Kuala Selangor, Sabak Bernam. Kawasan tersebut dizonkan untuk pertanian, iaitu permohonan untuk menukar tanah tersebut kepada tanah perindustrian ditolak.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya tak begitu setuju bila Yang Berhormat EXCO sebut, rakyat negeri Selangor dihukum dengan peruntukan RM100 juta tak dapat. Jadi, rakyat dapat, tak ada masalah pun saya rasa. Projek-projek ni semua ada, sebab dia bertanya tadi, dia minta wakil Barisan Nasional jawab, jadi kalau tak ada saya jawablah. Jadi saya rasa ni satu tuduhan yang tak betul. Saya tak mahu nanti perkara-perkara ni dihebah-hebahkan, kononnya rakyat dihukum, diwar-warkan rakyat dihukum. Tak ada maknanya rakyat dihukum, rakyat tetap dapat. Yang Berhormat ADUN-ADUN PKR yang ada di Dewan ini boleh lihat berapa banyak projek kita di bawah sana. Berapa banyak *signboard* yang kita dah pasang, untuk menunjukkan projek-projek kita, jadi tak payahlah kata rakyat dihukum. Sebenarnya rakyat negeri Selangor begitu gembira sekali mendapat projek ini terus daripada ADUN-ADUN Barisan Nasional.

Soalan saya, kita nak bertanya, apa Kerajaan Negeri buat, sebab bila mula-mula dapat dulu, bila menang saja, semua jentera kat bawah ni, ketua-ketua kampung, JKKK yang baru dilantik ni, sibuk pergi ambil gambar sana ambil gambar sini, tapi saya nampak banyak benda tak buat pun. Balai raya yang diambil alih pun tak dibaiki pun. Jadi ni yang kita nak Tanya, apa yang Kerajaan Negeri buat, dengan masalah-masalah infrastruktur yang ada di bawah ni, terutama cukuplah bangunan-bangunan yang ada di bawah tu, sibuk ambil kunci saja, tapi bangunan dah banyak rosak, tak ada siapa baiki pun, tolonglah jawab Tuan EXCO.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Kita maklum, Yang Berhormat Dusun Tua, Pembangunan Luar Bandar adalah peruntukan di bawah Kementerian Luar Bandar. Dalam Luar Bandar ada 4 segmen. Satu dipanggil Luar Bandar, Kedua KEMAS, ketiga JKKK, keempat Hal Ehwal Orang Asli. Daripada 4, 3 adalah di bawah Federal, yang mana sebelum ini diserahkan 'fund' tersebut kepada Kerajaan Negeri, untuk diuruskan. Ini telah pun berlalu selama 50 tahun. Tapi bilamana Pakatan, Pakatan ambil alih negeri, peruntukan luar Bandar, KEMAS, Orang Asli telah diambil oleh Persekutuan dan diserahkan kepada pimpinan-pimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Yang mana, macam mana kita nak pastikan ketelusan...

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Tuan Speaker, saya tak cerita soal KEMAS dan Jabatan Orang Asli, saya bercerita pasal balai raya, peruntukan balai raya, kalau KEMAS, Orang Asli, saya tau. Ini diuruskan oleh Federal. Saya bercerita soal bangunan yang *you all* ambil alih ini, kenapa tidak diperbaiki, ini yang saya tanya sekarang ini. Bukan soal Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, KEMAS dan sebagainya. Ini memang *confirm* kita uruskan. Kita dah urus dengan sebaiknya pun tak perlu campur tangan Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Ya, betul Dusun Tua, tanya yang spesifik, jawab yang spesifik.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Saya ceritakan tentang macam mana struktur Luar Bandar, ada 4, 3 Federal, satu *state*. Kemudian peruntukan ini sepatutnya diserahkan Pejabat Daerah untuk diuruskan oleh Pejabat Daerah, yang mana ada pegawai bertanggungjawab, ada ADO-nya, ada Technician-nya, bagaimana kontrak diberikan. Tetapi sekarang peruntukan itu diambil, tak tau bagaimana dibelanjakan, siapa yang kendalikan, masuk kawasan ke kawasan Kerajaan Negeri tanpa diberitahu Kerajaan Negeri, sebab itu macam mana nak pantau peruntukan ini. Sebab itu kita kena kembali ke asal. Ada sistem Federalisme, yang mana Pusat, mana Negeri. Yang peruntukan daripada Pusat, untuk Luar Bandar, kena serah Pejabat Tanah, tetapi, telah diambil diberi kepada JKP untuk dibelanjakan, tak tau macam mana dibuat. Saya ambil contoh, Tuan Speaker, seorang JKP daripada Sabak Bernam jumpa Ketua Sidang, Tok, apa nak buat, ada RM20,000.00 ni, suka hatilah nak buat macam mana pun, dia cat-cat surau, *claim* RM20,000.00. Siapa yang pantau, macam mana award diberi, tak tau. Itu saya menyatakan supaya sistem pentadbiran ini kena telus, daripada Pusat serah Pejabat Tanah, Pejabat Tanah diuruskan oleh Pegawai. Tetapi kalau diambil oleh Ketua-ketua UMNO Cawangan, ketua-ketua Bahagian, macam mana UMNO Bahagian nak uruskan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Saya tak setuju dengan jawapan EXCO, saya tak terang tentang perkara ini. Ini tuduhan semata-mata. Beri pada Bahagian, beri pada Ketua Cawangan, tak ada, kita beri kontrak pada Ketua Cawangan pun, Tuan Speaker, kita pada kontraktor Kelas F. Ini salah ni. Ini tak betul, ini tuduhan.

TUAN SPEAKER: Tak apa, tak apa...

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Sama jugalah kalau kita jumpa orang bunuh orang, kebetulan dia ahli DAP, orang DAP semua bunuh orang, tak betul ni, saya pun tak setuju. Tak sesuai, tak sesuai... **(GADUH)**

TUAN SPEAKER: Saya jelaskan.. Duduk semua duduk. Duduk. Duduk. Speaker cakap. Biarlah Speaker cakap dulu. Yang Berhormat kalau tak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan EXCO, boleh nanti ambil bahagian perbahasan, sebab ini sidang untuk bajet, jadi tak perlulah bergaduh kalau tak bersetuju. Itu jawapan diberi, kalau tak setuju, kita boleh bidas kemudian, ini bukan perbahasan, kita dapat jawapan, kalau jawapan tak betul....

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Terima kasih Speaker.

TUAN SPEAKER: Speaker tenanglah, EXCO tenanglah, jangan beremosi sangat, ya teruskan, spesifik, tolong beri jawapan yang spesifik.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Untuk tahun hadapan, oleh kerana selama ini, peruntukan ini daripada Pusat, maka 2008 tiada peruntukan diberi, untuk tahun 2010, ada peruntukan disediakan untuk program luar bandar sekitar RM3 juta, saya rasa ini boleh membantulah untuk mengecat mana-mana Dewan yang tidak sempat dicat tahun ini.

TUAN SPEAKER: Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, soalan 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: PERUBAHAN IKLIM (CLIMATE CHANGE)

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah agenda kerajaan dalam menangani masalah perubahan iklim Sedunia?
- b) Apakah rancangan dan tindakan yang diambil untuk mengurangkan pengeluaran gas pemanasan global?
- c) Apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan pengeluaran gas metana (*methane*) dari tapak pelupusan sampah?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat untuk maklumat semua perubahan iklim merupakan punca dari pelepasan gas rumah hijau atau *green house glasses* (dengan izin) ataupun GHG seperti gas karbon dioksida ke udara. Pelaksanaan program untuk menangani masalah perubahan iklim sedunia ialah ke arah pengurangan pelepasan gas tersebut dan ini adalah dibawa (dengan izin) *United Nations Framework Convention On Climate Change* (UNFCCC) dan Protokol Kyoto di mana Malaysia telah menjadi anggota kepada badan dunia tersebut pada tahun 1994 dan 2002.

Protokol Kyoto adalah merupakan satu protokol antarabangsa yang diwujudkan untuk mendapatkan komitmen Negara anggota bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang menyumbang kepada perubahan iklim. Sebagai sebuah negara sedang membangun, Malaysia sehingga kini masih tidak perlu membuat komitmen bagi mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida, tetapi dikehendaki untuk memantau dan melaporkan penghasilan gas tersebut kepada sekretariat UNFCCC. Walau bagaimanapun kerajaan Selangor ingin membuat tindakan awal dan membuat komitmen terhadap isu ini. Kita percaya penduduk Selangor maklum terhadap cabaran yang di bawa oleh perubahan iklim. Sebagai kerajaan negeri kita juga mempunyai tanggungjawab untuk menunjukkan kepimpinan dalam bidang ini.

Di peringkat Kerajaan Negeri, pelbagai program telah di bincang seperti program *green office*, *green building index* (GBI), meningkatkan aktiviti kitar semula di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya, lain-lain program, sebagai langkah pencegahan perubahan iklim. Skop program ini melibatkan penjimatan penggunaan tenaga elektrik seperti menetapkan suhu penyaman udara kepada 25C berbanding 20C ke bawah sebelum ini, mempromosikan (dengan izin) *natural light* ataupun cahaya yang natural dan memadamkan lampu pejabat pada waktu rehat, menggunakan komputer yang menjimatkan kuasa dan lain-lain. Program ini juga termasuk melibatkan penjimatan air dan penggalakan program kitar semula.

Kalau kita lihat apa yang dibentangkan semasa bajet, kita juga telah mengemukakan beberapa isu pokok dalam pakej rangsangan ekonomi negeri seperti meneliti dan juga membuat satu sistem ataupun program projek pengangkutan awam. Jadi kalau kita berjaya untuk menggiatkan atau memperkasakan isu pengangkutan awam saya rasa ini satu langkah yang

amat bagus untuk negeri Selangor khususnya di Lembah Klang. Kerajaan Negeri akan juga mengambil langkah-langkah yang bersistematik untuk menguruskan perubahan iklim ini dengan cekap. Kita perlu:

1. mengenal pasti jumlah pelepasan gas rumah kaca / *green house glasses* (GHG).
2. Menguruskan sumber gas-gas tersebut sambil menjaga hutan, lautan yang membantu penyerapan pelepasan karbon dioksida.

Untuk mencapai matlamat tersebut kita telah:

1. Mula mengkaji maklumat pelepasan *green house glasses* (GHG).
2. Mengkaji potensi *green building index* (dengan izin) GBI.
3. Mengajar dan menyokong persidangan tentang tenaga hijau dan juga pembangunan mampan.
4. Memulakan projek untuk memperkasakan pendidikan awam.
5. Mengisytiharkan monodotorium ke atas pembalakan hutan simpanan kekal dan juga bakau. Hutan bakau.

Menjelang tahun hadapan, kita akan bekerjasama dengan pihak awam dan swasta untuk peningkatan kecekapan tenaga elektrik ataupun *energy emergency* dan juga tenaga hijau di Selangor. Dan, di bawah EXCO Sains dan Teknologi juga ada juga satu program khusus untuk perkara ini dan juga di bawah EXCO pelaburan. Kalau kita lihat *projectery* pelaburan yang kita ingin dapat di Negeri Selangor. Kita tidak lagi mahukan apa yang digelar dengan izin *sunset in the industry* iaitu industri yang kotor dan juga tidak maju. Tetapi kita juga menekankan industri-industri dan pelaburan-pelaburan yang digelar *green industry* ataupun *green technology*. Pengurangan dan penggantian penggunaan tenaga juga dapat membantu mengurangkan pelepasan *green house glasses* bagi mengelakkan perubahan iklim yang berbahaya. Kita juga telah mengkaji beberapa, beberapa projek yang berpotensi seperti tenaga biomis. Di Selangor kita ada dua puluh satu (21) ladang kelapa sawit, *oil palm mile* dengan izin kilang kelapa sawit. Sisa-sisa kelapa sawit boleh digunakan untuk menjana tenaga yang perlu dijanakan oleh ladang-ladang tersebut untuk menjadikan ia *sun....* dengan izin.

Salah satu tindakan yang boleh diambil untuk mengurangkan pengeluaran gas metana dari tapak pelupusan sampah ialah melalui kaedah pengumpulan gas yang terhasil daripada tapak-tapak sampah untuk ditukar ke tenaga terutama tenaga elektrik. Di Selangor hanya 3 buah tapak sampah yang dikategorikan sebagai tapak pelupusan sampah *sanitary*. Di mana ianya mempunyai potensi dan juga kemudahan untuk pengumpulan gas metana sebelum ditukar kepada bentuk tenaga. Manakala bagi kemudahan tapak sampah yang lain iaitu yang haram, yang terbuka ia tidak mempunyai kemudahan tersebut. Akhir katanya, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa untuk menangani isu masalah perubahan iklim. Kita juga sebagai wakil rakyat dan juga pemimpin masyarakat kita perlu menunjukkan dengan izin - jadi kita mempunyai dasar di Kerajaan Persekutuan, kita mempunyai dasar di Kerajaan Negeri tetapi tindakan kita pada setiap hari kalau tidak mencerminkan dasar tersebut di mana kita secara aktif mengurangkan karbon dioksida dengan izin karbon dioksida *carbon dioxide* (dengan izin) maka ia menjadi pakatan sahaja.

Jadi pada akhir tahun ini kita akan menghantar satu notis kepada semua wakil rakyat dan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya semua ADUN-ADUN saya harap boleh membuat satu komitmen

yang konkrit dan kekal di mana kita akan menyenaraikan cara-cara untuk mengurangkan *carbon food green* (dengan izin) dan saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kira apa-apa parti dari mana, pembangkang ataupun kerajaan boleh membuat komitmen tersebut dan menunjukkan kepada semua penduduk di Negeri Selangor kita merupakan pemimpin yang unggul di negara ini.

YB TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Kajang ingin bertanya untuk mengurangkan sisa pepejal, khasnya sisa pepejal domestik adakah Kerajaan Negeri mempunyai agenda atau komitmen dalam program-program kitar semula. Misalnya, kita sekiranya ada inisiatif daripada swasta atau dari pihak PBT, ataupun DUN di bawah ADUN-ADUN Yang Berhormat sekalian. Kalau menjalankan program-program kitar semula maka adakah inisiatif atau galakan diberi kepada badan-badan tersebut tadi? Sekian, terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Yang Berhormat dari Kajang. Memang ada beberapa inisiatif di mana sisa pepejal domestik bukan sahaja sisa makanan tetapi juga minyak ada juga di kitar semula. Saya boleh maklum pada semua seperti di DUN Batu 3, Taman Medan dan juga DUN Seri Setia saya di maklum bahawa ada satu inisiatif dijalankan oleh pusat khidmat ADUN-ADUN tersebut. Mereka adakan program kitar semula minyak masak. Dan minyak masak ini boleh digunakan akhirnya menjadi minyak diesel. Dan saya rasa ini merupakan program yang sangat penting ia nya mengurangkan minyak untuk dibuang saja lah ke dalam longkang atau sungai ataupun di tapak-tapak pelupusan sampah. Dan Inisiatif. Saya rasa inisiatif tidak perlu menunggu Kerajaan Negeri ataupun PBT sahaja, memang ada inisiatif ekonomi, *finance economy* (dengan izin) yang berkaitan dengan program-program tersebut. Kalau kita lihat program-program kitar semula minyak yang dijalankan di DUN Batu 3, Taman Medan, Seri Setia orang yang menyimpan minyak masak yang digunakan, yang telah digunakan dan selepas itu menjual kepada pengusaha-pengusaha yang menukar minyak tersebut mereka dapat inisiatif dari segi kewangan. So, ini merupakan. Kalau kita lihat arah di mana pihak swasta sekarang merupakan *link agency* untuk mengurangkan tapak karbon ataupun *carbon food green* merekalah memberi *financial* kepada semua dan saya juga ingin maklum kepada Ahli Yang Berhormat dari Kajang bahawa selain daripada itu ada satu inisiatif yang agak menarik iaitu di Kajang juga, berdekatan Kajang di mana terdapat satu kilang yang dipanggil (dengan izin) *Rinse To Energy Plant*. Kilang tersebut menghasilkan 70.3 megawatt tenaga di mana tenaga elektrik ...

TUAN SPEAKER: Bukit Lanjan, Sudah jauh dah tu.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: *Opps.. sorry.*

TUAN SPEAKER: Inisiatif itu walaupun sudah sedia tapi tidak perlulah baca semua. Soalan tidak tanya. Taman Templer, tidak hadir. Kuala Kubu Baharu, tidak hadir lagi? Sudah dua hari tidak hadir ni. Paya Jaras.

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR: Tuan Speaker soalan nombor empat puluh satu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK: PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

41. Kadar sewa rumah PPR telah dinaikkan daripada RM124 kepada RM250 sebulan akibat kenaikan kos penyelenggaraan yang membebankan rakyat dan isu ini masih belum selesai sepenuhnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan tidak dapat menyediakan bajet untuk menampung kenaikan kos tersebut sekali gus membantu para penyewa di bawah dasar "Negeri Berkeadilan".

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, *bismillahi rahmani rahim* untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kita kena imbas kembali, bahawa kenaikan sewa PPR telah dinaikkan daripada seratus dua puluh empat ringgit kepada dua ratus lima puluh, perkara ini telah diputuskan oleh Mesyuarat EXCO pada bulan Jun 2007 ketika zaman Kerajaan Barisan Nasional lagi dan pada November 2008 Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menurunkan sewa ini daripada seratus dua puluh empat kepada seratus dua puluh empat ringgit balik. Bagi mereka-mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM seribu lima ratus sebulan dan juga mempunyai lima orang ahli keluarga iaitu dua orang ibu bapa dan tiga orang anak. Walau bagaimanapun kita terus mendapat aduan ataupun permohonan supaya diturunkan lagi sewa ini dan kita telah menurunkan sewa ini sekali lagi pada Oktober 2009 kepada semua yang berpendapatan kurang dari seribu lima ratus tidak kira jumlah ahli keluarga dan juga kepada mereka yang berpendapatan lebih daripada seribu lima ratus yang mempunyai bilangan anak yang tertentu contohnya kalau dia berpendapatan seribu lima ratus sehingga dua ribu seratus kalau bilangan anaknya empat atau tujuh dia layak mendapat pengurangan. Kalau pendapatannya dua ribu satu ratus satu hingga dua ribu lima ratus lima puluh kalau anaknya di antara lapan hingga sepuluh dia layak juga mendapat pengurangan. Kalau pendapatannya dua ribu lima ratus satu hingga tiga ribu tiga ratus dan bilangan anaknya sebelas sehingga lima belas, kalau adalah dia layak mendapat pengurangan. Dan masalahnya sekarang ini, ianya bukannya masalah peruntukan tetapi kita kena melihat seorang itu mampu membayar, tidak ada sebab kenapa Kerajaan perlu menanggung sebab kalau kita lihat bahawa untuk fasa pertama pada bulan November 2008 pengurangan yang pertama seratus lima puluh empat orang telah layak untuk mendapat pengurangan dan kalau kita lihat bahawa kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan atau pun pengurangan pendapatan adalah lebih kurang satu point empat juta dan untuk fasa kedua kita menjangkakan dua kali ganda daripada jumlah yang asal akan mendapat pengurangan. Ini bermakna pengurangan pendapatan sewa yang akan ditanggung oleh Kerajaan adalah lebih kurang RM tiga juta. Inilah perkara-perkara yang perlu ditanggung oleh Kerajaan kalau dikatakan bahawa Kerajaan tidak menyediakan atau menampung kenaikan kos tersebut ini tidak benar. Kita terpaksa menanggung sehingga tiga juta menurut fasa kedua pengurangan itu terima kasih.

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR: Soalan Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Paya Jaras.

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO B. MAT JOHOR: Oleh kerana ada dua projek penempatan semula PPRT di Parlimen Subang dan saya nampak apabila ada jugak yang menyalahgunakan kesempatan ini iaitu sama ada mereka menyewa kepada pihak-pihak tertentu, sama ada orang tempatan atau pun luar Negara. Yang keduanya apabila kita tahu bebanan subsidi yang diberi oleh Kerajaan Negeri bagaimana pulak oleh kerana begitu lama sekian lama ada beberapa penghuni atau penyewa yang masih lagi tinggal di sana dan ini menjadikan satu konflik, atau pun bagi pihak yang perlu yang ingin dapat yang sebenarnya kerana permintaan begitu ramai sekali. Boleh tak kita mengambil tindakan sesuatu terhadap penghuni-penghuni tersebut yang mungkin sepatutnya telah pun berpindah. Atau pun pihak Kerajaan Negeri ada program luar dan sebagainya saya tidak tahu. Sekian terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat untuk menjawab soalan tersebut memang kita ada laporan tentang mereka yang menyewa yang *sublet* dengan izin unit-unit mereka. Dan ini kita dalam buat bancian untuk menurunkan sewa, ini kita telah mengenal pasti, kita akan membuat tindakan kepada mereka yang *sublet* atau menyewa kali kedua unit-unit mereka. Dari segi permintaan kalau dilihat di dua PPR tersebut saya rasa dari unit kosong ada banyak unit kosong tetapi apa yang perlu dilakukan adalah sekarang membaik pulih unit tersebut supaya dapat didiami. Contohnya PPR Lembah Subang ada lapan ratus lima puluh sembilan unit kosong daripada tiga ribu empat bilangan unit ada lapan ratus lima puluh sembilan unit kosong. Dan di PPR Kota Damansara daripada seribu seratus lima puluh unit ada tiga ratus tiga puluh tujuh unit kosong. Jadi bermakna dari segi untuk permintaan untuk duduk atau pun menetap di PPR itu tidak ada masalah, masih ada unit kosong tetapi apa yang kita begitu, yang kita nak lihat adalah terdapat mereka yang dijanjikan rumah, dikeluarkan daripada kampung-kampung mereka sebelum ini dan dimasukkan ke dalam PPR ini dan dijanjikan dalam tiga atau empat tahun mereka akan dipindahkan rumah atau diberi peluang untuk membeli rumah kekal rumah Kos Rendah. Kita ada senarai dan kita tengah mengusahakan supaya mereka dapat pindah ke rumah kekal mereka di antaranya adalah kerana projek perumahan mereka itu masih belum siap. Jadi itu sebab mereka terus duduk di sana. Dan perkara kedua yang dibangkitkan adalah tentang penjualan, memang kita dah dapat seperti mana yang saya jawab di hari pertama, memang kita dah dapat permohonan untuk membeli RKR ini dan pada dasarnya Pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bersetuju untuk menjual RKR ini dan kita tengah menunggu mekanisme daripada Kementerian atau pun PKT macam mana penjualan ini akan dilakukan. Macam mana dengan SMP dia, dengan izin, siapa yang akan sains bagi pihak siapa adakah Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Persekutuan. Yang ini untuk menjawab soalan memang PPR ini akan dijual tetapi kita pastikanlah bahawa mereka yang layak sahaja yang dapat membeli. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Setia.

YBTUAN NIK NAZMI B. NIK AHMAD: Tuan Speaker soalan nombor empat puluh dua.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK: ALAM SEKITAR DAN GERAKAN HIJAU

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah yang diambil kerajaan bagi memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Selangor terutama yang melibatkan hutan simpan?
- b) Apakah inisiatif dan perkembangan usaha kerajaan terhadap tenaga boleh diperbaharui sebagai langkah mampan memelihara alam sekitar?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dipertanggungjawabkan untuk mengekalkan sekurangnya tiga puluh peratus kawasan tanah negeri sebagai hutan simpanan kekal mengikut kehendak agenda dua puluh satu Kerajaan Negeri Selangor. Sehingga tahun 2008 keluasan hutan simpanan kekal ialah dua ratus empat puluh satu ribu lima ratus enam puluh lapan hektar dan dari jumlah ini seluas seratus enam puluh empat ribu dua ratus tujuh puluh lapan hektar ataupun enam puluh lapan peratus telah dikelaskan sebagai hutan perlindungan manakala seluas sembilan puluh lapan ribu dua ratus enam puluh tujuh hektar atau pun empat puluh satu peratus telah diwartakan mengikut seksyen sepuluh sub seksyen satu Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara sembilan belas lapan puluh lima. Kelas-kelas perhutanan perlindungan yang telah diwujudkan ialah hutan tadahan air, hutan lipur, hutan perlindungan tanah, hutan perlindungan hidupan liar, hutan pelajaran, hutan simpanan, hutan dara, hutan penyelidikan dan Taman Negeri.

Fungsi Hutan Perlindungan ialah untuk memastikan kestabilan sumber bekalan air, kesuburan tanah, kualiti alam sekitar, pemeliharaan bio-diversiti, mencegah atau meminimumkan kerosakan akibat hakisan tanah dan banjir serta mengekalkan nilai-nilai estetika yang boleh dinikmati masyarakat menerusi pemeliharaannya. Hutan Perlindungan juga mengambil kira pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem mengikut jenis hutan iaitu Hutan Darat, Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut.

Projek pemuliharaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ialah tanaman mengaya hutan miskin, tanaman pemulihan hutan terosot dengan izin (*degraded forest*), tanaman pokok herba, lading hutan serta menjalankan aktiviti pengusahaan hutan secara mampan menurut ketetapan pensijilan Hutan yang diiktiraf antarabangsa iaitu *Malaysia Criteria and Indicator (2002)*.

Soalan yang berkaitan dengan itu Dasar Teknologi Hijau Negara telah dilancarkan pada 24 Julai 2009 oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia. Dasar ini akan bertindak sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi Negara ke arah pembangunan yang mampan dari pelbagai aspek seperti alam sekitar, ekonomi, sosial dan kecekapan tenaga.

Menyedari hal ini, kerajaan negeri telah mengadakan Selangor *Conference On Alternative And Renewable Energy 2009* dengan izin atau pun SelCARE'09 pada 15 Oktober 2009 yang bertujuan untuk: satu mempersiapkan Selangor untuk menjadi perintis di dalam perancangan dan pembangunan sumber tenaga alternatif dan tenaga yang diperbaharui. Dua memahami peluang dan cabaran di dalam membangunkan sumber tenaga alternatif dan tenaga yang diperbaharui. Tiga mengenal pasti manfaat dan impak daripada penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui. Empat mengenal pasti teknologi yang sesuai serta kos efektif di dalam membangunkan sumber tenaga alternatif dan tenaga diperbaharui di Selangor dan lima menyediakan platform bagi perbincangan bertukar pendapat dan idea di antara semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung di dalam pembangunan dan pelaksanaan Dasar Tenaga Negara.

Dan selain daripada itu Kerajaan negeri juga menganjur dan menyokong beberapa seminar di mana isu tenaga nuklear dan juga tenaga mampan dijalankan. Kerajaan negeri juga merancang untuk menggalakkan pihak industri dan juga pengguna untuk mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan tenaga yang kini diwajibkan oleh undang-undang ataupun beri insentif cukai dan saya rasa ini Ahli-ahli Yang Berhormat perancangan merupakan pemacu kalau kita ingin melihat pengembangan *renew energy* dengan izin atau pun telah diperbaharui itu merebak di seluruh Negeri Selangor. Perancangan boleh menetapkan beberapa syarat-syarat khasnya untuk pembangunan baru.

Kerajaan negeri ini juga telah menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Q-Cell, sebuah syarikat yang menghasilkan wafer dan sel solar dari Jerman bagi menghasilkan produk berkaitan sistem solar di Sepang, Selangor. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa akan mendapatkan khidmat daripada pakar-pakar terbaik dan bekerjasama dengan Pusat Tenaga Malaysia bagi mewujudkan koordinasi pelaburan mantap serta menyediakan insentif-insentif lain seperti tanah, air, infrastruktur dan terutamanya tenaga mahir bagi menarik pelabur dalam industri tenaga alternatif dan tenaga diperbaharui di negeri Selangor.

YBTUAN NIK NAZMI B. NIK AHMAD: Tuan Speaker soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Silakan Seri Setia.

YBTUAN NIK NAZMI B. NIK AHMAD: Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan tersebut tetapi saya juga ingin mengetahui adakah kita mahu bergerak lebih jauh daripada sekadar perbincangan dan seminar ke arah pelaksanaan. Saya faham isu tenaga dan sebagainya mungkin lebih banyak kuasa di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi isu perancangan Bandar dan pembangunan yang berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri saya ingin bertanya adakah wujud sebarang rancangan untuk integrasikan langkah-langkah yang mesra alam ke dalam pembangunan yang akan datang di Negeri Selangor.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Seri Setia memang ini merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri ada, adalah untuk menangani isu ini adalah di bawah perancangan ataupun *planning*. Dan kalau kita mengkaji ucapan bajet Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita boleh juga melihat misi, isu *renewal energy* yang diperbaharui, isu alam sekitar, bangunan mesra alam atau pun GVI dan sebagainya diutarakan. Jadi kita perlu mengambil signal dari ucapan bajet tersebut dan perancangan bersama dengan PBT dan juga semua EXCO-EXCO yang ada kaitan dengan isu ini kita perlu duduk bersama dan adakan satu dasar. Saya bersetuju mungkin seminar dan *conference* mungkin kita tidak boleh melihat keputusan yang jelas dan atau pun cepat tetapi kita perlu duduk bersama untuk mengukirkan satu dasar, kalau kita ingin katakan *renewal energy* (tenaga yang diperbaharui) untuk menjadi penjana ekonomi di negeri Selangor pada 2011 ataupun 2012 jadi kita perlu mengukirkan dasar tersebut. Tetapi saya rasa sekarang *trend* kalau kita lihat *trend renewal energy* sebenarnya bukan kerajaan tidak kira di Persekutuan ataupun di Negeri yang menjadikan pemacu tetapi pihak swasta. So, kalau kita lihat bangunan-bangunan sekarang yang sudah dibangunkan mereka dah mengambil kira beberapa teknologi hijau atau *green technology* mereka telah buat dengan izin *water harvest thing* dan ada solar panel dan sebagainya. Kita sebagai kerajaan boleh dikatakan dengan izin *we are left behind* kita di kebelakangan. So sekarang kita nak tau kita perlu buat *catch up* dengan pihak swasta dan industri tersebut.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker soalan tambahan.

PUAN SPEAKER: Silakan Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Baru-baru ini di MPKj (Majlis Perbandaran Kajang) Ahli-ahli Majlis membincangkan tentang projek air dari Pahang ke Selangor yang melalui Hulu Langat telah merosakkan hutan simpan di sana dan juga mencemarkan sungai kerana laluan terlalu dekat dan terlalu hampir dengan Sungai Hulu Langat dan penduduk di sana memprotes tentang sebab yang mencemarkan ini kita nak tanya sama ada EXCO Alam Sekitar turun melihat di sana. Dan apakah tindakan yang diambil adakah menyekat dulu projek ini atau bagaimana kerana ia merosakkan alam sekitar.

PUAN SPEAKER: Bangi, soalan itu tidak ada kena mengena dengan soalan asas tadi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Hutan simpan. Ia berkaitan dengan hutan simpan.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat dari Bangi. Pertamanya saya ingin maklum kepada Yang Berhormat Bangi dan juga semua yang berada di dewan ini dari awalnya saya memang membantah projek tersebut. Dari 5 tahun yang lalu, saya pernah pergi ke hutan simpan yang berkaitan dengan terowong ataupun *tunnel* tetapi saya pernah pergi ke kawasan Pahang untuk melihat keadaan tersebut untuk berbincang dengan orang-orang asli yang duduk di sana dan mengkaji kita ada satu *team* pada 5 tahun yang lalu kita telah mengkaji isu tentang empangan Kelah yang sekarang kita ada projek untuk menyambung terowong Pahang *Water Transfer*. Masalahnya apabila kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat masuk pada 8 Mac 2008 projek ini sudah ditandatangani dan ini bukan projek kerajaan negeri. Ini projek kerajaan persekutuan dan projek ini dari awalnya dah dapat dengan izin EIA (*environment impact assessment*) telah diluluskan. So, apabila kita masuk kontrak-kontraknya bukan sahaja sudah ditandatangani tetapi sudah boleh dikatakan *inforced already* ia. Yang saya dimaklumkan. Apa yang kita boleh buat pada masa ini adalah untuk memantau termasuk *mitigate* dalam bahasa Inggeris dengan izin. *Mitigate* kerosakan mungkin berlaku. Kalau kita lihat EIA tersebut kita lihat ada kerosakan apabila saya dengar projek ini telah bermula saya telefon MPKj untuk menanya adakah kelulusan *earthwork* sudah diberi oleh MPKj. Bukan sahaja pejabat saya dan juga pejabat EXCO Infrastruktur tetapi saya rasa PBT juga mesti bersama berganding bahu bersama untuk memantau projek tersebut supaya hutan simpan kita tidak akan dirosakkan oleh Projek Pahang – Selangor *Water Transfer*.

PUAN SPEAKER: Damansara Utama.

YB TUAN DR. CHEAH WING YIN: Puan Speaker soalan 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: MELETAK MEJA DAN KERUSI MAKAN DIKAWASAN PARKING

43. Terdapat beberapa restoran di Petaling Jaya (misalnya diSS2) yang membolot tempat letak kereta awam di depannya untuk meletak meja dan kerusinya. Ini menyebabkan kesesakan serta mengganggu lalu lintas dan peniaga-peniaga lain. Aduan yang diajukan tidak menyebabkan perubahan banyak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang berkesan yang boleh diambil untuk mengatasi keadaan ini?
- b) Adakah suatu dasar untuk menangani mereka yang kerap bersalah? Berapa kali dasar ini dipergunakan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Puan Speaker, Yang Berhormat dari Damansara Utama ingin bertanya mengenai meletak meja dan kerusi makan di kawasan *parking*.

Puan Speaker, pihak Majlis telah mengambil tindakan di bawah Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 iaitu meletakkan atau menyebabkan diletakkan apa-apa barang atau benda yang digunakan untuk atau berhubung dengan *trendnya* di mana-mana tempat awam ke atas kesalahan meletak kerusi dan meja tanpa kebenaran Majlis. Statistik mulai 1 Januari 2009 hingga 28 Oktober 2009 adalah seperti berikut:

- i) Tindakan kompaun sejumlah 4,221 kes.
- ii) Tindakan sitaan 479

Tindakan sitaan yang dijalankan adalah bagi memastikan pengusaha atau pemilik restoran mematuhi peraturan ini.

Seperti semua PBT di negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya menggunakan dasar Kerajaan Negeri Selangor yang meluluskan dasar untuk meletakkan kerusi dan meja makan di kawasan *parking* PBT tetapi ini semua kelulusan bukan diberikan secara automatik. Kelulusan hanya akan diberikan mengikut kes-kes tertentu iaitu tidak menjadi gangguan, tidak menghalang trafik dan juga keadaan kesihatan dan lain-lain. Dan juga pembersihan. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Puan Speaker soalan no. 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: JAWATANKUASA PENGURUSAN TAMAN PERINDUSTRIAN (IPMC)

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah keberkesanan jawatankuasa ini dalam meningkatkan lagi pengurusan dan kualiti kawasan industri.
- b) Adakah kerajaan memberi peruntukan dalam menjayakan program tersebut.
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil agar pembangunan perindustrian akhirnya tidak mengakibatkan pencemaran / kesan negatif kepada persekitaran.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Puan Speaker mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sijangkang berkenaan dengan Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC) ataupun *Industrial Park Management Community*.

Puan Speaker, IPMC yang ditubuhkan telah berjaya membantu para pekilang di mana kebanyakan isu dan permasalahan yang dibangkitkan sewaktu mesyuarat IPMC diadakan adalah berkaitan dengan isu/permasalahan yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli-ahli IPMC yang ditubuhkan adalah terdiri daripada agensi-agensi perkhidmatan kerajaan, separa kerajaan, Persatuan Pekilang-pekilang Daerah dan pihak industri. IPMC dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan bersama dengan wakil dari Persatuan pengilang-pengilang daerah. Objektif penubuhan IPMC adalah untuk:

- i) Menyediakan medium perantara antara pihak industri dengan pihak jabatan kerajaan yang berkaitan untuk berbincang serta mencari jalan penyelesaian untuk menangani masalah-masalah industri yang dihadapi dalam sesuatu kawasan tersebut.
- ii) Menjalin hubungan baik, *networking* dan kerjasama antara pihak-pihak yang terlibat sama ada pihak swasta atau pihak jabatan kerajaan dalam menangani isu-isu perindustrian.
- iii) Untuk menyumbang kepada pengurusan dan penyelenggaraan kawasan industri yang lebih efektif dan efisien demi menyediakan kawasan industri yang selesa kepada para pelabur.

Oleh itu, sebarang isu/permasalahan yang dibangkitkan akan mendapat maklum balas secara terus dan tindakan segera akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan. Melalui IPMC juga memudahkan Pihak Berkuasa Tempatan membuat pemantauan.

Antara isu/permasalahan yang dibangkitkan adalah seperti:

- i) Kebersihan dan keindahan kawasan perindustrian
- ii) Kawalan kacau ganggu dan pencemaran persekitaran
- iii) Kemudahan infrastruktur seperti jalan, saliran/longkang dan lampu jalan
- iv) Kemudahan pengangkutan awam
- v) Kemudahan utiliti/perhubungan telekomunikasi, bekalan air, bekalan tenaga elektrik dan telefon
- vi) Masalah tempat letak kereta dan papan tanda jalan dan sebagainya

Yang Berhormat Sijangkang ada juga bertanya sama ada kerajaan memberi peruntukan dalam menjayakan program IPMC. Untuk makluman Yang Berhormat, IPMC yang ditubuhkan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai isu/permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri. Kebanyakan isu/permasalahan yang dibangkitkan sewaktu mesyuarat IPMC diadakan adalah berkaitan dengan isu/permasalahan yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan teknikal.

Sehubungan dengan itu, sebarang isu/permasalahan atau cadangan yang dibangkitkan oleh pihak industri akan dipertimbangkan dan diteliti oleh Kerajaan Negeri untuk diambil tindakan menggunakan peruntukkan khas daripada Kerajaan Negeri mahupun peruntukkan daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan.

Puan Speaker, Yang Berhormat Sijangkang juga bertanya apakah langkah-langkah yang diambil agar pembangunan perindustrian akhirnya tidak menyebabkan pencemaran ataupun kesan negatif kepada persekitaran. Untuk makluman Yang Berhormat antara langkah-langkah yang diambil agar pembangunan perindustrian akhirnya tidak mengakibatkan pencemaran/kesan negatif kepada persekitaran adalah seperti berikut:-

1. Menyediakan perancangan pembangunan awal dengan pengkhususan kawasan-kawasan industri mengikut status industri seperti industri berat, industri ringan dan sebagainya.
2. Mensyaratkan penyediaan kawasan zon penampungan sekiranya kawasan industri tersebut berada berdekatan dengan industri perumahan.
3. Pada masa ini hanya industri yang tidak mencemarkan alam sekitar sahaja yang dibenarkan untuk beroperasi di Negeri Selangor bagi membendung masalah isu pencemaran alam sekitar. Industri yang melibatkan penghasilan bahan pencemaran tidak digalakkan untuk beroperasi di Negeri Selangor.
4. Sebarang cadangan pembangunan industri yang diterima akan dinasihatkan untuk menyediakan Laporan Awal Tapak bagi mendapatkan ulasan daripada Jabatan Alam Sekitar sebelum sesuatu projek itu diluluskan untuk ditempatkan di kawasan yang dicadangkan.
5. Pihak industri juga turut dinasihatkan untuk melaksanakan operasi pengeluaran yang bersih atau *Best Available Technique* dalam operasi pengeluaran mereka.
6. Memastikan pematuhan sepenuhnya pihak industri kepada perundangan alam sekitar yang sedia ada.
7. Penguatkuasaan secara bersepadu oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi yang berkaitan.
8. Program lawatan berkala serta pemantau berterusan oleh agensi yang berkaitan terhadap industri yang mencemar dan berpotensi untuk mencemar alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

PUAN SPEAKER: Sri Muda.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Puan Speaker, Peraturan Tetap 24 (ii) saya mengambil soalan Sri Muda.

PUAN SPEAKER: Sri Muda tidak hadir?

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Dia memaklumkan saya melalui SMS dia sakit perut.

PUAN SPEAKER: Saya tak benarkan.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Dusun Tua. Sungai Pelek pun tidak hadir. Kuang juga tidak hadir. Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker soalan no. 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: PEMBERSIHAN DAN PEMULIHAN SUNGAI

49. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan sungai-sungai yang di pulih dan dibersihkan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2009.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memelihara dan memulihara sungai dalam Negeri Selangor?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih ya Puan Speaker, terima kasih Rawang saya pun tak menjangka sampai ke 49 ni. Soalan yang ditanyakan oleh Rawang ialah Senaraikan sungai-sungai yang di pulih dan dibersihkan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2009. dan (b) Rawang menanyakan Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memelihara dan memulihara sungai dalam Negeri Selangor? Kerja-kerja pemuliharaan dan pemuliharaan termasuk pembersihan sungai merupakan aktiviti yang dilaksanakan secara berterusan. Pemeliharaan Sungai (*River Conservation*) ialah aktiviti yang dilaksanakan bagi mengekalkan keadaan semula jadi sungai tersebut termasuk kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan dan pemantauan. Pemulihan sungai atau (*River Restoration*) mengekalkan struktur dan fungsi ekosistem sungai dengan mengembalikan ekosistem seperti sedia ada. Memandangkan jumlah panjang sungai di Negeri Selangor mencecah sehingga 4,000 km, program pembersihan dan pemuliharaan adalah mengikut tahap pencemaran dan kepentingan sungai tersebut sebagai sumber air dan rekreasi. Misalnya Sungai Penchala di Daerah Petaling telah dipilih dalam Program Satu Negeri Satu Sungai untuk Negeri Selangor bagi melaksanakan program pemulihan sungai. Antara objektif program ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti airnya daripada Kelas IV (sangat tercemar) kepada Kelas II (bersih tetapi perlu dirawat). Program yang sama akan diteruskan di bawah Program Pemulihan Sungai Klang. Manakala sungai-sungai yang lain telah dilaksanakan program pembersihan melibatkan keseluruhan daerah-daerah. (b) pada dasarnya, tujuan pemuliharaan sungai adalah untuk:

- i. mengekalkan tumbuh-tumbuhan akuatik dan hidupan air
- ii. mengekalkan saluran geometri dan kestabilan sungai
- iii. mengekalkan kualiti semula jadi air sedia ada
- iv. mengekalkan mendapan dan rejim sungai
- v. mengekalkan tumbuh-tumbuhan di kawasan dataran sungai

Walau bagaimanapun beberapa langkah telah pun diambil bagi tujuan tersebut antaranya kajian penyelenggaraan sungai, pembersihan sungai melalui gotong royong,ewartaan rizab-rizab sungai, kempen dan sebagainya. Sekian.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.32 dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-undang Perbekalan 2010-2009 semua peringkat sambungan

TUAN SPEAKER: Saya persilakan Yang Berhormat Bangi, 10 minit sahaja kemudian selepas ini perbahasan selepas ini diberi 20 minit setiap seorang.

YB TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR: Terima kasih Puan Speaker, Selangor menekankan apa dia ni merakyatkan ekonomi industri dan juga kebajikan saya ingat satu aspek yang paling penting ialah tentang Pendidikan yang diperuntukkan dari segi bajetnya 38, 55000 juta saya fikir tidak ada satu Negeri yang ke depan daripada negeri-negeri lain di Malaysia yang mampu mendirikan dua buah Universiti di Negeri ini yang iaitu UNISEL dan KUIS. Kita mengharapkan alang kepalang kita mendirikan Universiti biarlah dia menggambarkan universiti-universiti terkenal kerana untuk universiti terkenal dimiliki oleh Negara ada tempat-tempat di Amerika seumpamanya *State University, Harvard* adalah universiti swasta dua-dua universiti ini adalah terkenal dan menjadi rebutan pelajar-pelajar, sebab itu kita mesti berusaha supaya kedua-dua pengajian tinggi di tempat kita ini mencapai taraf yang tinggi seharusnya berada ranking tertinggi kalau pun tidak di dunia di Asia, kalau pun tidak di Asia di Negara kita sendiri. Kita mahu melihat ranking universiti kita ini berada di taraf yang lebih teratas supaya dia menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar untuk belajar di kedua-dua pengajian tinggi ini. Setakat ini kedudukannya mungkin tidak begitu menarik dan tidak menjadi rebutan bagi pelajar-pelajar sebab itu saya fikir selain daripada dua pengajian tinggi ini berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajian masing-masing pihak kedua-dua pengajian tinggi ini saya fikir perlu juga membuat laporan pada dewan ini Laporan Tahunan Tentang Kemajuan Pengajian-pengajian ini supaya kita dapat berbincang dan barangkali dapat memberi fikiran supaya dapat meningkatkan kualiti universiti Unisel dan KUIS ini kita mahu umpamanya melihat tentang kepimpinan universiti itu ke depan dari segi memberi idea-idea, pemikiran-pemikiran yang bermutu kita umpamanya berbangga dengan UTM yang mempunyai Profesor yang mempunyai dia punya Naib Canselor Profesor Zaini yang selalu menulis dan juga Profesor Abdul Aziz dari USM juga selalu menulis dan kita dapat melihat tentang pemikiran pemimpin-pemimpin pengajian tinggi ini sebab itu kita mengharapkan juga kedua-dua pengajian ini dari kepimpinan dapat mengemukakan idea-idea yang bernas bagi kemajuan pengajian ini kita juga mahu melihat tentang kedudukan ataupun kepimpinan dari segi umpamanya dekan-dekan di universiti kedua-dua pengajian tinggi ini dari segi umpamanya penulisan-penulisan mereka bidang-bidang yang mereka kuasai begitu juga dari segi pensyarahnya laporan tentang pengajian siswazah dari Dekan-dekan, Jabatan-jabatan begitu juga kursus-kursus yang ditawarkan untuk kita nilai setakat mana bermutu atau tidaknya kerana kebiasaannya pada setiap universiti pada awal semester pensyarah-pensyarah akan mengemukakan rangka kursus yang mereka akan sampaikan dan dinilai bukan sahaja oleh pelajar tetapi juga bagi pihak Dekan dan juga di universiti begitu kita mahu melihat laporan tentang pelajar-pelajarnya. Kebiasaannya dia mengadakan audit dalam biasanya lima tahun sekali dalam mana pemimpin universiti daripada Naib Canselornya hingga kan dekan-dekan akan mengadakan audit dalaman untuk menilai universiti itu sendiri, kursus-kursusnya, pensyarah-pensyarahnya, pelajar-pelajarnya dan juga apa aktiviti-aktiviti yang dilakukan begitu juga perlu diadakan audit luaran saya tak tahu adakah kedua-dua pengajian tinggi ini telah mengadakan audit luaran. Audit Luaran ini adalah kita

menjemput Profesor-profesor terkenal daripada universiti-universiti terkenal di luar negeri untuk mereka datang membuat penilaian terhadap universiti itu sendiri dari segi segala aspek sama ada dari segi kepimpinan pensyarahnya, Profesornya, kursusnya, kandungan kursusnya juga pelajarannya dan juga sebagainya. Jadi dengan ini kita dapat mempertingkatkan kualiti di universiti itu sendiri kita fikir kalau kita untuk mewujudkan suatu pendekatan universiti kita yang mempunyai nilai dan kualiti serta identiti sendiri kita barangkali perlu merangka daripada bawah sedikit untuk menentukan pelajar-pelajar yang akan menyambung pengajian kita mungkin sesuai kita mengadakan kursus matrikulasi bagi pelajar-pelajar yang nak sambung ke sama ada Unisel ataupun KUIS dalam mana barangkali universiti Unisel menekankan dari segi industri dan ekonomi ataupun juga *business* dan juga KUIS menekan dari segi agama dan kemanusiaan jadi dalam melalui pengajian peringkat matrikulasi yang kita wujudkan ini kita akan dapat menyalurkan pelajar-pelajar pilihan kepada kedua-dua pengajian tinggi ini barangkali juga kita boleh mengadakan sebagai satu yang keistimewaan pengajian bahasa untuk kedua-dua aliran ini barangkali umpama universiti Unisel memerlukan pengajian Bahasa Inggeris, Cina kerana *business* nya atau pun India kalau dan Bahasa Melayu yang utama yang sebagai utama kemudian mungkin bahasa-bahasa lain Arab, Jepun dan sebagainya. Sebagai alat bagi mereka dalam pengajian ini dan juga kepentingan dari segi pengajian akan datang. Tuan Speaker satu bidang yang saya ingat penting ialah bidang agama dalam mana kita memperuntukkan 149,150,25.00 jadi dalam bidang agama ini kita lihat baru-baru ini satu kejayaan bagi kita telah menyusun masjid-masjid dengan baik dari segi kepimpinan dan kita lihat kemakmurannya meningkat khususnya pada bulan Ramadhan dan sekarang ertinya masjid surau ertinya maju pengajian-pengajiannya juga meningkat dan sebagainya jadi

TUAN SPEAKER: Seminit lagi ya Yang Berhormat

YB TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR: Tapi saya ada menerima maklumat tentang masjid setakat kita mengambil alih ni walaupun ke depan dan sebagainya ada tempat-tempat yang tidak dibayar elaun lagi pelantikan imam-imam mereka membisikkan kepada saya mereka malu juga la nak buat tuntutan jadi harap dapat perhatian setengah imam-imam ni tidak mendapat bayaran lagi yang saya fikir bukan setakat bayaran lah mereka ni gaji 600 lebih kalau guru agama kita dah naik pada 1000 patut imam-imam ni fikir juga lah imam-imam yang kita lantik ini gaji yang kurang sama dengan guru-guru agama itu sendiri. Dari satu segi pula kita mempunyai sekolah-sekolah yang ramai yang banyak 507 buah daripada ni Sekolah Rendah Agama yang gurunya 6236 muridnya 228676 kita ada Sekolah KAFA, KAFA 275 gurunya 2657 rakyatnya, Sekolah Rakyatnya 680 gurunya dan muridnya 86851 saya fikir ada ruang untuk mempertingkatkan sekolah-sekolah agama

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Bangi masa sudah tamat

YB TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR: Sebagai sekolah terbaik sebagai saluran pelajar-pelajar kita untuk sambung ke peringkat yang lebih tinggi matrikulasi tadi dan sebagainya yang terbaik ialah Sekolah Integrasi setakat ini menjadi rebutan

TUAN SPEAKER: Ada lagi

YB TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR: Saya fikir, banyak kalau nak bagi saya sedia bermalam-malam

TUAN SPEAKER: Saya bagi lima minit sambung daripada semalam

YB TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR: Sekolah Integrasi ni adalah sekolah yang terbaik ya menjadi pilihan kerana dia belajar daripada pagi hingga petang. Ibu bapa tak jadi susah antar cuma kualiti dia perlu dipertingkatkan supaya benda ini dia benar-benar terbaik lebih baik sebenarnya daripada Sekolah Kerajaan Persekutuan kalau kita perbaiki benda ini sekolah ini saya harap kita beri perhatian, Insya-Allahlah

TUAN SPEAKER: Terima kasih, Meru

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OTHMAN: Terima kasih Puan Speaker, Meru ingin mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan Selangor yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar cuma sebelum tu saya nak sebut sikit apa yang disebut oleh pihak pembangkang apa saja yang kita bentangkan dianggap sebagai andaian. Tidak berpijak di bumi nyata mimpi di siang hari dan cakap tak serupa bikin ini bukan perkara baru sejak kita membentangkan apa saja ini lah ungkapan-ungkapan yang diberikan kepada kita. Tetapi di dalam al-Quran (hadis) “bertanyalah kepada orang yang ahli ilmu itu kalau kamu tidak tahu” dan kenyataan Ketua Audit Negara Laporan daripada Ketua Audit Negara 2008 jelas secara keseluruhannya memberikan kredit yang begitu baik kepada pengurusan dana dan juga pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan juga di dalam laporan itu Ketua Audit Negara menyebut bagaimana ketirisan 2800000juta ringgit ataupun 28 bilion yang telah diuruskan oleh UMNO dan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan yang kita pun tak boleh terima macam mana sebuah lap top yang berharga 4000 ringgit boleh naik 42320 ringgit. Kerusi berputar naik sampai 1050 ringgit dan sebagainya dan Meru berharap dalam membelanjakan peruntukkan – peruntukkan dalam belanjawan Selangor 2010 yang berjumlah RM1.3 bilion Meru berharap wakil-wakil rakyat Pakatan Rakyat mestilah menghormati apa saja perjanjian yang dimeterai dan tidak memilih bulu dalam penentu penerima bantuan dalam konteks agenda Maju Rakyat Sejahtera. Kita tidak mahu mengikut jejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Datuk Tun Razak yang pada 16 Zulkaedah 1430 Hijrah bersamaan 4hb. November 2009 yang lalu ada berucap dalam Dewan Rakyat yang mulia yang berbunyi ‘saya dengan sukacita memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil keputusan untuk menyediakan wang ihsan bagi Negeri Kelantan sama seperti Negeri Terengganu.’ Dengan ucapan yang tidak bertanggung jawab ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah tidak menghormati malah melanggar perjanjian yang dimeterai antara pihak Petronas dan Kerajaan Negeri Kelantan. Allah Subhanahuwataala sebut di dalam Al Quran mukarim di dalam surah Al Maidah ayat 1 *Bismillahi rahmani rahim Ya ayuhallazi na amanu aful bi aqud* – “*Wahai orang-orang yang beriman penuhilah janji-janji yang kamu telah lakukan*”. Ahli-ahli memberitahu kepada kita bahawa yang dimaksudkan dengan janji-janji itu ialah yang pertamanya janji setia seorang hamba kepada *Allah Subhanahuwata’ala*. Yang keduanya adalah perjanjian yang dibuat antara sesama manusia sama ada orang Islam dengan orang Islam ataupun orang Islam dengan orang bukan Islam ataupun *non muslim*. Salah satu syarat untuk memasuki menjadi ahli Syurga Firdaus sepertimana tersebut dalam Surah Al Mu’minum ayat yang 8 Allah menyebutkan antara sifat-sifat ahli syurga ini ialah *Wallazinahumliamana tihim ra’i* dan mereka adalah orang-orang yang cukup memelihara amanah-amanah dan perjanjian-perjanjian mereka. Juga disebut di dalam sebuah Hadis ciri-ciri orang-orang munafiq ialah bila bercakap ia berdusta, bila berjanji dia memungkiri dan jika diberi amanah dia mengkhianati. Yang Berhormat-yang Berhormat sekalian hakikatnya di dalam kes Petronas, Perjanjian Petronas dan Kerajaan Negeri Kelantan itu terdapat begitu banyak bukti dokumen bertulis yang dapat dibaca oleh rakyat menerusi *hansard* atau cacatan rasmi melalui jawapan rasmi menteri, ucapan Perdana Menteri sebelum ini yang menjelaskan dengan jelas-jelasnya bahawa terimaan oleh Negeri Kelantan dan Terengganu umpamanya adalah terimaan *royalty* minyak dan gas dalam bentuk *cash payment* dengan izin dan bukan dengan wang ihsan dalam bentuk pembangunan atau program pembasmian kemiskinan antaranya sebagai rujukan ialah penyata

rasmi Dewan Rakyat bertarikh 19 Oktober 1993 dan 30 April 1997. Begitu juga Penyata Rasmi Dewan Negara bertarikh 28 Julai 1999. Di dalam perjanjian itu juga langsung tidak disebut terma baru pula yang berhubung perairannya terletak tidak melebihi 3 batu nautika yang diukur ketika air surut dengan izin *low water mark* dari pesisir pantai seperti yang diumumkan baru-baru ini oleh Dato' Seri Perdana Menteri.

PUAN SPEAKER: Meru

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Sekali-sekali

PUAN SPEAKER: Wakil Rakyat Kelantan atau Selangor.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Nak menunjuk bahawa perjanjian itu mereka telah melanggar.

PUAN SPEAKER: Jangan jauh sangat pergi tu.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Nak tunjuk bahawa inilah satu-satu benda yang UMNO selama ini mengatakan bahawa di bawah Islam, tetapi Islam sendiri apa yang di capak apa yang mereka buat satu benda yang melawan apa yang diajar oleh Islam. Benda ini tidak ada, benda yang mengatakan bahawa *low bottom mark* tidak ada dalam perjanjian. Tak ada dalam bahasa Jawa *orak eneng*, dalam bahasa Arab disebut *laumaujud*, bahasa Arab eh bahasa Cina disebut *meyo*.

PUAN SPEAKER: Ni bahasa. Ni kelas bahasa pulak ni balik, balik kepada perbahasan balik.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Saya nak tunjuk ni. Sekali lagi pimpinan UMNO tidak pernah mahu belajar dari kesilapan lama mereka. Mereka masih menipu rakyat dengan slogan-slogan baru apabila pimpinan baru melalui parti. Pimpinan UMNO Barisan Nasional senantiasa menyebarkan propaganda dengan menggunakan media-media melonjakkan pelbagai slogan yang diharap dapat mengaburi mata rakyat yang semakin celik dan tidak rabun seperti yang disangkakan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Sekarang kita pun dah tak berapa nak dengar istilah-istilah Islam Hadhari, satu Islam yang tak pernah diungkapkan oleh mana-mana ulamak *cotemporary* di peringkat antarabangsa sama ada dalam ceramah ataupun penulisan mereka. Bukan sahaja Islam Hadhari istilah itu silap dari sudut nahunya malah cukup mengelirukan Islam tanah air. Ke mana perginya pekikan gemilang, cemerlang dan terbilang. Mungkin dengan berbagai kes krisis moral dan skandal yang melanda pimpinan UMNO Barisan Nasional. Kes-kes rasuah atau politik wang yang berleluasa dan tak dapat dikawal oleh Lembaga Disiplin Parti sendiri di kala Ketua Bahagian di peringkat Cawangan UMNO ditambah pula dengan pembongkaran krisis lebih daripada RM 25 bilion ringgit Malaysia dalam perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan oleh Ketua Audit Negara baru-baru ini telah melenyapkan slogan gemilang. Menguburkan slogan cemerlang dan menghanyutkan slogan terbilang yang digula-gulakan di telinga-telinga rakyat Malaysia sebelum ini. Dan selalunya dalam kes-kes begini kalau pun dijalankan siasatan rakyat sudah berasa terlalu muak dan masak bahawa akhirnya kes itu digugurkan dan kalau ada tindakan yang akan diambil hanyalah kepada si ikan bilis sahaja yang jerung biasanya bebas kembali.

Meru sekali lagi mengingatkan wakil-wakil rakyat Pakatan Rakyat supaya bertindak adil dalam menjalankan aktiviti dan program-program kemasyarakatan. Mana-mana rakyat memang

layak untuk mendapat sumbangan dan perkhidmatan hendaklah ditunaikan hak-hak mereka. Walaupun berbeza dari fahaman politik, warna kulit dan pegangan agama sekalipun. Alhamdulillah di DUN Meru daripada 65 buah kerusi roda yang diedarkan kepada penduduk yang memerlukan 85% penerimanya adalah terdiri daripada veteran-veteran UMNO dan rakyat dari kaum India. Di dalam Al Quran Mukarim *Allah Subhanahuwataala* telah berfirman di dalam surah Al Maidah ayat yang ke 8)*Petikan ayat Quran*) - “ *Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu semua sentiasa orang-orang yang menegakkan keadilan dan kerana Allah. Lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap satu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan terhadap mereka. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam apa yang kamu lakukan* ”. Rasulullah S.A.W. pernah - bersabda bacaan hadis - sesiapa yang menyakiti ahli zimmah, ahli zimmah ini orang bukan Islam yang tidak memerangi Islam yang menjadi rakyat, maka dia sebenarnya menyakiti diri sendiri kata Rasulullah S.A.W. Menurut Islam kewajipan menunaikan keadilan dan menentang kezaliman dipertanggungjawabkan kepada semua pihak bukan terhadap ketua negara atau kepimpinan masyarakat sahaja tetapi kepada semua peringkat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa kita tengok balik sejarah. Andalus adalah istilah yang digunakan oleh geografi Islam abad pertengahan merujuk kepada wilayah pemerintahan Islam yang meliputi Portugal dan Sepanyol yang kita sekarang kenali. Menurut sejarah, menurut sejarah, catatan sejarah pembukaan Kerajaan Islam di Andalus yang diterajui oleh Khalid bin Ziar dan Musa bin Nusair telah membuka lembaran sejarah yang cukup unggul dan membanggakan di bumi Andalus. Bayangkan masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup secara kondisi dan aman dan selesa dan bertamadun dalam Kerajaan Islam di Andalus dan dapat bertahan selama 781 tahun bukan 52 tahun, 781 tahun Islam memerintahkan penganutnya supaya mencari ilmu dan dalam pelbagai bidang walaupun di mana jua sekalipun. Dalam konteks ini Rasulullah S.A.W. bersabda (petikan hadis) Tuntutlah ilmu walau ke negeri Cina sekalipun. Para hadirin yang terhormat sekalian dengarlah ungkapan terus yang dilakarkan oleh seorang pengkaji dan penulis barat Alfred W. Martin yang mengatakan bahawa dunia barat banyak berhutang budi kepada pengikut-pengikut Agama Muhammad. Merekalah yang telah memindahkan khazanah-khazanah kesusasteraan Greek dari zaman pertengahan ke zaman Renzon ataupun zaman pembaharuan. Merekalah yang telah banyak menyebarkan ilmu-ilmu sains, *algebra, chemistry, astronomi* dan perubatan kepada dunia barat. Pengikut-pengikut Muhammad ini jugalah yang telah membangunkan universiti-universiti di *empire*. Ketika Kota London dipenuhi lubang-lubang dan dicemari bau-bau busuk yang menyelubungi jalan-jalan raya sehingga tiada manusia bertahan lama apabila berjalan di atasnya. Kota Cordoba di Andalus ketika itu dikenali kerana kebersihannya dan keindahan ukiran dan hiasannya. Tumbuhan-tumbuhan yang ditanam sepanjang jalan raya mengeluarkan haruman-haruman wangi yang sebahagiannya memberikan keselesaan dan penawar kepada mereka yang berjalan di atas jalan-jalan raya tersebut. Apa yang sekarang kita mengenalinya sebagai *aroma therapy*. Tambah Alfred W. Martin dengan izin ‘ *today we decorate our walls and floors with fabrics that Mohamad thought us to weave. We regail our senses with perfumes that they thought us to make. We teach our children the higher mathematic from text book of which there were the original writers. Rather should we think how we have suffered had we not been followers Muhammad devotion to the middle age to the previousion of culture*’.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Di kalangan orang-orang Yahudi pula

PUAN SPEAKER: Meru saya ingin mengingatkan Yang Berhormat ada 8 minit lagi untuk membahaskan bajet.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Ya, tak apa saya akan pergi.

PUAN SPEAKER: Belum turun lagi turun kepada subjek

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Orang-orang Yahudi sebelum itu hidup tertindas di berbagai ilmu di bidang Nama-nama cendekiawan dari Aben Ezra, David Crimchi dan sebagainya tidak lagi menjadi benda yang asing. Saya nak bagi tahu ini bukan apa puan pengerusi, di sinilah UMNO yang kononnya memperjuangkan Melayu Islam gagal membuktikan dan mempamerkan toleransi yang luas kepada masyarakat majmuk di Malaysia dengan meraih duit rakyat untuk menjadi jutawan segera atau 10% daripada projek-projek yang dijalankan dengan mengamalkan politik wang atau rasuah secara terang-terangan UMNO yang sepatutnya mengembalikan era kegemilangan pemerintahan Islam di zaman silam telah gagal berbuat demikian. Sambung lagi. Akhir sekali saya nak bagi tahu bahawa saya nak menyentuh tentang *One Malaysia* ini Satu Malaysia ini. Yang sebenarnya sepertimana disebut oleh YB daripada Sekinchan dan sebagainya kita telah menyebut banyak Jawatankuasa-jawatankuasa Khas iaitu Jawatankuasa Khas ABBAS, PBT dan PADAT dan kita panggil YB-YB daripada UMNO untuk bersama kita daripada Barisan Nasional untuk bersama kita. Tetapi amat menyedihkan kecualilah ADUN Kawasan Sungai Pelek yang saya ucapkan tahniah datang banyak kali di dalam PADAT punya Jawatankuasa, tetapi yang lain tidak timbul. Mana yang dikatakan *One Malaysia* itu yang diwar-warkan. Selangor kita juga kononnya ada *One Malaysia* rakyat didahulukan. Rakyat ini hanya didahulukan kalau ada ini cukai yang bertambah maka rakyat didahulukan. Kalau ada benda-benda yang menyusahkan maka rakyat didahulukan. Kes-kes dadah dan sebagainya. Walaupun UMNO Barisan Nasional menyatakan bahawa mereka memperjuangkan Melayu tetapi kita tengok kes dadah orang Melayulah yang ramai, kes-kes jenayah orang Melayu jugalah yang ramai. Jadi ini membuktikan mereka tidak memperjuangkan apa yang mereka cakap. Sekian pengerusi.

YB TUAN NG SUEE LIM: Puan Speaker ringkas dan padat.

PUAN SPEAKER: Paya Jaras.

YB DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Terima kasih puan speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera salam satu Malaysia diucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ketua-ketua jabatan kerajaan. Paya Jaras ingin turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan bajet Negeri Selangor tahun 2010. Terlebih dahulu saya merakamkan kesedihan tentang prestasi serta permasalahan kewangan Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Pakatan Rakyat. Ia dapat dilihat apabila prestasi kutipan hasil cukai yang menurun sebanyak RM32.83 juta ringgit pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2008. Manakala hasil bukan cukai pula menurun sebanyak RM146.96 juta ringgit pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2008. Ia lebih menyedihkan lagi apabila pada sidang DUN yang ke-12 yang telah diadakan pada 8 Julai 2009 ini kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM120 juta lagi iaitu menyebabkan perbelanjaan defisit. Pada sidang DUN yang ke-12 yang diadakan pada kali ini sejumlah RM1.3 bilion pula diperuntukkan bagi bajet tahun 2010. Malangnya sekali lagi kutipan hasil cukai bagi tahun 2010 berkurangan sebanyak RM2.98 juta berbanding dengan tahun 2009. Begitu juga hasil bukan cukai berkurangan sebanyak RM173.21 juta berbanding dengan tahun 2009. Nasib baik kerajaan pusat, kerajaan Barisan Nasional bermurah hati juga memperuntukkan sejumlah RM417,301 sebagai mengimbangi kewangan Negeri Selangor. Maka Paya Jaras amat curiga dengan urus tadbir kerajaan negeri dengan menyelesaikan permasalahan kewangan Negeri Selangor ini. Mengikut jawapan mulut pada sidang DUN yang ke-12 yang diadakan pada 8 Julai 2009 beberapa misi penggalakan pelaburan ke luar negara telah pun diadakan oleh kerajaan negeri. Namun jelas nilai pelaburan sehingga September

2009 hanya berjumlah RM3.98 bilion sahaja. Angka ini terlalu rendah berbanding dengan tahun 2007 dan 2008 dan sebelum ini ketika kerajaan negeri diperintah oleh Barisan Nasional.

Paya Jaras ingin bertanya lagi adakah misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negara tersebut hanya sekadar untuk makan angin atau pun mungkin pelabur-pelabur asing sudah kurang yakin dan percaya dengan kerajaan Pakatan Rakyat yang ada sekarang ini, tepuk dada tanya selera. Tuan Speaker, Puan Speaker, masih terdapat banyak lagi rumah-rumah terbengkalai di Negeri Selangor ini yang berjumlah 144 buah projek. Ini adalah angkara pemaju-pemaju yang tidak langsung bertanggungjawab sama ada dengan sengaja atau pun tidak sengaja, sama ada yang rakus, tamak haloba atau pun mungkin dilanda malapetaka krisis kewangan disebabkan mungkin kahwin 2 – 3 atau pun tidak pandai mengurus tadbir dan seterusnya menyebabkan projek tergendala. Projek-projek terbengkalai ini termasuklah beberapa rumah kos rendah yang sepatutnya penempatan bagi setinggan-setinggan yang telah dibanci sekian lama suatu ketika dahulu. Amat menyedihkan lagi ramai di kalangan pembeli-pembeli rumah tersebut yang suatu ketika dahulu tinggal di kawasan-kawasan tanah kerajaan atau tanah persendirian telah dibebani hutang serta ramai yang telah di senarai hitamkan oleh pihak bank dan yang amat mendukacitakan ada di kalangan mereka telah didapati muflis. Maka tidak ketinggalan di Parlimen Subang terdapat beberapa projek perumahan terbengkalai termasuklah di antaranya Vista Damansara, Antara Vista Sdn Bhd. Bandar pinggiran subang Unit Creation Sdn Bhd, Taman Setia Warisan, Kampung Melayu Subang, Seri Pantai Sdn Bhd, Subang Dua Subang Juta Permai dan lain-lain lagi.

Puan Speaker, saya ingin mengimbas kembali iaitu beberapa bulan yang lalu ketika lawatan rasmi oleh wakil kerajaan negeri ke kawasan projek terbengkalai di Sungai Buloh iaitu projek At Lost Sdn Bhd, penduduk telah dimaklumkan serta dijanjikan bahawa projek terbengkalai tersebut akan dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Selangor, maka riang rialah serta bersuka rialah semua orang mendengar ungkapan dan ucapan yang diberikan. Saya juga berasa hairan begitu mesra dan kebertanggungjawaban pihak Lembaga Zakat Negeri Selangor untuk membantu, membina dan membaik pulih rumah terbengkalai tersebut. Alhamdulillah saya bagi tahu kepada semua penduduk dan juga rakyat di sana sekiranya Lembaga Zakat Negeri Selangor dapat menyelesaikan perkara ini mungkin penghuni rumah-rumah tersebut sentiasa akan dirahmati dan diberkati oleh Allah. Malangnya hingga kini bukan saja nak lihat wakil kerajaan negeri atau melihat dan bertanya khabar malah bayang pun tidak ada untuk menerangkan situasi semasa yang telah dijanjikan. Proses untuk membina semula dan menguruskan projek-projek pembinaan tentunya melibatkan tuan tanah, pemaju, pembeli-pembeli, bank-bank serta kerajaan Negeri Selangor sendiri, Paya Jaras memohon EXCO Kerajaan Negeri yang terlibat, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor serta PBT-PBT yang berkaitan berbincang dan mengambil perkara ini sebagai perkara yang utama dan wajib untuk meyakinkan rakyat jangan sekadar memantau, berdialog, seminar untuk melepaskan batuk di tangga. Kejadian sebegini tidak seharusnya berlaku sekiranya kerajaan Pakatan Rakyat menjunjung nilai-nilai integriti, telus prihatin dan kebertanggungjawaban terhadap rakyat. Kerajaan berbudi rakyat merasa.

Puan Speaker, kerajaan negeri juga telah membelanjakan sejumlah RM166.7 juta bagi bekalan air percuma sebanyak 20 meter padu. Ini adalah janji Pakatan Rakyat atau Barisan Alternatif ketika itu apabila menghadapi pilihan raya yang ke-12 lalu. Namun program bekalan air ini tidak menyeluruh iaitu terkecuali bagi rumah-rumah pangsa atau apartmen-apartmen atau besar bertitle. Banyak keluhan dan rintihan yang telah diluahkan oleh penduduk-penduduk tersebut. Paya Jaras memandang serius perkara ini dan meminta kerajaan negeri bersikap proaktif dan lebih adil kerana mereka juga rakyat Negeri Selangor. Apakah kaedah pembayaran yang dibuat oleh Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) yang telah banyak

membelanjakan wang dan harta. Adakah ianya akan berterusan hingga suatu hari nanti KDEB juga akan berhadapan dengan krisis kewangan. Buat baik berpada-pada tapi jangan mengadadenda.

Puan Speaker, tahun ini terlalu banyak peristiwa yang menarik telah berlaku di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat. Kita tahu bahawa banyak pusat-pusat hiburan beroperasi lebih daripada 24 jam atau pun lebih masa yang ditetapkan. Rumah-rumah urut tanpa lesen di Kota Damansara, ceramah-ceramah agama yang tanpa tauliah seperti yang kita tahu berbagai lagi maka salah satunya adalah isu penjualan arak. Terdapat 42 premis 7-Eleven di bawah pentadbiran MBSA di mana 24 dari premis ini menjual minuman keras jenis bir yang mengandungi kadar alkohol 8.8%. Saya ingin bertanya berapakah jumlah pendapatan hasil daripada cukai bayaran, perlesenan dan perkhidmatan dari hasil tersebut bagi semua PBT-PBT yang ada di Negeri Selangor ini. Andai kata ianya tidak menjejaskan pendapatan hasil kerajaan negeri saya amat bersetuju tindakan yang dibuat oleh MBSA (Majlis Bandaraya Shah Alam) serta Yang Berhormat Adun Gombak Setia bagi melaksanakan tanggungjawab bukan sahaja sebagai EXCO agama kerajaan negeri malah juga sebagai seorang Muslim.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, izinkan Paya Jaras membaca sepotong hadis bersumber dari Syed Abukudhri ia berkata “aku pernah mendengar Rasulullah S.A.W. berkhutbah di Madinah beliau bersabda, saudara-saudara sesungguhnya Allah telah mengisyaratkan tentang haramnya arak barangkali dia akan menurunkan perintah tentang itu, oleh kerana itu barang siapa masih memilikinya hendaklah menjualnya dan manfaat hasil penjualan tersebut. Belum berapa lama kami diam beliau telah bersabda lagi “sesungguhnya Allah mengharamkan arak”. Maka barang siapa mengetahui ayat ini dan dia mempunyai arak janganlah meminumnya atau menjualnya, maka orang-orang yang membawa arak menuju ke Madinah lalu semua membuangnya riwayat Muslim wallahuaklam, sekian terima kasih.

PUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih diucapkan kepada Timbalan Puan Speaker dan Kampung Tunku ingin mengucapkan terima kasih dan juga ingin memulakan ucapan saya dengan serangkap pantun untuk renungan kita semua.

Yang tidur akhirnya bangun pula,
yang bangun akhirnya tidur juga,
yang hilang akhirnya muncul pula
yang muncul akhirnya hilang juga.

Pantun ini saya khaskan kepada rakan saya yang dari Kuala Kubu Bharu dan Pelabuhan Klang (dewan menepuk meja) mudah-mudahan mereka dapat menghayati makna-makna pantun ini ...

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker, boleh saya celah sikit...

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker saya ingin meneruskan dengan ucapan saya kerana masa kesuntukan

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker Kampung Tunku...

YB TUAN LAU WENG SAN: Kampung Tunku telah meneliti laporan Ketua Audit Negara, saya tidak boleh memberi laluan kerana sepatutnya Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu bolehlah

berhujah sehari atau dua hari lebih awal, maklumlah pingat banyak. Terima kasih Puan Speaker, terima kasih Kuala Kubu Bharu. Saya telah meneliti laporan Ketua Audit Negara terhadap laporan kewangan, prestasi kewangan kerajaan negeri serta laporannya terhadap prestasi kewangan dan pengurusan beberapa agensi, badan-badan berkanun, PBT, Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Kerajaan Negeri. Rata-ratanya Jabatan Negeri mendapat pujian daripada Ketua Audit Negara di mana hasil kerajaan negeri di bawah kerajaan Pakatan Rakyat telah bertambah sebanyak 18% pada tahun 2008 berbanding dengan tahun 2007 apabila krisis Selangor masih di bawah kerajaan Barisan Nasional. Sementara waktu itu kerajaan negeri telah berjaya menambah hasil dan mengurangkan tunggakan hasil pada tahun 2008. Kejayaan tunai kerajaan negeri ini juga berada pada tahap yang memuaskan ini adalah perkataan-perkataan oleh Ketua Audit Negara sementara itu pencapaian pengurusan kewangan pada tahun 2008 oleh Agensi dan Jabatan Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan. Majlis Agama Islam Selangor antara lain berada dalam keadaan sangat baik, sangat baik manakala 17 buah Jabatan Agensi Negeri yang lain berada dalam keadaan baik. Bandingkanlah angka ini dengan apa yang kita capai pada tahun 2007, ini merupakan satu peningkatan walau pun begitu Kampung Tunku juga ingin memberi perhatian terhadap beberapa teguran daripada Ketua Audit Negara yang bagi saya merupakan teguran yang amat mengejutkan tentang prestasi kewangan dan pengurusan sesetengah Agensi Badan Berkanun, PBT, Anak Syarikat Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Kerajaan Negeri. Memang tidak boleh dinafikan bahawa Bajet Kerajaan Negeri merupakan sesuatu yang terpenting bagi kerajaan tetapi apa yang selalu di lalaikan oleh orang ramai dan media ialah cara-cara penjawat awam mengendalikan wang yang sebegitu besar dan banyak, Kampung Tunku berpendapat bahawa apa yang penting juga sama penting ialah perisian kepada bajet sesebuah kerajaan sama ada peruntukan itu telah dibelanjakan dengan berhemah atau tidak.

Saya ingin meminta perhatian daripada dewan bahawa kekeliruan masih berlaku, saya tidak akan pergi ke maklumat-maklumat terperinci tetapi ingin menyebut beberapa kekeliruan seperti di Jabatan Agama Islam dengan pengurusan kelas Al-Quran dan Fardu Ain yang kurang memuaskan ada perjanjian pelantikan penyelia dan guru KAFA yang tidak di tandatangani, elaun guru KAFA terlebih bayar, penempatan murid melebihi 40 orang dalam satu kelas, prasarana dan kemudahan asas yang tidak lengkap, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor penguatkuasaan tidak memuaskan masih ada pencerobohan hutan simpanan kekal, Perbendaharaan Negeri Selangor matlamat Speks masih belum tercapaian. Ada lagi penyata bagi tahun lalu yang dikemukakan secara manual. Pengurusan Lembaga Urus Air Selangor dan Agensi Bekalan Air Negeri Selangor, tangki dan kolamimbangan loji pembersihan Sungai Sireh tidak pernah dicuci melebihi 10 tahun. SYABAS tidak mencuci 309 tangki kolam airnya pada tahun 2008. Jabatan Pertanian Negeri Selangor objektif utama taman kekal pengeluaran makanan masih belum mencapai objektifnya secara keseluruhan. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor semakan audit mendapati pengurusan 7 projek tempatan banjir melibatkan kos RM4 juta sepanjang lembangan Sungai Damansara tidak memuaskan dan tidak ada perancangan menyeluruh, tidak ada penyelarasan dengan agensi kerajaan lain malahan kontraktor yang dilantik tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh CIDB sehingga berlakunya *method of construction*, cara-cara pembinaan tidak sesuai, tidak mengikut spesifikasi. Ada juga kontraktor yang dilantik oleh kerajaan persekutuan untuk menjalankan kerja-kerja di sungai ini walau pun ianya merupakan peruntukan daripada persekutuan tetapi kontraktor yang dilantik itu peruntukannya cukup besar lebih RM300 juta oleh Vijaya Baru Sdn Bhd, kalau saudara saudari dapat membaca ada membaca surat khabar Vijaya Baru Sdn Bhd ini tak lain tak bukan merupakan kontraktor yang bertanggungjawab dalam kes skandal Port Klang Free Zon dan kontraktor ini juga diberi wang melebihi RM300 juta oleh kerajaan pusat untuk menjalankan projek-projek tempatan sungai walau pun peruntukan ini datangnya daripada persekutuan tetapi kesannya kita yang rasai. Ada juga PKNS pengurusan bangunannya tidak memuaskan tidak

ada perjanjian sewa beli atau pun perjanjian tidak diperbaharui atau pun lewat ditandatangani ada juga aspek kawalan keselamatan yang tidak memuaskan yang ni lagi teruk. Majlis Bandaraya Shah Alam saya tidak, saya terkejut sangat, saya jatuh daripada kerusi mana boleh MBSA kehilangan 2 lot tanah bernilai RM10 juta diwastakan kepada pemaju untuk dapat kuarters kerajaan tetapi di sebaliknya kuarters kerajaan masih belum dibina tetapi tanah kita sudah hilang. Saya tahu ini merupakan projek kerajaan Barisan Nasional terdahulu tetapi ini merupakanlah satu peringatan kepada kita semua.

Puan Speaker ketirisan yang berlaku ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kerajaan perlu melakukan sesuatu untuk memastikan ketirisan seperti ini tidak berlaku lagi, saya memintalah kepada Ketua-ketua Pengarah, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Daerah, Dato' Bandar, YDP dan semua PBT supaya bolehlah memberi satu laporan pendek atau pun maklum balas kepada barisan EXCO dan MB secepat mungkin, kita tidak boleh tunggu PAC nanti apabila EXCO memberi pengumuman ini mesti diperjelaskan seberapa banyak yang boleh. Sehingga sekarang dewan negeri telah menubuhkan beberapa jawatankuasa khas secara *community* ya dengan izin yang ditugaskan untuk memantau eksekutif khususnya berkenaan dengan perbelanjaan wang awam.

Tujuannya adalah bukan untuk mencampuri kuasa-kuasa eksekutif tetapi untuk memantau dan menyemak sistem penyampaian perkhidmatan awam. Saya percaya Puan Speaker bahawa dengan adanya sistem-sistem pemantauan ini, Kerajaan Negeri akan dapat mengesan sebarang aktiviti penyelewengan dengan lebih cepat dan lebih berkesan serta mampu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikannya supaya ianya tidak berlarutan sehingga disiasat oleh pihak-pihak berkuasa yang lain. Kampung Tunku difahamkan bahawa sekarang ini terdapat 41 kes yang dilaporkan di dalam laporan Ketua Audit Negara telah dikenal pasti untuk siasatan lanjutan oleh SPRM dan baru-baru ini SPRM juga mengatakan bahawa mereka akan mengambil tindakan menyiasat dan membawa mana-mana penjawat awam yang terlibat dengan masalah rasuah ini untuk dihadapi ke Mahkamah. Saya rasa kajian ini....Saya rasa sekiranya semua penjawat awam dapat menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas dan jikalau sistem-sistem pemantauan yang kita laksanakan ini dapat memainkan fungsinya, mudah-mudahan semakan ataupun siasatan yang dijalankan oleh SPRM itu tidak diperlukan lagi kerana kita sendiri sudah mampu untuk *tackle* masalah-masalah yang ada sekarang. Tak perlu sampai ke SPRM kerana bila sampai ke SPRM ianya sudah merupakan satu kes jenayah. Saya rasa ada baiknya kalau kita dapat memperkasakan sistem-sistem pemantauan yang kita ada ini sebagai satu cara yang tidak langsung untuk melindungi penjawat-penjawat awam kita. Justeru itu, saya menyokong SELCAT dan SELESA untuk memartabatkan keutuhan Dewan Negeri Selangor. Kampung Tunku berasa kesal dengan tindakan beberapa orang ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang mengheret SELCAT ke Mahkamah dengan memfailkan saman permula terhadap Pengerusi SELCAT dan enam (6) anggota SELCAT termasuk dua (2) orang ADUN Barisan Nasional yang menganggotai SELCAT iaitu Permatang dan Dusun Tua. Kasihanlah, serta Setiausaha Dewan. Ini Setiausaha Dewan pun kena juga dan Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun mereka mempunyai hak untuk berbuat demikian, tetapi tindakan mereka ini sekali lagi menunjukkan kecelaruan pemikiran mereka. Memadailah kalau mereka nak menyaman Tuan Speaker dan SELCAT tetapi sekarang Setiausaha Dewan yang merupakan seorang penjawat awam pun kena juga, pun didakwa bersama. Kalau ada orang yang menyatakan bahawa SELCAT ini mengadu penjawat awam, saya rasa tak adillah kerana tindakan menyaman Setiausaha Dewan ni lagi teruk. Ini menunjukkan kecelaruan fikiran mereka dan saya tidak membayangkan betapa seriusnya perkara ini sehingga mereka boleh mengheret orang sebegini ke Mahkamah. Sudah cukuplah kita menyaksi kepincangan dalam Parti MCA sekarang dan kita lihat mungkin UMNO Selangor pun ada masalah sehingga mereka sendiri lawan sendiri. Dua (2) ADUN diheret ke Mahkamah....

YB TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan sikit.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, saya bagi laluan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kampung Tunku. Saya nak minta sedikit pandangan Kampung Tunku. Kenapa YB Kuala Kubu Baharu ini dia begitu...apa takut dengan SELCAT dan memfailkan saman SELCAT ke Mahkamah. Apa yang sebenar motif beliau? Sila beri penjelasan sikit.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya pun kurang pastilah mungkin dia pingat banyak. Saya pun tak taulah. (Ketawa)

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker, boleh saya celah sikit.

YB TUAN LAU WENG SAN: Kerajaan Negeri Selangor menjunjung teori Pihak Berkuasa dan sumbangan ini juga

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker.....Boleh tunggu, boleh beri peluang ke tidak?

PUAN SPEAKER: Kampung Tunku? Boleh beri peluang sekejap?

YB TUAN WONG KOON MUN: Beri peluang dulu? Ini tidak adil ini.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya boleh izin kalau saya ada *injury time* dan saya boleh izin kalau soalan daripada KKB jelas dan ringkas.

YB TUAN WONG KOON MUN: Minta izinlah....Puan Speaker, saya tidak setuju seperti mana dikatakan Sekinchan. Katakan saya takut. Puan Speaker kena faham, saya bukan bekas Wakil Rakyat. Di penggal yang lalu saya bukan Wakil Rakyat.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya minta soalan, saya minta soalan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya tidak diberi peruntukan untuk....

YB TUAN LAU WENG SAN: Kuala Kubu Baharu kena bagi soalan kepada saya kalau Kuala Kubu Baharu nak bangkitkan persoalan ini, sila tanya semasa ucapan Sekinchan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Tak apa, biar saya jawab, biar saya jawab. Di Penggal ini kita faham bahawa Menteri Besar kata Kerajaan Persekutuan tidak bagi peruntukan kepada Negeri. Sama juga Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional juga tidak dibagi peruntukan untuk belanja. Mengapa saya takut? Mengapa saya takut salah guna kewangan, peruntukan?

YB TUAN LAU WENG SAN: Soalan, soalan, soalan? Saya rasa macam nilah Puan Speaker, saya teruskan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya tidak ada peluang daripada Negeri Selangor. Itu sebab saya cabar ke atas Keadilan, bukan saya takut. Saya tidak pernah takut. Sekian.

YB TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat, saya rasa saya tidak dapat membenarkanlah sekali lagi kerana Yang Berhormat mengambil masa saya untuk berucap bukan bertanya soalan. Sepatutnya kalau perkara ini dibangkitkan, Yang Berhormat kena ambil bahagian dalam perbahasan semalam, ambil dan tanya soalan kepada Yang Berhormat Sekinchan. Itu saya tidak perlu terangkan lagi. Kalau Yang Berhormat nak berucap pun...

YB TUAN WONG KOON MUN: Minta maafah kerana....

PUAN SPEAKER: Sila duduk, Kuala Kubu. Sila duduk, saya tidak benarkan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker, soalan?

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya tidak benarkan. Saya kena teruskan. Terima kasih. Kerajaan Negeri Selangor menjunjung prinsip pengasingan kuasa dan semangat ini sebenarnya juga termaktub di dalam Perkara 72, Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh tentang keistimewaan Dewan Negeri. Saya berharap kalau boleh Kuala Kubu Baharu boleh dengarlah apa yang saya kata, Perkara 72 (1) berbunyi "Sahnya apa-apa perjalanan dalam mana-mana Dewan Negeri tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah". Jelas dan ringkas, saya rasa kita tidak perlu Peguam untuk memahami makna-makna ayat ini. Kenyataan ini juga jelas maknanya dan mana-mana perjalanan Dewan Negeri tidak boleh dicabar di Mahkamah. Oleh itu, saya rasa tindakan ketiga-tiga orang ADUN ini melanggar peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Mana-mana Dewan ataupun Badan Perundangan yang bercirikan sistem... memperuntukkan kuasa kepadanya untuk membuat undang-undang untuk...dan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas. Setiap Dewan memiliki dan menawarkan pelbagai hak istimewa. Keluasan hak istimewa Parlimen ataupun Dewan Negeri ini adalah berasaskan kepada hukum dan adat. Sir William Black Stone, seorang Hakim terkemuka England pada abad ke-18 menyatakan bahawa hak istimewa ini adalah dengan izin *very large and indefinite* iaitu ia tidak dapat ditakrifkan kecuali oleh Dewan sendiri. Adalah hak istimewa Dewan-Dewan adalah kebebasan bercakap dalam debat iaitu tidak ada apa-apa yang dikatakan oleh mana-mana ahli Dewan boleh disoalkan di bawa ke mana-mana Mahkamah ataupun Institusi di luar Dewan. Satu lagi hak istimewa ialah, hak istimewa ialah bebas daripada penangkapan kecuali derhaka besar, feloni ataupun pelanggaran aman. Dewan juga memiliki kuasa untuk menghukum pelanggaran hak istimewa mereka sebagai contoh penghinaan Parlimen ataupun Dewan merupakan.... iaitu keingkaran sesuatu sepina yang dikeluarkan oleh sesuatu Jawatankuasa, ianya merupakan satu bentuk hukuman yang boleh dihukum. Hukuman-hukuman yang dikenakan oleh Dewan-dewan tidak boleh dicabar dalam mana-mana Mahkamah. Perkara ini juga berkaitan dengan cadangan Kerajaan untuk mewujudkan satu Enakmen baru yang dinamakan sebagai Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor atau singkatannya SELESA dan menunggu sementara Kerajaan Selangor untuk meneliti butiran-butiran di dalam SELESA ini dengan cepat dan menyelesaikan masalah-masalah teknikal yang sedang dihadapi sekarang berikutan daripada kes pendakwaan terhadap SELCAT dan Setiausaha Dewan. Maka, adalah amat penting Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan Enakmen ini untuk melindungi ahli-ahli Dewan dan penjawat-penjawat awam Dewan Negeri daripada pendakwaan dan kes-kes Mahkamah berkenaan dengan urusan Dewan yang jelas mempunyai unsur-unsur politik.

Puan Speaker, semasa membentangkan bajet 2010 pada 10 November, Dato' Menteri Besar telah menyentuh tentang penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan yang telah merosot dari segi peratusan pada tahun 2009 jika dibandingkan dengan tahun 2008 dan 2007. Menteri Besar juga menyebut bahawa projek-projek Persekutuan seperti projek infrastruktur awam dan projek infrastruktur asas kini dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri dan tidak lagi

dilaksanakan melalui agensi-agensi pelaksana di peringkat tempatan dan akar umbi seperti Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan. Ini sememangnya sesuatu yang bercanggahan dengan semangat *Federalisme* yang antara lain menggariskan sikap saling menghormati yang perlu ada antara Kerajaan Negeri dengan Persekutuan. Kedua-dua Kerajaan Negeri dan Persekutuan mempunyai hak-hak dan kebebasan masing-masing dalam menjalankan tugas-tugas pemerintahan Kerajaan mengikut peruntukan undang-undang. Dalam konteks Malaysia, undang-undang yang dimaksudkan itu tidak lain tidak bukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kerajaan Persekutuan menafikan tanggungjawabnya untuk membayar royalti minyak 5% kepada Kerajaan Negeri. Jadi saya ingin bertanya apakah yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan selama ini kepada Kerajaan Negeri Terengganu, kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Bukan sahaja wang royalti. Mengapa pula wang royalti ini ditukar nama menjadi wang ihsan dan ditambah dengan perbagai takrifan yang diterangkan oleh Meru tadi. Apabila Kerajaan bertukar tangan, nisbah ini adalah tidak adil. Nisbah hasil Kerajaan Persekutuan terhadap jumlah keseluruhan hasil semua Kerajaan Negeri sebenarnya telah berkembang daripada 4.4 pada tahun 1990 ke 10.4 pada tahun 2007. Menunjukkan jurang perbezaan begitu besar, semakin besar. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 melebihi RM200 bilion tetapi perbelanjaan setiap Negeri hanya berada di antara RM2 juta iaitu Perlis dan RM3 bilion, Sabah. Nisbah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terhadap jumlah keseluruhan. Selain itu, peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri telah sebenarnya perlahan-lahan balik kepada peruntukan dalam bentuk pinjaman. Sebagai contoh, geran daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri telah merosot daripada 9.9% perbelanjaannya pada tahun 1975. Sekarang ini sudah merosot ke hanya 2.9% pada tahun 2008. Pada tahun 1975 hingga tahun 1999, pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bertambah RM1 bilion ringgit tambah kepada RM9 bilion. Walaupun terdapat geran daripada Kerajaan Persekutuan, kebanyakannya geran ini diberi dalam bentuk projek pembangunan. Berkenaan dengan projek PIA dan PIS yang saya sebutkan tadi, biar pun peruntukan ini berasal daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan tidak harus bahawa Negeri Selangor menyumbangkan kira-kira RM16 bilion terhadap pendapatan Kerajaan Persekutuan. Seandainya Kerajaan Persekutuan mengenakan cukai pendapatan ke atas sebuah kilang yang dibuka oleh pelabur asing, sekiranya PBT dan perkara-perkara seperti tanah yang diletakkan di bawah Kerajaan Negeri tidak diuruskan dengan bagus adalah mustahil sama sekali untuk para pelabur asing datang ke Malaysia. Jadi, peranannya ada pada Kerajaan Persekutuan, ada juga pada Kerajaan Negeri. Sementara itu, Kerajaan Negeri, kita mengakui bahawa Kerajaan Persekutuan turut membantu dalam menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lain seperti lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya, lebuhraya dan sebagainya untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia. Apa pun sekali, semangat saling menghormati ini perlu dijunjung sentiasa. Malahan komunikasi yang berterusan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri harus berkekalan tanpa sebarang gangguan politik. Malangnya apa yang kita lihat di Selangor adalah jauh daripada gambaran idealistik ini. Bukan sahaja Kerajaan Persekutuan tidak disalurkan kepada PBT dan PBT yang sebenarnya lebih dekat dengan rakyat dan memahami apa yang benar-benar diperlukan oleh rakyat tempatan. Malahan projek-projek yang dijalankan mereka selalunya tidak memperolehi kelulusan daripada PBT ataupun PBT, ini melanggar Puan Speaker peruntukan dalam Seksyen 50, Akta Jalan Parit dan Bangunan pada tahun 1974 yang menyatakan bahawa PBT hendaklah membina, menyelenggarakan parit dan alur air. Seksyen ini menyatakan bahawa PBT perlu menyelenggarakan parit dan mana-mana pihak yang lain yang ingin menjalankan kerja-kerja perparitan hanya boleh berbuat demikian setelah mendapat kelulusan daripada PBT. Ini PBT yang berkuasa tetapi kebanyakannya tidak ada permohonan daripada PBN, Pejabat Pembangunan Negeri.

Kampung Tunku pernah menerima aduan daripada beberapa tempat terhadap kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh PBN untuk menjalankan kerja-kerja perparitan. Kerja mereka tidak dijalankan dengan teratur dan tersusun. Tidak ada pemantauan daripada pakar-pakar kejuruteraan di dalam PBT dan juga PDT sehingga ada parit yang dibina dengan gradien kecerunan yang tidak betul, sehingga air bertakung di dalam longkang, sehingga ada laluan air yang terlalu sempit, sehingga ada parit yang dibina di atas permukaan tanah dan jalan. Apa parit ini? Parit perlu dibina pada tahap yang rendah supaya air boleh mengalir, bukan di atas permukaan jalan. Semua ini disebabkan oleh kekurangan pemantauan dalam menjamin kualiti kerja yang diletakkan di bawah PBN. Maklumlah PBN hanya merupakan sebuah pejabat pentadbiran sahaja. Ianya tidak mempunyai kepakaran-kepakaran yang lengkap untuk mentadbir satu perbandaran seperti perancangan Bandar tidak ada, kebersihan Bandar pun tak ada, kejuruteraan Bandar pun tak ada, landskap pun kurang. Ia tidak ada. Saya semak laman web PBN, hanya ada 70 orang *staff* sahaja di Ibu Pejabatnya di Shah Alam. Dia ada juga pejabat-pejabat zonnya sehinggakan ada zon dia orang, *staff* dia tidak ada ataupun tidak mencukupi. Dia perlu menggabungkan kedua-dua daerah seperti Sabak Bernam dan Kuala Selangor digabungkan sebagai satu zon. Berbandinglah dengan *human resource* yang kita ada di Negeri Selangor, di setiap Pejabat Tanah dan Daerah, di setiap PBT, mereka langsung tidak dapat menjalankan kerja ini.

Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang jenayah. Apabila kita bercakap tentang masyarakat lestari kita bermakna memelihara, memberi perlindungan kepada rakyat daripada kemusnahan. Dalam konteks keadaan sebenar di Selangor Kg. Tunku berpendapat ianya melebihi apa yang dimaksudkan oleh perkataan lestari ini. Ianya merupakan sebuah masyarakat yang mempunyai kesedaran sivik dan moral yang tinggi. Kerajaan Negeri boleh membantu komuniti untuk memperkasakan mereka dengan menjalankan program-program yang boleh merapatkan hubungan sesama ahli-ahli dalam sesuatu komuniti. Salah satu program yang boleh dilaksanakan ialah *Police Community* yang telah disebutkan di dalam ucapan bajet Menteri Besar di mana ia merupakan satu pasukan keselamatan tempatan yang ditubuhkan oleh masyarakat setempat bersama-sama dengan PBT dengan kerjasama daripada pihak polis. Dalam program *Police Community* ini semua pihak yang terlibat mempunyai tanggungjawab yang sama untuk mengenal pasti mengurangkan, menghapuskan dan mengelakkan kejadian jenayah. Ianya terdiri daripada kakitangan sepenuh masa, separuh masa atau sukarelawan termasuk pegawai-pegawai polis yang telah bersara. Di negara-negara maju telah terbukti bahawa pasukan *Police Community* berjaya mengurangkan kadar jenayah di masyarakat tempatan. Ini telah dilaksanakan di beberapa bandar terkemuka di seluruh dunia. Antara contohnya ialah *UK Police Community Support Officer*, *US Community Oriented Policing Services* dan *Vancouver Community Police*. Kg. Tunku difahamkan bahawa MBPJ telah bersedia untuk melaksanakan *auxiliary police force* di bawah kawasan pentadbiran kawasan MBPJ tetapi sehingga sekarang ianya masih belum dapat dilaksanakan sebenarnya kerana MBPJ masih menunggu maklum balas atau pun kebenaran daripada Bukit Aman. Malangnya situasi di mana kerajaan negara lain yang menurunkan kuasa kepada PBT dan soal keselamatan di peringkat masyarakat tempatan kita tidak melihat ini berlaku di Selangor. Oleh itu Kg. Tunku minta supaya satu, supaya program *Police Community* ini dapat dijadikan sebagai satu langkah *proaktif* daripada Kerajaan Negeri sementara kita melaksanakan *auxiliary police force* ini yang mana kita perlu tunggu kelulusan daripada Bukit Aman. Baiknya kalau kita dapat melaksanakan komuniti polis ini untuk membuktikan keprihatinan kita untuk menangani masalah jenayah. Salah satu cara, salah satu contoh yang saya rasa, yang ingin saya cadangkan kepada kerajaan ialah *Community Police* yang dimulakan di SS 20, Petaling Jaya. Dan setahu Kg. Tunku program ini merupakan antara salah satu program *Community Police* yang agak berjaya. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang pengangkutan awam ...

YB PUAN SPEAKER: Dua minit lagi.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya akan cepatkan ya, di mana pengangkutan awam ini merupakan satu perkara yang serius yang perlu ditangani bersama oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kami telah melihat kepincangan yang semakin melanda di semua bandar-bandar besar di semenanjung Malaysia di mana kadar penggunaan kenderaan awam telah meningkat dengan bilangan yang cukup dahsyat. Pada masa sekarang kita telah melihat Malaysia mempunyai kadar bilangan kereta kepada populasi yang ke empat tertinggi di rantau Asia Pasifik. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan untuk juga menurunkan kuasa kepada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan dalam merancang sistem pengangkutan awam di peringkat tempatan. Saya ingin memberi beberapa contoh yang menunjukkan kegagalan Kerajaan Persekutuan untuk menangani, menangani masalah pengangkutan awam di Malaysia. Iaitu saya rasa saya ingin bangkitkan satu contoh iaitu keputusan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan sebelum ini pernah memutus untuk membeli sejumlah 20 lokomotif bernilai RM 220 juta ringgit daripada negara Cina. Perjanjian ini telah dibuat pada tahun 2003 secara purata di mana Malaysia akan menjual 110 ribu tan metrik minyak kelapa sawit kepada negara Cina sebagai satu pertukaran. Walau pun laporan penilai kualiti asal mencadang kepada kerajaan untuk tidak menerima tawaran ini, kerajaan tetap terima dan akhirnya kita mendapati 5, hanya 5 lokomotif yang dapat berfungsi. 15 lagi *over haul*, kena *repair* sebab pasal apa, kerana lokomotif yang dibuat oleh negara Cina ini tidak mengikut cuaca tempatan. Antaranya enjin ia tidak diadaptasikan mengikut keadaan cuaca di Malaysia. Sistem penyejukannya gagal. Ini merupakan satu kegagalan. Satu contoh kegagalan yang cukup besar yang saya ingin tunjukkan di sini. Perkara yang sama juga berlaku terhadap kualiti pengurusan sisa-sisa pepejal oleh Alam Flora. Saya difahamkan bahawa kos pengurusan sisa pepejal di semua PBT Selangor menelan belanja di antara 20% hingga 40% daripada bajet sebuah PBT. Peratusan ini agak tinggi dan saya ingin meminta perhatian kepada Kerajaan Negeri bahawa kita perlu menilai kembali perjanjian-perjanjian yang ditandatangani antara PBT dengan Alam Flora ini dan kalau boleh selepas melalui satu kajian bahawa kalau ianya diambil oleh, diambil alih oleh Kerajaan Tempatan ianya akan lebih menjadi lebih efisien maka saya mencadang buatlah terus supaya kita berikan kontrak-kontrak atau pun kerja-kerja pengurusan sisa pepejal ini kepada mereka yang boleh melakukan kerja dan bukannya kepada kontraktor Alam Flora yang selalunya melibatkan banyak masalah kepada kita. Puan Speaker, saya juga ingin meminta menyentuh sedikit tentang kebebasan maklumat di mana saya meminta Kerajaan Negeri, saya menyambut baik apa yang dilakukan oleh EXCO dan juga Menteri Besar untuk mengklasifikasikan beberapa dokumen sulit Kerajaan Negeri dan saya bercadang ada sebenarnya ada beberapa bentuk dokumen sulit Kerajaan Negeri yang tidak perlu disulitkan seperti minit mesyuarat penuh semua PBT, minit mesyuarat jawatankuasa PBT dan butiran-butiran kuantiti atau pun *bills of quantity* terhadap sesuatu projek dan tender, sama ada tender atau pun projek ini ditawarkan oleh PBT, Pejabat Tanah atau pun Kerajaan Negeri. Kg. Tunku berpendapat bahawa di klasifikasi dokumen ini adalah penting untuk memastikan semua projek dan tender yang dilaksanakan adalah dijalankan dengan telus kerana *BQ* saya katakan, saya tekankan kepada *bills of quantity* ini akan secara tidak langsung membolehkan rakyat memantau perjalanan sesuatu kerja itu dengan lebih cekap. Dengan adanya *BQ* rakyat akan tahu untuk menjalankan sesuatu projek itu berapa banyak bahan yang diperlukan. Simen diperlukan berapa banyak. Dari situ agaknya kita boleh tahu anggaran harganya. Puan Speaker, saya juga ingin meminta kepada Pejabat Tanah dan Daerah di seluruh Selangor supaya bertindak tegas kepada terhadap mereka yang membina rumah, kontena dan dewan masyarakat di atas tanah kerajaan. Kerajaan telah melalui operasi fasa pertama, menjalankan operasi mengambil alih dewan-dewan orang ramai dan balai raya yang digunakan oleh parti politik sebagai pejabat mereka. Fasa pertama sudah berlalu. Sekarang kita menghadapi masalah fasa kedua di mana kini kerajaan sedang bercadang mengambil alih bangunan-bangunan haram yang dibina di atas

tanah kerajaan dan operasi ini dijangka akan menghadapi kesukaran yang lebih tinggi kerana selalunya mereka yang menduduki bangunan ini akan menunggu bahawa bangunan ini didirikan menggunakan wang mereka dan bukan wang kerajaan. Tanpa pengetahuan bahawa tanah yang mereka duduki itu sebenarnya tanah kerajaan. Dan apa-apa bangunan yang dibina di atas tanah kerajaan tanpa geran tanah adalah haram. Sebagai contoh Kg. Tunku ingin bertanya sama ada Pejabat MCA di Kampung Hulu Yam lama yang didirikan di atas tanah rizab jalan, ini di atas tanah rizab jalan mungkin Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu boleh memberi sedikit penjelasan mengapa MCA boleh ada, pejabat di atas tanah rizab jalan sehingga sekarang Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor belum mengambil tindakan. Perkara yang sama juga berlaku di kawasan Kg. Tunku, di kawasan-kawasan yang lain. Saya meminta supaya PBT segera menjalankan kuasa...

YB TUAN NG SUEE LIM: Penjelasan.

YB PUAN SPEAKER: Sedikit-sedikit..

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kg. Tunku. Saya...

YB PUAN SPEAKER: Kg. Tunku, saya ingatkan masa awak sudah tamat sebenarnya.

YB TUAN NG SUEE LIM: Kecederaan.

YB PUAN SPEAKER: Saya sudah beri masa tambahan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ada setengah muka surat lagi.

YB PUAN SPEAKER: Jadi,..

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima Kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ada cedera sikit. Terima kasih, Kg. Tunku. Berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Kg. Tunku tentang parti-parti politik seperti MCA yang menceroboh tanah kerajaan dirikan bangunan, dirikan bangunan untuk parti dan sebagainya, saya juga ingin bagi satu contoh di Sekinchan, baru-baru ini keluar dari surat khabar di mana MCA Cawangan Sekinchan dirikan bangunan di penutup jalan. Menghalang tadika, budak-budak tadika. Tidak boleh keluar, lalu-lalu lalang di situ. Ini MCA boleh buat, bangunan di rizab tanah kerajaan. Bangunan menutup jalan tadika. Saya nak Tanya Yang Berhormat Kg. Tunku, kenapa keadaan sedemikian boleh berlaku. Kenapa mereka boleh buat kerja macam ini. Saya nak tahu.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya minta supaya Pejabat Tanah mengambil tindakan segera kerana saya ada satu lagi contoh yang lagi dahsyat. Contohnya di Kg. Baru Ulu Yam lama ini, kita ada sebuah gelanggang bola keranjang dan apa yang kita lihat sekarang ini JKKKP menceroboh masuk dan menukar nama JKKK itu kepada JKKKP dengan menambah satu huruf P di belakang K dia. Begitu dahsyat tahap dia. Saya minta PDT boleh membuat sesuatulah. Puan Speaker, *point* saya yang terakhir, akhirnya saya juga ingin membangkit beberapa projek dan program yang boleh saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri sebelum ini, iaitu yang pertama pusat Kebudayaan Tionghoa di Klang. Saya ingin tahulah apa *updatenya* sekarang ini, pusat penternakan babi di Batu Tumbuk, program kawalan sendiri atau pun *self regulation* terhadap penjualan minuman beralkohol di Shah Alam, dan juga zon antarabangsa di Mutiara Damansara di Petaling Jaya. Saya ingin mendapatlah satu *update* tentang program-program

ini, kalau boleh ada laporan lagi bagus. Akhirnya Kg. Tunku ingin memohon maaf sekiranya ada terlanjur kata dalam ucapan saya ini. Sekian, terima kasih.

YB PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker.

YB PUAN SPEAKER: Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Rawang untuk turut serta dalam perbahasan ucapan bajet tahun 2010 ini. Puan Speaker, dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Besar dan barisan EXCO kerana dengan keadaan ekonomi sedunia yang kurang menentu Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dapat meluluskan skim merakyatkan ekonomi Selangor dengan pentadbiran yang berlandaskan prinsip cekap, telus dan menambah baik tadbir urus *good governance* dengan izin. Malangnya Yang Berhormat Kuang nampaknya tidak faham dengan konsep merakyatkan ekonomi Negeri Selangor ini. Apabila Kerajaan Negeri menyebutkan skim-skim ini bukan kita hendak mewar-warkan Pakatan Rakyat tetapi ini menunjukkan cara bagaimana sesebuah kerajaan itu patut menguruskan wang rakyat dengan telus dan sebaiknya. Kerana wang ini bukannya datang dari Barisan Nasional mahu pun Pakatan Rakyat tetapi ini adalah wang rakyat. Puan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya menyokong sepenuhnya dan menyambut baik cadangan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang penubuhan Suruhanjaya Bebas Pemberian Geran Persekutuan atau pun *independent grant commission* dengan izin bagi menjamin pengagihan kewangan yang adil dan saksama kepada semua negeri di Malaysia. Negeri Selangor yang berfungsi sebagai pusat ekonomi dan pentadbiran untuk Negara ini yang utama di Malaysia dengan penyumbangan pendapatan melebihi 16 bilion untuk Kerajaan Persekutuan sememangnya tidak harus dianaktirikan dalam proses pembangunan. Peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri yang hanya berjumlah 400 juta sememangnya tidak mencukupi kalau berasaskan jumlah penyumbangan penduduk Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan. Dengan itu saya menyeru kepada Menteri Besar dan barisan EXCO supaya terus mendesak Kerajaan Persekutuan bagi memperuntukkan dan menuntut peruntukan yang berjumlah melebihi 3.2 ribu juta, yakni 20% daripada pendapatan yang diagihkan kepada Kerajaan Negeri bagi menjana pembangunan ekonomi demi meningkatkan kualiti hidup rakyat Selangor. Puan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyambut baik inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil negeri. Di sini saya ingin mencadangkan supaya Menteri Besar dan barisan EXCO mengkaji semula polisi permohonan geran tanah secara berkelompok, iaitu permohonan tanah sesuatu daerah itu hanya akan diproses di peringkat EXCO apabila semua pemilik tanah telah membuat permohonan mereka. Dasar ini adalah bertentangan dengan prinsip *first in, first out* dengan izin atau *first come, first serve* dengan izin. Juga tidak adil kepada mereka yang telah mengambil inisiatif untuk memohon dengan awal dan cepat. Dasar ini juga menyebabkan permohonan berlonggok di Pejabat Daerah dan merugikan Kerajaan Negeri dari segi pungutan hasil cukai tanah. Salah satu langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kutipan hasil termasuklah mempercepatkan proses pendaftaran hak milik tanah. Inisiatif ini tidak akan terlaksana sekiranya kekurangan pegawai SO atau pun *surveyor officer* dengan izin di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah. Banyak permohonan tanah yang tertunggak disebabkan bilangan So yang tidak mencukupi di peringkat PDT. Oleh itu saya ingin menyeru supaya pihak Kerajaan Negeri mengkaji semula nisbah SO dengan permohonan tanah di setiap PDT di Selangor bagi melancarkan penyukatan dan permohonan tanah di peringkat PDT. Penubuhan MBI bagi memantau anak-anak syarikat di Negeri Selangor adalah perlu kerana kita nampak semasa pemerintahan kerajaan Barisan Nasional yang lepas, banyak projek usaha sama yang dilaksanakan oleh anak-anak syarikat dan pemaju tertentu telah merugikan Kerajaan Negeri

dan akhirnya rakyat jelata yang menjadi mangsa dalam projek-projek seumpama ini. Contohnya di Rawang. Projek perumahan Taman Kancing Jaya di Batu 16, Rawang, ialah salah satu projek usaha sama yang dijalankan oleh PNSB. Penduduk di situ tidak mendapat CF walau pun telah 10 tahun menduduki rumah di situ kerana pemaju gagal membina *monsoon drain* dengan izin sebagai satu syarat penting bagi kelulusan CF. Kini saya perlu memohon dan menyeru kerajaan negeri bagi memperuntukkan wang bagi membolehkan penduduk taman mendapat CF setelah sekian lama menunggu. Walaupun tanah-tanah yang dimiliki oleh anak-anak syarikat adalah milik kerajaan negeri, namun saya ingin mencadangkan supaya tanah-tanah yang dimiliki oleh anak-anak syarikat yang tidak dibayar premiumnya diambil balik oleh kerajaan negeri dan ditenderkan bagi mendapatkan hasil yang maksimum kepada kerajaan negeri. Puan Speaker dan ahli-ahli yang berhormat sekalian, projek-projek persekutuan seperti projek infrastruktur awam dan projek infrastruktur asas yang kini dilaksanakan terus oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Projek-projek pembangunan sebegini sebelum ini adalah dilaksanakan dan dipantau oleh pejabat daerah dan tanah serta pihak berkuasa tempatan. Walaupun peruntukan tersebut tidak lagi disalurkan melalui PTD ataupun PBT, namun saya menggesa kerajaan negeri bagi mengeluarkan satu pekeliling ataupun ketetapan supaya semua projek yang dijalankan dalam kawasan PTD atau PBT tertentu mestilah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Hal ini adalah perlu kerana kita perlu memastikan bahawa projek yang dilaksanakan itu mematuhi piawaian yang ditentukan bagi menjamin keseragaman dalam perancangan bandar serta keselamatan awam adalah dijamin. Kerajaan negeri perlulah tegas dalam aspek ini kerana kita tidak mahu tragedi seperti keruntuhan titi di Kampar berlaku di Selangor disebabkan tiada pemantauan yang ketat dan rapi. Barangkali apabila kemalangan berlaku, PBT atau badan-badan kerajaan negeri akan disalahkan walaupun itu bukan dalam bidang kuasa badan-badan tersebut. Bagi meningkatkan keberkesanan PBT supaya responsif terhadap aduan awam, saya juga ingin menyeru supaya pihak kerajaan negeri memberikan geran jalan yang diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan secara sepenuhnya kepada PBT untuk dikendalikan. PBT kini menghadapi kekangan daripada segi sumber pembangunan infrastruktur seperti jalan, lampu jalan dan sebagainya disebabkan pengurangan peruntukan daripada kerajaan persekutuan. Oleh itu, geran jalan ini adalah amat penting untuk PBT bagi memenuhi keperluan penduduk tempatan bagi memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang baik. Langkah kerajaan negeri dengan penubuhan jawatankuasa tender yang dianggotai oleh wakil parti serta seorang wakil NGO di setiap PBT adalah satu langkah yang konstruktif bagi memastikan ketelusan dalam pemberian projek. Namun, saya ingin mencadangkan supaya anggota jawatankuasa tender di PBT ini digilir-gilirkan setiap tiga bulan bagi mengelakkan monopoli dan seterusnya meningkatkan tahap ketelusan dalam pengurusan tender. Usaha ini telah dilaksanakan di MBPJ dan saya berharap ia akan dijalankan di semua PBT yang lain di negeri Selangor. Puan Speaker dan ahli-ahli yang berhormat sekalian, saya rasa tertarik dengan strategi kerajaan negeri Selangor yang menegakkan demokrasi tulen sebagai strategi pertama dalam perancangan kerajaan negeri bagi membentuk sistem pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab *accountable* (dengan izin). Saya rasa tidak sabar untuk melihat enakmen kebebasan maklumat untuk dibentangkan dalam persidangan dewan negeri Selangor pada Mac tahun depan. Saya berharap enakmen ini tidak akan lagi ditundakan. Apabila kita bicarakan soal demokrasi tulen, ingin saya tekankan di sini bahawa satu lagi usul yang penting dalam konsep demokrasi adalah pengasingan kuasa (dengan izin) *separation of power*. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Maka demokrasi dan pengagihan kuasa adalah menjadi asas penubuhan negara Malaysia dan juga negeri-negeri yang tertakluk di bawahnya. Dalam sistem tersebut, kemerdekaan antara ketiga-tiga *executive*, *legislative* dan *judiciary* (dengan izin) adalah amat penting. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan negeri supaya menggubal dan melaksanakan enakmen perkhidmatan dewan negeri Selangor 2009 ataupun SELESA. SELESA bertujuan memperkasa dan meningkatkan

keberkesanan dewan negeri Selangor menerusi pembentukan sebuah jawatankuasa pilihan seperti yang dipraktikkan di semua negara-negara Komanwel. Dengan adanya enakmen ini, dewan dapat memainkan peranan yang aktif dalam memantau atau *check and balance* (dengan izin) untuk memastikan nilai tadbir urus yang baik *good governance* (dengan izin) dipraktikkan dalam setiap aspek pentadbiran kerajaan negeri. Saya menyarankan kepada Y.A.B. agar enakmen ini dibentangkan dengan secepatnya. Saya yakin Pakatan Rakyat yang berdukung sistem demokrasi berparlimen pasti menyokong tindakan ini yang akan memuliakan lagi dewan undangan negeri sebagai badan penggubal undang-undang dalam negeri ini. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Besar dan barisan pimpinan EXCO dalam bajet 2010 ini yang menyentuh dan menegaskan dan komitmen untuk melaksanakan dasar minimum 30 peratus kepimpinan wanita di semua peringkat pembuat keputusan dalam pentadbiran negeri Selangor. Penetapan inilah adalah manifestasi kepada sesuatu keluhuran terhadap pengiktirafan ke perdayaan wanita atau pemerksaan wanita oleh pemimpin Pakatan Rakyat. Saya ingin menyeru supaya kerajaan negeri juga mengorak selangkah di depan dengan mengaplikasikan konsep *gender budgeting* (dengan izin) dalam proses penyediaan belanjawan negeri oleh setiap jawatankuasa tetap dalam kerajaan negeri. *Gender budgeting* akan memastikan dan mengurangkan jurang gender dalam merancang dan memperuntukkan sumber dengan mengambil kira keperluan golongan wanita dan lelaki. 50 peratus daripada populasi negara Malaysia dan negeri Selangor adalah terdiri daripada golongan wanita. Oleh itu, adalah kurang wajar sekiranya wanita yang memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat tidak diambil keperluan mereka dalam perancangan dan pembangunan negeri. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan menyokong bajet 2010 negeri Selangor yang dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor. Sekian, terima kasih.

YB PUAN LEE YING HA: Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Puan Speaker, yang berhormat ahli-ahli Exco, yang berhormat ADUN-ADUN dan pegawai-pegawai kerajaan. Lembah Jaya mengucapkan tahniah kerana kerajaan negeri Selangor amat menekankan konsep 'selamat dan bersih'. Dari segi keselamatan, Lembah Jaya mengalu-alukan usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak polis. Masalah jenayah membelenggu dan menghantui setiap anggota masyarakat. Pada pilihan raya umum 2008, kejadian jenayah yang bagaikan tidak dapat di kawal merupakan bahan kempen utama bagi hampir setiap calon-calon Pakatan Rakyat. Ketika itu kita telah berjanji kepada rakyat kita akan berubah keadaan. Oleh itu adalah tidak memadai bagi kerajaan memberi alasan demi alasan kenapa kerajaan tidak dapat mengawal keadaan jenayah ini. Kita tidak boleh lagi berkata bahawa pihak polis di raja Malaysia adalah di bawah kerajaan pusat dan kerajaan negeri tidak ada kuasa untuk memaksa mereka menambah anggota polis atau menambah balai-balai polis. Kerajaan negeri berkewajipan melaksanakan inisiatif-inisiatif baru yang *tangible* (dengan izin) untuk memastikan keselamatan setiap anggota masyarakat terjamin. Jika kita gagal, maka kita akan dihukum oleh rakyat pada pilihan raya umum yang ke-13. Lembah Jaya menyambut baik peruntukan sebanyak RM3juta yang dikhaskan untuk memasang CCTV. Seperti mana YB Kampung Tunku, Lembah Jaya juga menyambut baik usaha Majlis Perbandaran Petaling Jaya yang telah membentuk polis tambahan atau *add salary police* mereka sendiri untuk menjamin keselamatan rakyat. Lembah Jaya berharap polis tambahan ini dapat diwujudkan di setiap kawasan pihak berkuasa tempatan yang menghadapi masalah kadar jenayah yang meningkat. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat masalah perundangan dalam menubuhkan polis tambahan Lembah Jaya berharap penguat kuasa pihak berkuasa tempatan dapat digunakan untuk melakukan rondaan berjadual agar dapat mencegah jenayah. Kadang kala yang penting bukan

senjata api yang dimiliki oleh pihak polis, tetapi yang penting adalah kehadiran pihak-pihak yang dapat mencegah jenayah dari berlaku. Kehadiran itulah lebih penting dari senjata. Konsep yang sama merupakan asas kepada rukun tetangga yang diwujudkan. Penduduk yang berkawal melalui skim rukun tetangga hanya bersenjata rotan dan tongkat tetapi dapat juga mencegah jenayah. Sudah tentu para penguat kuasa yang berpakaian seragam lebih berupaya mencegah jenayah dari penduduk yang hanya menggunakan rotan dan tongkat sahaja. YB Puan Speaker, Lembah Jaya juga mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Menteri Besar kerana telah melancarkan pakej rangsangan ekonomi negeri Selangor. Lembah Jaya berharap hasrat kerajaan negeri untuk menarik pelaburan lebih daripada RM50bilion dari dalam dan luar negara serta bakal menyediakan lebih 150 ribu peluang pekerjaan yang akan menjadi kenyataan. Di dalam pakej tersebut pembangunan semula telah dirancang untuk kawasan-kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang. Lembah Jaya berharap sebarang permohonan baru hendaklah mengambil kira bukan sahaja kawasan yang hendak dibangunkan tetapi kajian perlu dilakukan di atas kawasan yang lebih luas lagi. Bukan sahaja penduduk di kawasan yang hendak dimajukan perlu ditanya pandangan mereka, tetapi pandangan penduduk di kawasan-kawasan berdekatan perlu ditanya. Ini wajar dilakukan kerana impak apa-apa pembangunan menjangkau lebih luas daripada pembangunan tersebut. Lembah Jaya yakin selepas Petaling Jaya dan Klang, terdapat bandar-bandar lain di negeri Selangor yang akan dibangunkan. Tentu sekali ini sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh penduduk yang mahukan kediaman dan persekitaran yang selesa. Tetapi lakukanlah kajian yang menyeluruh. Kajilah sejarah dan aspek sosial sesuatu kawasan sebelum ia dibangunkan semula. Biarlah ia benar-benar memberi manfaat kepada penduduk dan bukan hanya kepada pemaju-pemaju. Lembah Jaya turut menyambut baik kerana sejumlah besar yang diperuntukkan untuk pembangunan insan dalam bajet 2010. Di dalam kesempatan ini, Lembah Jaya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri kerana telah terus melaksanakan program *SPIES*. Lembah Jaya telah menerima maklum balas dari kakitangan kerajaan negeri yang berpuas hati dengan latihan-latihan dan kursus-kursus yang dianjurkan. Ia nya merupakan satu pembaharuan kepada latihan-latihan dan kursus-kursus yang pernah dilaksanakan semasa zaman pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, Lembah Jaya juga menerima aduan-aduan dari mereka bahawa masih terdapat latihan-latihan dan kursus-kursus menurut acuan kerajaan sebelum ini. Kalau ia nya baik dan bermanfaat, kita harus berlapang dada menerimanya tetapi jika tidak kerajaan negeri bertanggungjawab merubahnya. Tetapi aduan diterima di mana-mana peserta-peserta lelaki dan perempuan, suami orang dan isteri orang terpaksa berpegang-pegang tangan di dalam gua yang gelap. Oleh itu, Lembah Jaya mohon perhatian daripada Y.A.B. Menteri Besar selari dengan pembangunan di Ampang *Waterfront* di jalan Ampang amatlah tidak wajar di sebelahnya masih wujud kedai-kedai yang tidak tersusun yang disewakan milik individu-individu tertentu tanpa sebarang lesen dan kelulusan. Alangkah baiknya kawasan yang sebegitu strategik untuk premis perniagaan dinaikkan taraf di bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya supaya hasilnya mendapat pulangan kepada PBT sendiri. Sudah bertahun-tahun individu ini mendapat keuntungan di atas tanah kerajaan. Selain daripada itu, begitu juga di Jalan Ampang ke Hulu Langat terdapat kilang-kilang haram yang beroperasi di atas tanah-tanah kerajaan. Kenapa tidak tanah-tanah ini diberi milik kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya supaya dapat disusun atur dengan pembangunan yang lebih memberi keuntungan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya sendiri bukannya individu-individu itu. YB Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong enakmen perbekalan 2010.

YB PUAN LEE YING HA: Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: *Bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih Puan Speaker, kabinet kerajaan dan rakan-rakan pembangkang yang tinggal dua orang. Ahli yang terhormat yang saya kasihi sekalian, Batu Caves mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan untuk sama-sama membahas dan menyokong belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar beberapa hari yang lepas. Puan Speaker, secara asasnya Batu Caves amat menyokong dan sangat berpuas hati terhadap prestasi yang telah ditunjukkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat di peringkat negeri dalam menguruskan ekonomi dan menguruskan konsep ketelusan yang telah menjadi salah satu daripada tiang penting kepada terdirinya kerajaan Pakatan Rakyat. Walaupun kerajaan berhadapan dengan masalah ekonomi global yang turut menghempuk beberapa buah negara sekitar Asia ini termasuk Malaysia, namun kita masih mampu mengekalkan prestasi ekonomi kita kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain dan juga dengan kerajaan persekutuan. Sebab itu di peringkat awal pada peringkat ini saya ingin menegaskan kembali beberapa butiran perkataan yang telah dibuat oleh wakil-wakil pembangkang khususnya tadi Paya Jaras mengkritik tentang bagaimana gagalannya kita menarik pelaburan sebagaimana yang disebutkan sebagai salah satu daripada bukti kegagalan kerajaan Pakatan. Sebelumnya Sri Serdang membangkitkan tentang persoalan sama ada kita berupaya membahagikan ekonomi kita selaras untuk keperluan rakyat apabila bajet ataupun belanjawan untuk pembangunan itu agak kurang sedikit sekitar 45 peratus berbanding 55 peratus dalam belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Saya minta rakan-rakan pembangkang dari peringkat awal pada hari ini untuk menilai dan membandingkan prestasi ekonomi kita dan juga cara dan kaedah kita membina ataupun merangka belanjawan kita. Saya jawab tentang Sri Serdang dulu. Dibangkitkan seolah-olah kita tidak mendahulukan rakyat apabila program untuk pembangunan sekitar 45 peratus tetapi sedarkah wakil-wakil pembangkang kerajaan Barisan Nasional di peringkat *federal* telah memberikan peruntukan untuk pengurusan sebanyak 70 peratus dan hanya 30 peratus untuk program-program pembangunan dalam bajet yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Najib Tun Razak yang juga presiden UMNO dan juga pengerusi perhubungan UMNO negeri Selangor Darul Ehsan. Kita telah memberikan sekitar 45 peratus dan ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri Selangor masih berupaya membuat bajet secara berimbang dan kita mengelakkan defisit yang telah dan akan menyebabkan anak-anak dan generasi kita berdepan dengan masalah hutang pada masa-masa hadapan. Tadi Paya Jaras mengungkap tentang persoalan kedatangan pelaburan ataupun jumlah pelaburan yang diterima. Sekali lagi pihak Barisan Nasional tidak mencerminkan muka, tidak membandingkan fakta kepada satu yang benar. Apabila kalau kita membandingkan prestasi pelaburan kerajaan pusat pada tahun 2008 adalah sekitar 62bilion, tetapi pada tahun 2008 ataupun pada tahun 2009 sehingga September sebagaimana yang kita umumkan juga mereka hanya mencapai...

PUAN SPEAKER: Ahli yang terhormat, jam sudah menunjukkan 1.01 petang.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Ingat tak bagi tadi sebut.

PUAN SPEAKER: Boleh sambung selepas ini?

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Dialu-alukan.

PUAN SPEAKER: Dengan ini saya menangguhkan dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

Dewan disambung semula

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula. Dipersilakan Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN SHARI: Terima kasih Tuan Speaker. Ee.... saya ingin menyambung dan ulang kembali beberapa perkara yang saya bangkitkan di awal perdebatan ini iaitu apabila pihak pembangkang mengungkit tentang masalah atau pun prestasi ekonomi negeri. Dan cuba kita bandingkan dengan apa yang telah diperolehi oleh negeri berbanding dengan persekutuan baru ini namanya ada timbang tara dan ada perbandingan yang adil. Kita tak ambil dari sudut *figures* ataupun nombor kerana kalau kita ambil dari sudut nombor ia akan tidak beri satu perbandingan yang adil. Sebaliknya saya akan berikan perbandingan daripada sudut *percentage* , ataupun peratus bagaimana pencapaian ekonomi negeri khususnya dalam bidang pelaburan dan juga bagaimana kita mengagihkan sebagaimana yang kita sebut tadi. Saya sebut tadi semalam Seri Serdang mengungkit tentang kita gagal untuk memperbanyak dana untuk pembangunan. Sedangkan Sri Serdang dan Barisan Nasional juga wakil-wakil pembangkang tidak sedar tentang bajet ataupun belanjawan yang di bentang oleh Najib Tun Razak, hanya memperuntukkan 30 % untuk projek-projek pembangunan, berbanding 70% untuk dana bagi bidang pengurusan berbanding dengan kita Pakatan Rakyat di negeri Selangor memperuntukkan sekitar 55% untuk pengurusan dan 45% berbanding daripada pengurusan untuk projek-projek pembangunan. Bagi pelaburan pula, saya ingin bandingkan di sini apa dan bagaimana pencapaian Kerajaan Federal pada tahun 2009 sehingga September sebagai mana yang diumumkan dalam Audit Negara dan juga yang diumumkan oleh Najib Tun Razak sendiri. Bahawa pencapaian pelaburan yang dimiliki oleh Kerajaan Federal sehingga September hanyalah mencapai sekitar 27.7% daripada pencapaian pada tahun 2008. Daripada sekitar 62 bilion kepada sekitar 17 bilion. Benar Kerajaan Negeri hanya mampu mengutip 3.89 bilion begitu untuk projek ataupun pelaburan yang mampu dikutip oleh negeri berbanding 11 bilion, tetapi kalau kita ukur daripada segi *percentage* ataupun pelaburan, bahawa negeri Selangor telah mampu mengutip 33.4% pencapaian pelaburan, maknanya kita lebih baik berbanding pencapaian kerajaan Barisan Nasional di peringkat federal (dewan bertepuk).

Jadi kalau kita dengar semalam minta kita letak jawatan, minta kita berundur dan sebagainya, sepatutnya wakil-wakil rakyat Barisan Nasional minta pimpinan di peringkat federal supaya berundur dan bertanggungjawab di atas masalah yang telah berlaku di peringkat federal. Tuan Speaker, hadirin hadiran, ahli-ahli dewan yang.... yang budiman, bagi pihak Batu Caves, kita mengalu-alukan bagaimana 7 strategi ataupun 6 strategi yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam melandaskan ataupun merangka belanjawan kali ini. Dan sudah pasti, satu konsep menegakkan demokrasi tulen sebagai mana yang telah diamalkan dan menjadi perjuangan Pakatan Rakyat, seharusnya menjadi tunggak yang sangat penting dan tidak dipandang remeh mata. Sg. Pelek kebetulan ada di sini. Ketika mengemukakan soalan dalam berkaitan dengan kepala lembu, ataupun demonstrasi kepala lembu dan pelbagai

demonstrasi yang dibangkitkan menunjukkan bahawa kerajaan negeri lemah. Ini beza fikiran dan minda kita apabila bertindak. Bagi kita kerajaan Pakatan Rakyat kepentingan kita adalah rakyat. Keutamaan kita adalah permasalahan dan suara hati rakyat dapat diketahui. Dalam kes kepala lembu, bagaimana corak kita memelihara dan corak kita mentadbir serta membuat keputusan sebagai contoh. Kita tidak mudah-mudah membuat keputusan tanpa ada perbincangan. Yang kita lakukan adalah perbincangan demi perbincangan. Dan perbincangan yang kita lakukan itu dengan cukup berhati-hati, dengan pihak pelabur nya dahulu, kemudian diikuti dengan pihak penduduk, tapi belum sempat dengan pihak penduduk, ada beberapa orang dan individu daripada parti-parti Barisan Nasional mengambil kesempatan dan mencucuk isu perkauman serta membawa kepala lembu ke SUK yang menghina serta dengan hasrat untuk memburukkan kaum lain dan agama lain. Tuan Speaker , bagi saya ini adalah satu sikap yang tidak bertanggung jawab dan kita Kerajaan Negeri , alhamdulillah mampu menguruskan serta menjalankan suasana yang lebih baik walaupun prosesnya sangat panjang. Kalau bagaimana kaedah Sg. Panjang dulu, walaupun dia tidak ada, dia akan buat keputusan dan paksa orang buat. Bila paksa orang buat, akhirnya berlaku masalah-masalah sebagaimana yang berlaku dalam isu kuil seksyen 13 dan seksyen-seksyen lain , yang sebenarnya berakar dan berpaksikan dan berpunca daripada masalah keputusan yang dibuat tanpa memikirkan demokrasi, tanpa memikirkan konsep musyawarah yang menjadi satu asas yang sangat penting dalam pemutusan sebuah keputusan. Tuan Speaker, sebagaimana yang disebutkan bahawa kita ingin melakukan perubahan. Pakatan Rakyat yang dibarisi oleh parti-parti di dalamnya ingin melakukan perubahan. Dan perubahan bukan hanya berlaku daripada sudut struktural , dan perubahan harus berlaku dari konsep kebudayaan. Saya tertarik apabila YB Bukit Antarabangsa, membangkitkan tentang polemik kebudayaan , bagaimana Sutan Takdir Alisshahbana pada 1930an dan Sanusi Pane dan beberapa intelektual dan *inteligensia* pada ketika itu cuba mengalih paradigma pemikiran masyarakat Indonesia dan juga masyarakat serantau bagaimana melihat pembangunan dan melihat projek-projek, melihat proses menjadi sebuah *nation state* ataupun sebagai sebuah negara bangsa. Ada perdebatan yang panjang dan bermula daripada program kebudayaan. Bermula daripada sastera yang dikeluarkan, bermula daripada hasil seni yang dikeluarkan, bermula daripada lagu-lagu yang dikeluarkan. Justeru saya menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya memberikan perhatian terhadap bidang-bidang ini. Kita banyak kelompok-kelompok seni *independent* yang ada di luar sana , yang mungkin boleh diketengahkan kerana mereka benar-benar menepati daripada konsep suara rakyat, suara keramat, dan kita memberikan ruang kepada mereka untuk sama-sama terlibat serta mampu untuk menambah nilai kepada perancangan serta pemikiran Kerajaan Negeri untuk membangkitkan serta menjadikan kita menjadi sebuah negeri maju yang sejahtera dan sebagainya. Tuan-tuan Speaker, saya ingin menyinggung tentang persoalan pembangunan moden dan lestari, Tuan Speaker, sebagaimana yang berlaku akhir-akhir ini, pembangunan moden dan lestari ini, sangat mendesak kepada kita, dalam isu-isu yang melingkari kita dalam hari ke hari, berkaitan dengan global *warming*, ataupun peningkatan suhu serta isu-isu alam sekitar, yang Insya-Allah kalau kita tidak kekang, kalau kita tidak jaga, ia akan meruntuhkan semua program modenisasi dan pembangunan yang berlaku termasuk di Negeri Selangor . Bagi kita di Negeri Selangor, kita telah dilimpahkan dengan beberapa perkara, termasuk beberapa kejadian, seperti banjir dan tanah runtuh. Kebetulan baru-baru ini di Batu Caves , telah dilanda satu banjir kilat yang sangat luar biasa, yang kemungkinannya masalah itu adalah masalah terburuk semenjak 20 ataupun 30 tahun sebelum ini. Di mana mengikut perangkaan data daripada bahagian empangan Jabatan Pengairan dan Saliran pada ketika itu, kadar hujan yang turun pada ketika itu berada dalam luar jangka, bermaksud dalam 100-200 mililiter dan empangan batu yang menjadi kawasan tadahan air pada ketika itu terpaksa juga membuka sekitar 100 mililiter untuk memastikan empangan itu tidak pecah dan menyebabkan musibah serta masalah yang lebih buruk berlaku di kawasan-kawasan di sekitar yang terbabit. Namun ada beberapa penemuan dan juga analisis yang dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran

mengatakan bahawa masalah banjir di Batu Caves itu juga disebabkan oleh daripada keladak atau pun hasil daripada masalah Bukit Botak yang berkumpul bersebelahan dengan Sungai Batu dan menyebabkan air lambat berjalan dan berlaku masalah banjir kilat yang telah mengakibatkan hampir 1000 mangsa di kawasan sekitar Batu Caves mendapat masalah serta menanggung musibah yang sangat dahsyat.

Walaupun banjir itu dikatakan banjir kilat, yang tidak termasuk daripada kriteria Majlis Keselamatan Negara, yang boleh diberikan bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya namun daripada pemerian dan pemerhatian kami, sebagai mana yang kita buat, esoknya bila saya minta supaya diadakan mesyuarat oleh Pejabat Daerah, akhirnya Pejabat Daerah memanggil semua agensi-agensi yang terbabit. Kita lihat kerosakan harta benda, masalah aa..infrastruktur yang rosak juga hampir sama dengan apa yang berlaku, dengan bencana yang sebenar ataupun banjir yang melibatkan 2-3 hari, hingga melibatkan orang terpaksa ditinggalkan di tempat pemindahan penduduk. Masalahnya kerugian-kerugian ini gagal untuk kita biayai dan gagal untuk kita perbaiki. Saya tidak bermaksud untuk kita menanggung banjir ini. Apa yang kita lakukan sekarang ini seolah-olah kita menanggung banjir. Ada banjir kita beli nasi, ada banjir kita beri sumbangan 200-300 ringgit kepada mangsa. Kerajaan Negeri tidak boleh selamanya menanggung masalah banjir ini, kalau kita tanggung banjir ini, *we fund the flood*, dalam erti kata yang lain, maknanya kita tidak akan menyelesaikan masalah. Saya setuju dengan bajet ini yang telah memperuntukkan sekitar 1 juta ringgit Malaysia untuk penebatan banjir dan sebagainya namun daripada kos yang sebenar, yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, yang mereka hanya masukkan dalam Rancangan Malaysia Ke 10, yang belum habis lagi Rancangan Malaysia ke 9, entah bila nak buat, melibatkan berapa kawasan-kawasan terbabit di Batu Caves, dan termasuk di Gombak Setia dan juga di Hulu Kelang, di sekitar daerah Gombak. Kos untuk memperbaiki atau menaik taraf Sg. Batu itu, mencecah mungkin hampir 10 juta ringgit Malaysia. Justeru saya minta budi bicara EXCO kerajaan negeri untuk melihat isu ini secara lebih spesifik. Memastikan kita tidak hanya membiayai masalah banjir ini, sebaliknya kita menyelesaikan masalah, mengikut kepada kemampuan dan keupayaan kita, dan ia menjadi satu ingatan juga kepada kerajaan persekutuan bahawa isu ini adalah isu rakyat, yang membayar cukai dan kita adalah antara negeri yang paling banyak membayar cukai kepada Kerajaan Federal ataupun Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang budiman, saya seterusnya ingin juga membangkitkan tentang masalah tanah runtuh, yang kebetulan berlaku di kawasan saya sempena dengan hujan lebat pada hari Sabtu yang lalu. Kawasan di sekitar Taman Jasa Utama dan Taman Perwira telah berlaku sedikit rekahan dan melibatkan lumpur-lumpur, jatuh dan menyebabkan masalah kurang selesa serta menimbulkan rasa kurang enak di kalangan masyarakat dan penduduk di sekitar kawasan Batu Caves, Taman ni dan Taman Jasa Utama. Yang pasti projek itu diluluskan sebelum Mac 2008. Namun projek itu kalau kita ukur secara mata kasar, ia berlaku ataupun dilakukan di kawasan aaa..*level 3 or level 4*, atau kawasan paras 3 dan paras 4, yang saya rasa telah ada keputusan daripada EXCO yang menghalang projek-projek itu diteruskan. Apa yang dilihat daripada kawasan itu, bukan kawasan runtuhannya itu saja yang berlakunya runtuhannya, kerana daripada pemerhatian kita, terdapatnya runtuhannya-runtuhannya kecil dan terdapatnya kawasan tadahan air yang sengaja dibuat oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab ini walaupun ada tindakan pantas oleh Majlis Perbandaran Selayang, saya ucap tahniah, dan pejabat daerah namun daripada segi dasar dan polisinya kita harus konsisten untuk menggelakkan masalah-masalah ini berlaku dan memastikan masalah di Bukit Antarabangsa tahun lalu berulang kembali juga masalah yang berlaku di sekitar Templer, jalan saya nak pergi ke dewan pun terpaksa lewat setengah jam. Disebabkan jalan tutup dan tak boleh bergerak dengan lancar dan menyebabkan masalah-masalah lain kesusahan. Syukur

tidak ada masalah nyawa, ataupun tidak ada masalah aaa... masalah ataupun tidak nyawa yang terkorban daripada masalah tanah runtuh yang baru-baru ini berlaku di Negeri Selangor. Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan sidang EXCO, hadirin-hadirin sekalian, yang pentingnya bagi kita adalah kejujuran serta pentadbiran Kerajaan Negeri hari ini benar-benar mampu untuk *deliver*. Kejujurannya sudah jelas, tapi *deliver*, ataupun mampu untuk menyampaikan hasrat-hasrat dan juga polisi-polisi yang telah ditetapkan itu, mampu untuk mencapai sesuatu yang terbaik, dan mampu untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat secara keseluruhannya. Tuan Speaker, dalam menjamin kesejahteraan rakyat, sebagaimana yang menjadi tema, bajet ataupun belanjawan pada kali ini, masalah penempatan, dan juga masalah tempat tinggal masih lagi menjadi sebahagian masalah besar kepada masyarakat khususnya bagi kawasan-kawasan mereka yang tinggal di pinggir-pinggir bandar atau boleh dikategorikan mereka sebagai golongan miskin bandar yang *survive* untuk kehidupan mereka. Kebanyakan mereka ini terpaksa meneroka kawasan-kawasan dan meneroka tanah-tanah untuk menjadikan kawasan penempatan mereka dan berlaku proses pembersihan semberono yang dilakukan pentadbiran lepas yang telah mengakibatkan kita menanggung masalah-masalah ini. Banyak berlaku, di kawasan kampung Sri Temenggung di Batu Caves sebagai contoh. Terus melalui masalah ini dan gagal untuk diselesaikan, tidak mampu untuk mencapai keputusan kerana projek itu berlaku dalam satu suasana yang tidak adil di mana pemaju yang ingin membangunkan diberikan ruang namun prosedurnya tidak tepat. Akhirnya penduduk tidak diberikan perbincangan dan penduduk terpaksa menanggung kerugian, penduduk terpaksa dihalau daripada kawasan terbabit, dijanjikan sewa dan sebagainya termasuk di beberapa kawasan lain di Batu Caves seperti di Jalan 10 di Selayang Baru 5 dan sebagainya, yang telah mengakibatkan penduduk menanggung masalah dan rakyat secara keseluruhannya menanggung masalah dan pemaju juga gagal ataupun tidak mampu untuk membangunkan projek-projek perumahan yang terbaik untuk rakyat. Justeru dalam rancangan ataupun dalam belanjawan 2010 ini saya berharap supaya projek-projek ini dapat diberikan pemerhatian. Yang penting bagi kita adalah rakyat yang terpaksa menanggung masalah hutang, rakyat yang terpaksa tidak ada rumah yang jelas, rakyat yang gagal untuk berdepan, menghadapi hari ke depan dengan keadaan yang lebih selesa, yang mengakibatkan masalah-masalah lain seperti gejala sosial dan perkara-perkara lain yang berlaku yang mengakibatkan masalah yang lebih besar kepada projek dan pembangunan yang ada di Negeri Selangor pada hari ini. Tuan Speaker, hadirin dan hadirat Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, jika kita lihat daripada belanjawan dan strategi yang telah dibentangkan oleh Y.A. B Dato' Menteri Besar, salah satu daripada aspek yang ditekankan dalam membentangkan belanjawan ini adalah memperkasakan rakyat Selangor. Dalam memperkasakan rakyat Selangor saya menyeru supaya penekanan diberikan untuk menambah peruntukan-peruntukan yang sedia ada untuk menjamin NGO-NGO dan pertubuhan-pertubuhan badan bukan kerajaan ini tumbuh dengan matang dan tumbuh dengan mapan yang ada di Negeri Selangor. Ini bukan bermaksud NGO-NGO yang bebas sahaja namun Persatuan-persatuan Penduduk, *Resident House* beberapa lagi *resident associations* maaf dan beberapa lagi *resident associations* dan beberapa lagi pertubuhan ada berselirat di Negeri Selangor ini diperkukuhkan daripada sudut struktur dan ada bantuan terhadap mereka . Kita lihat masalah-masalah yang besar seperti di kawasan-kawasan perumahan adalah diakibatkan masalah *resident associations* ini ataupun Persatuan Penduduk ini dengan izin gagal untuk berfungsi dan gagal untuk menyampaikan tugas mereka. Kita ada Ahli Majlis yang menubuhkan JKP, kita kadang-kadang ada *Resident Associations*, kadang-kadang kita ada JKK di kawasan perbandaran, kadang-kadang kita ada persatuan-persatuan lain di satu kawasan penempatan yang tidak diurus secara berhemah yang tidak dipanggil untuk menyelesaikan masalah kerana mereka mewakili penduduk dan mereka mewakili seluruh masyarakat walaupun hanya sebahagian. Jadi saya kira sikap toleransi dan mesyuarah ini harus dikembangkan secara lebih baik, harus dikembangkan secara lebih bijaksana dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan. Di akhirnya Speaker..

TUAN SPEAKER: Sepuluh minit sahaja.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Di akhirnya saya ingin menyeru dan saya ingin melihat supaya kita berhemah dalam pengurusan bidang agama dan untuk memastikan walaupun kita sebagai Kerajaan Negeri kita tidak bertindak secara kejam terhadap ataupun secara kurang arif dan kurang beradab dalam menguruskan mereka-mereka yang berbeza agama. Di akhirnya saya ingin membawa satu kisah yang dipanggil sebagai Peristiwa Najran, saya minta kebenaran Tuan Speaker untuk tambah seminit. Peristiwa Najran yang berlaku pada tahun ke sembilan Hijrah iaitu yang berlaku pada tahun 631M. Dalam kes ini ditunjukkan bagaimana perilaku Rasulullah S.A.W Nabi Muhammad dalam menghadapi orang bukan Islam ketika berdebat dalam isu-isu tertentu. Kelompok ataupun rombongan Najran ini berasal daripada Yaman dan terkenal sebagai rombongan kelompok Malaki yakni daripada Kristian Byzantium yang akidah trinitinya begitu tegar dan kukuh. Nabi Muhammad s.a.w telah menjemput kelompok ini untuk berdebat, berbincang dan berbahas secara beradab di dalam masjid Nabi Muhammad s.a.w di Madinah. Nabi Muhammad s.a.w, Nabi Islam yang membawa sinar Islam menjemput dan menerima rombongan daripada kelompok Najran, kelompok Malaki yang akidah otodoksnya begitu tegar dan diajak dan menjemput untuk berbincang secara berhemah di dalam masjid tersebut. Tuan Speaker, hal yang berkaitan dengan penangkapan Dr. Asri Zainal Abidin juga ada hal-hal lain yang berkaitan tentang orang masuk dalam masjid ini harus dilihat dan diperhatikan kisah ini yang secara nyata syirah yang telah dituliskan oleh Ibnu Hisham ini dan juga Ibnu Ishak yang merupakan di antara sumber-sumber premier, sumber-sumber pertama bagi sirah Nabi Muhammad s.a.w ini dapat di perhati dan dapat dilihat dengan secara prihatin. Malahan ketika kelompok-kelompok Najran ini meminta untuk mengundur diri daripada Masjid Nabi kerana untuk mengamalkan *liturgy* mereka, untuk bersembahyang dan mengamalkan ibadah mereka, Nabi Muhammad s.a.w menghalang dan membenarkan mereka beribadah di Masjid Nabi. Saya tidak mahu mengesyorkan hal ini berlaku tetapi pada masa ini banyak gereja, *church* dan juga tempat-tempat lain, tempat ibadah lain di sekitar kita, namun daripada pandangan kita jangan terlalu sempit, bagaimana Nabi Muhammad s.a.w telah mengetengahkan beberapa perkara yang saya kira sangat penting dari sudut prinsip. Sunnah Nabi Muhammad s.a.w bukan hanya berdasarkan daripada kata-katanya tapi sebaliknya berdasarkan bai'ahnya iaitu sumpahnya, berdasarkan perbuatannya dan berdasarkan tingkah lakunya. Saya kira hal ii sangat penting untuk diberitahu dan perkara ini sangat penting untuk menjadi pertimbangan dan menjadi akal budi bicara EXCO dan juga seluruh pentadbiran Kerajaan Negeri untuk memastikan kita boleh mentadbir negeri ini sebagai sebuah negeri yang perkasa, yang hebat serta mampu ditadbir dengan penuh bijaksana. Saya mohon untuk mencadangkan.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Pengerusi.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, *Bismillahi rahmani rahim*. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian. Saya menyokong penuh ucapan bajet yang telah dikemukakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Berdasarkan iltizam ataupun komitmen ucapan tersebut kepada satu *fundamental* dan satu perkara yang sangat dasar dalam menjayakan pemerintahan mana-mana sebuah kerajaan iaitu komitmennya untuk menegakkan demokrasi tulen dan telah digariskan bahawa dalam konteks menegakkan demokrasi tulen beberapa reformasi telah dilakukan dan reformasi yang sebenarnya adalah dalam konteks mengamalkan tadbir urus yang sempurna, telus, bertanggungjawab dan penuh amanah. Di atas sebab itulah Y.A.B. Menteri Besar

menegaskan dalam ucapan bajet tentang peranan SELCAT dan bahkan apa yang telah dicapai oleh Kerajaan di Negeri Selangor amat mengagumkan. Sebuah NGO yang beribu pejabat di Washington, NDI, *National Democratic Institute* berasa kagum dengan kepantasan perubahan reformasi Dewan yang telah dilakukan oleh Dewan Negeri Selangor dengan menubuhkan bukan hanya SELCAT untuk mengadakan pendengaran terbuka pendengaran awam tetapi mewujudkan beberapa lagi jawatankuasa yang lebih khusus dalam urus tadbir yang lebih sempurna dan konteks Pejabat Tanah dan Daerah, dalam konteks PBT dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor iaitu JPK PADAT, JPT ABAS dan PBT yang akan memainkan peranan yang lebih terbuka lebih telus dalam menangani isu pentadbiran yang lebih terjamin. Tuan Speaker, suara rakyat suara keramat. Itulah yang diungkapkan dalam ucapan bajet dan suara rakyat suara keramat serta demokrasi tulen sebenarnya bermula dan bersumber di sini iaitu di Dewan yang mulia ini. Ahli Falsafah Perancis, *Montesquieu* dan Ahli Falsafah Inggeris John Log dan dengan izin dianggap sebagai *founding fathers of the American Constitution* dengan izin telah mengatakan *despotism could best be prevented by a system of separation of powers in which different bodies exercised legislative executive and judicial power*. James Madison ahli falsafah, ahli politik dan Presiden Amerika Syarikat yang ke-4 menegaskan bahawa *the system check and balance* dengan izin *is designed to allow each branch to restrict abuse by another branch*. Beliau menegaskan *the three branches of government should not be so far separated as to have no constitutional control by each other*. Jadi kita menegaskan bahawa apa yang ditegaskan juga ahli-ahli pemikir Islam seperti Syed Abul Ala Mauludi dalam bukunya *Islamic Law and Constitution* dengan menegaskan ketiga-tiga cabang pemerintahan iaitu Majlis Syura, perundangan, al-imarah; eksekutif dan Al-Qada; kehakiman semuanya berfungsi secara berasingan dan bebas tetapi tetap berada dalam landasan syariah. Tuan Speaker, dengan ini saya menegaskan bahawa apabila kita mahu memperkasakan demokrasi tulen, kita bercakap tentang doktrin pemisahan kuasa. Kita bercakap tentang memperkasakan Dewan kerana Dewan yang kuat akan melahirkan kerajaan dan eksekutif yang kuat. Dengan itu saya menggesa agar usul tentang Enakmen Perkhidmatan Dewan (SELESA) dibawa secepat mungkin pada tahun hadapan dalam sidang Dewan agar dapat diluluskan semoga bajet yang ditegakkan di atas dasar menegakkan demokrasi tulen dapat dilaksanakan. Selaras dengan itu juga saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah menunjukkan komitmen yang padu dalam mendukung demokrasi tulen, hak asasi dengan melancarkan program-program kebajikan kepada keluarga mangsa ISA dan saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Negeri Selangor di Dewan yang mulia ini telah mengutarakan usul membahaskan dan meluluskan usul agar ISA ditentang, dimansuhkan dan menuntut agar ISA ini daripada Malaysia Negara ini. Dan dengan itu kita tegas bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang kita sanjung walaupun belum meluluskan sebarang usul menentang dan menuntut ISA dimansuhkan tetapi telah memasang kain-kain rentang, papan-papan tanda dengan izin *billboard* yang menandakan kecaman mereka terhadap ISA. Dan saya ingin membuat gesaan kepada Kerajaan di samping kerja-kerja kebajikan membantu keluarga yang menjadi ISA, membawa mereka ke Kem Kamunting memberikan peruntukan bas dan sebagainya. Meningkatkan lagi kempen kesedaran ini sebagaimana yang telah dizahirkan kesan daripada Kerajaan Negeri Selangor meluluskan usul ini maka sekumpulan anak muda dengan inisiatif mereka melahirkan luahan rasa dan kebencian mereka terhadap ISA dan mengadakan *roadshow* dari rakyat untuk rakyat, mengeluarkan album nyanyian mempamerkan, menzahirkan kemarahan rakyat suara rakyat tentang kezaliman undang-undang ISA. Saudara Meor Yusuf Azidin, Saudara Amin Iskandar, Saudara Rahmat Haron, Hishamudin Rais termasuklah Sasterawan Negara A Samad Said terlibat dalam nada dan suasana di mana rangsangan ini telah diwujudkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Dan saya menyeru agar dalam peruntukan bajet yang akan diadakan nanti diluluskan satu peruntukan khusus untuk membolehkan satu *roadshow* seluruh Negeri Selangor untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang kezaliman ISA. Tuan Speaker, saya meletakkan asas dan paksi ucapan saya ini di

atas dokongan bajet kerana dia mendukung prinsip-prinsip keadilan, kebenaran, mendukung hak asasi dan bertujuan menegakkan keadilan yang universal. Atas dasar itulah saya akan meneruskan ucapan saya ini dengan menegaskan tentang isu yang telah saya bawa tentang penangkapan Dr. Mohd. Asri yang ada kaitannya dengan roh dan semangat demokrasi dan unjuran pelaksanaan bajet kita pada masa depan. Sekiranya hasrat menegakkan demokrasi tulen menuntut keadilan sekiranya berlaku kepincangan, kelemahan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri perlulah kita tangani daripada awal. Hasrat dan tujuan saya adalah untuk menjaga nama baik Kerajaan Negeri Selangor, jabatan yang mengendalikan hal ehwal Islam iaitu JAIS dan juga nama baik Negeri Selangor. Sebagai Ahli Dewan Undangan, sebelum berlaku penangkapan lagi saya amat faham implikasi penangkapan beliau oleh JAIS terhadap nama baik Pakatan Rakyat Kerajaan Negeri Selangor. Rakyat yang mengharapkan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor lebih mesra terhadap ulama dan pendakwah kini menjadi keliru. Hari ini kita dianggap oleh sesetengah pihak di kalangan rakyat dan masyarakat sama sahaja seperti pentadbiran yang dahulu dengan menangkap, menghalang menggam ulama dan pendakwah daripada berceramah. Jadi tanggapan negatif rakyat seperti ini hendaklah dihapuskan. Tuan Speaker, saya ingin membuktikan bahawa terdapat unsur *mala fide* ataupun niat tidak suci dalam penangkapan tokoh agama bekas Mufti Perlis, Dr. Mohd Asri. Pada malam penangkapan 1 November pihak JAIS menegaskan penangkapan perlu dibuat bagi membolehkan JAIS mengambil *statement* kenyataan daripada Dr. Mohd Asri di balai polis. Berpandukan peruntukan peraturan yang ditunjukkan dan dilihat sendiri oleh saya dan peguam-peguam termasuk Pawan cheek Merican dan peguam-peguam kanan yang ada hadir pada malam itu oleh Penguat kuasa JAIS terdapat pilihan daripada panduan peruntukan itu sendiri pilihan untuk tidak perlu menangkap beliau kalau untuk tujuan mengambil *statement*, bahkan *statement*nya sudah cukup memadai diambil dari tempat beliau berceramah. Namun, pihak JAIS tetap berkeras untuk membuat tangkapan dan membawa Dr. Asri ke balai polis. Setibanya di balai polis, setelah menunggu 1 jam tiada *statement* diambil daripada beliau. Pegawai penyiasat yang didatangkan daripada Shah Alam lesap menghilangkan diri dan setelah menunggu 1 jam pihak balai polis terpaksa mengeluarkan surat jamin polis dan notis agar Dr. Mohd Asri hadir ke Mahkamah Syariah Gombak pada pukul 9 pagi, 2 November. Keesokan harinya, sampai di Mahkamah tepat pada pukul 9, 2 November pihak mahkamah tidak tahu menahu ada sebarang pendakwaan terhadap beliau. Kalau sebelum ini saya hanya mendengar amalan Pihak Penguatkuasaan Agama JAIS, tapi kali ini saya terlibat sendiri dalam konteks ini. Bagaimana mungkin ada pendakwaan terhadap beliau sedangkan tiada sebarang *statement* pernah diambil daripada beliau selepas penangkapan. Beliau terpaksa menunggu lebih dari 3 jam dan tiada pegawai daripada Ibu pejabat JAIS hadir untuk mengambil *statement* mahupun mengeluarkan sebarang pendakwaan. Nyata Tuan Speaker, penangkapan Dr. Mohd Asri adalah *mala fide* ataupun niat tidak suci kerana pertama penangkapan diteruskan juga walaupun JAIS ada pilihan dalam keadaan hadirin yang ramai dalam keadaan yang boleh membawa ketegangan mujur ada Ahli Parlimen dan ADUN Hulu Kelang yang menenangkan keadaan untuk mendapat *statement* daripada beliau tanpa perlu menjalankan tangkapan. Kedua Tuan Speaker, tiada *statement* diambil sesudah tangkapan dan beliau di bawa ke balai polis sebab asas untuk penangkapan hingga tidak ada *statement* yang dilakukan. Dan Ketiganya Tuan Speaker notis dikeluarkan untuk mahkamah untuk ke mahkamah tanpa pihak mahkamah mengetahui adanya sebarang pendakwaan. Ahli-ahli Dewan Yang Mulia, penahanan tersebut juga adalah *mala fide* berniat tidak suci kerana pertama tiada langkah untuk menyegerakan proses pengambilan *statement*. Kedua, ternyata tindakan sengaja melambat-lambatkan pendakwaan. Ketiga, natijah daripada tindakan ini telah mencabul hak Dr. Mohd Asri kerana ia telah menyebabkan beliau terhalang daripada kebebasan. Bagi mereka yang pernah ditangkap, faham erti kebebasan, faham erti hak kebebasan dicabul tetapi bagi mereka yang tidak pernah merasakan apakah nasib orang yang ditahan, ditangkap, dianiaya maka mungkin tidak ada nilainya. Inilah nilai yang kita hendak bawa dalam dewan yang mulia

ini. Tuan Speaker, bagi saya tindakan yang dilakukan baru-baru ini tidak menggambarkan ke seiringan jalan dan hasrat dengan pendekatan Kerajaan Pakatan Rakyat yang dilakukan oleh JAIS. Dasar Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor adalah pro rakyat, mesra rakyat dan berkeadilan. Itu sebabnya dalam konteks penempatan semula golongan peneroka bandar kita menolak dasar setingan sifar yang melakukan operasi meroboh dan mengusir setingan secara besar-besaran. Kita menggunakan pendekatan berunding, kita tidak merobohkan dan mengusir peneroka sehingga tempat-tempat kediaman mereka siap. Kita juga tidak menyokong penggunaan Ordinan Darurat untuk mengusir peneroka bandar, kita tolak undang-undang dan peraturan yang arbitrari sembarangan yang menindas dan menekan rakyat, itu sebabnya kita menjadi negeri pertama di negara ini untuk membawa usul membahas dan meluluskan di dewan yang mulia ini usul menolak ISA dan menuntut ia agar dimansuhkan. Tuan Speaker, kita juga tidak meneruskan dasar merobohkan surau-sarau dan rumah ibadat bukan Islam terutamanya kuil-kuil Hindu secara sembarangan, kita berunding, kita permudahkan, kita beri dan wujudkan alternatif, kita bantu selaras dengan pendekatan ini kita semarakkan proses pemeraksanaan rakyat, kita gerakkan amalan demokrasi akar umbi, proses pencalonan dan pemilihan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid, JKKK dan seumpamanya kita telah jalankan secara telus dan demokratik. Bahkan, kita isytiharkan masjid sebagai pusat transformasi masyarakat, kita imarahkan masjid dan surau dengan majlis-majlis ilmu dan tazkirah. Sepanjang Ramadhan yang lalu kita hidupkan amalan Ramadhan malam-malamnya dengan tazkirah, majlis ilmu dan iktikaf di masjid-masjid dan surau-sarau. Bahkan, EXCO pendidikan menegaskan bahawa nak menyediakan Negeri Selangor ini Hub Ilmuwan, jejak ilmuwan, mengembelingkan ulama dan ilmuwan tetapi rupa-rupanya dalam konteks yang sama penangkapan terhadap ulama dilakukan dalam keadaan yang cukup memalukan kita. Tiba-tiba harapan rakyat untuk menjadikan kerajaan negeri Selangor ini mesra ulama, mesra pendakwah berkecai. Pentadbiran hal ehwal agama Islam negeri Selangor seperti balik ke takuk asal sebaliknya sepatutnya dalam perubahan dasar ke arah demokrasi, musyawarah dan *people friendly* dengan izin, para ulama dan ilmuwan dan mereka yang berkelulusan sepatutnya diberikan tauliah sebagai pengiktirafan tanpa mereka memohon. Dan sepatutnya dalam suasana demokrasi yang nak kita tegakkan, suasana yang *friendly* yang mesra menggalakkan, memudahkan proses untuk mendapatkan tauliah diwujudkan. Tapi sebaliknya Tuan Speaker, saya menerima surat daripada mereka yang telah ditolak permohonan tauliahnya. Pada 19 Ogos 2009, JAIS dengan *letterhead* JAIS telah mengeluarkan surat menolak permohonan tauliah mengajar pada pertama Fatulbari Bin Mat Jahya memiliki B.A hadis dari Universiti Madinah, M.A daripada Universiti Yarmuk, Jordan dan sedang menamatkan PH.D dari UIA. 3 tahun lepas beliau telah meringkuk 6 jam di lokap polis ditangkap oleh JAIS dan telah dimasukkan ke Black Maria. Kedua Mohd Khairil Anuar Abdul Latif, B.A Al-Quran Sunah UIA, M.A hadis, kini bertugas di Kolej Islam Antarabangsa. Ketiga Abdul Razak Bin Abdul Mutalib B.A Usul Fiqh dari UIA, M.A hadis dan kini mengajar di IIC, Keempat, Muzairi Bin Mustafa, B.A tafsir, usul dan dakwah dari Universiti Al-Azhar, Kaherah, sedang membuat M.A dalam syariah. Fadhlan Bin Mohd Osman yang kelima B.A dakwah, M.A tafsir dari UKM sedang menyiapkan PH.D hadis dari UIA, Malaysia. Yang Keenam, amat menyedihkan saya, Dr. Azwira Abdul Aziz. B.A dan M.A Universiti Madinah, PhD dari Universiti Jordan, Ketua Jabatan Pengajian Al-Quran dan Sunnah, fakulti pengajian Islam UKM dinafikan hak hanya dengan menyatakan permohonan tuan/puan ditolak tanpa sebab. Ketua Jabatan yang sedang berjawatan di UKM ditolak permohonan untuk mendapat tauliah daripada negeri Selangor. Yang Ketujuh, Mohd Roestan Sazzerin Bin Mohd Sofi, B.A hadis Diploma Dakwah dari Universiti Madinah, M.A hadis dari UIA. Tuan-tuan, Tuan Speaker, mereka sebenarnya telah memohon ada yang 5 kali, 6 kali ditolak. Ada yang ditangkap tetapi atas permintaan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku nak minta penjelasan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih, Tuan Speaker. Kepada Yang Berhormat Hulu Kelang, saya merasa amat terperanjat kerana kalau mengikut penjelasan-penjelasan Yang Berhormat, individu-individu yang dinyatakan tadi mempunyai kelayakan yang amat tinggi. Saya ingin bertanya, apakah standard ataupun kriteria yang telah ditetapkan oleh pegawai-pegawai di JAIS dan apakah kelayakan mereka untuk menilai kelayakan-kelayakan pemohon ini.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, sebenarnya di dalam peruntukan Enakmen Agama Islam Negeri Selangor terdapat Seksyen 121 tetapi terlalu bersifat arbitrari dan ada unsur mala fide apabila dia hanya menyatakan majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana peruntukan bahagian ini. Seksyen 121. Sedangkan peruntukan yang lebih nyata diletakkan di tempat lain, peraturan-peraturan tauliah negeri Selangor 2008 bahagian 9, pengecualian peraturan 22 dengan jelas menggariskan jawatankuasa boleh melalui notis bertulis mengecualikan mana-mana orang yang berikut daripada kehendak tauliah, pertama alim ulama, kedua mufti negeri, ketiga hakim syariah termasuk di dalamnya ahli majlis fatwa kebangsaan. Ada peraturan yang jelas dan dalam konteks Dr. Mohd Asri dia kini adalah Ahli Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Perlis, boleh diberikan pengecualian. Tetapi apabila undang-undang itu hanya menyatakan boleh tanpa tindakan *judicious* dengan izin tanpa notis maka akan berlakulah salah guna kuasa. Saya khuatir Tuan Speaker berlaku tangan-tangan ghaib kerana tidak selaras, tindakan JAIS tidak selaras dengan hasrat kerajaan, saya takut berlaku tangan-tangan ghaib di sebalik arahan tersebut. Sebagai bukti, saya bawa dokumen ke sini, bukti kemungkinan ada tangan ghaib di sebalik arahan tersebut. Kerana ini di depan saya ini ada satu surat sulit atas sulit bawah. Tuan/puan di sini merupakan soalan-soalan yang ingin diutarakan oleh Pihak Majlis Keselamatan Negara Selangor kepada Tuan DO berkenaan dengan isu SELCAT. Diharapkan pihak Tuan DO dapat memberi kerjasama dalam hal ini kerana laporan ini akan dihantar kepada MMKN pusat dan juga ke Perdana Menteri pada Jumaat, 9 Oktober 2009. Kenapa 9 Oktober? Kerana sebab 11 Oktober pembuangan undi di Bagan Pinang. Isu SELCAT nak digunakan cara politik. Persoalannya, pertama apakah pandangan tuan mengenai sesi soal jawab SELCAT. DO. Kena jawab. Kedua, apakah persoalan yang dibangkitkan dan diberi perhatian dalam sesi soal jawab SELCAT. Ketiga, apakah komen tuan mengenai proses SELCAT?. Keempat, tak ada kena mengena. Keempat, apakah pandangan tuan terhadap Speaker Teng Chang Khim serta anggota SELCAT, serta apakah pandangan tuan terhadap Dr. Hasan Ali dan komen beliau mengenai SELCAT?. Adalah diharapkan esok 7 Oktober saya dapat berjumpa dengan tuan DO bagi tujuan ini. Kerjasama pihak tuan didahulukan dengan ucapan terima kasih. Nama ada, *handphone* ada, nombor telefon faks semua ada. Ini berlaku depan kita, ketika mana kita nak memperkasakan rakyat ketika mana kita mahu kerjasama kakitangan pejabat ketua-ketua jabatan termasuklah khususnya DO Mereka tertekan menerima arahan begini. Jadi ini satu bukti, kita bukan tuduh dalam kes JAIS kita khuatir terdapat tangan-tangan ghaib sebagaimana usaha yang telah dilakukan Majlis, melalui Majlis Keselamatan Negara Negeri Selangor. Tuan Speaker, saya mohon agar bajet ini mengambil kira tentang isu fundamental isu yang berkaitan dengan keadilan, kebenaran, demokrasi, musyawarah dan hak asasi manusia. Dengan ini saya memohon menyokong. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER: Ya. Teratai.

YB PUAN LEE YING HA: Ya terima kasih, Tuan Speaker. Kerana memberi peluang saya mengambil bahagian dalam perbahasan bajet 2010. Tuan Speaker, dalam ucapan bajet Yang

Amat Berhormat, saya difahamkan bahawa negeri Selangor menyumbangkan 16 bilion pendapatan kerajaan Persekutuan. Selepas anak Selangor menyumbangkan wang berbilion-bilion ini, apa yang dikembalikan kepada rakyat negeri Selangor ialah 408.6 juta sahaja. Ini adalah tidak adil, nampaknya Barisan Nasional tidak dapat rampas kuasa Negeri Selangor dan sekarang cuba rampas kuasa ekonomi anak Selangor juga. Kalau rakyat biasa merompak, dia akan didakwa, tetapi apabila Barisan Nasional rompak wang anak-anak Selangor mereka tidak dituduh didakwa, tak ada masalah. Saya ada satu bukti yang mana mereka rampas wang Negeri Selangor dan keluar dari surat khabar iaitu Yang Berhormat Ong Tee Keat, Ahli Parlimen Pandan katakan beliau dapat 1 juta selenggaraan infrastruktur Pandan. Mana wang itu? Dari mana? Sepatutnya itu wang adalah untuk Negeri Selangor ataupun PBT-PBT menjalankan semua kerja-kerja penyelenggaraan. Mengapa pergi tangan Ahli Parlimen itu, saya tak faham dan mestilah beliau menghentamkan bahawa ini PBT-PBT tak kerja, jadi dia kena pakai wang itu untuk buat semua kerja-kerja di kawasan Pandan sahaja 1 Juta. Jadi saya rasa ini tidak adil untuk kita negeri Selangor yang mana wang itu sepatutnya bagi kepada anak Selangor tetapi tidak dapat dibagi dan dijatuhkan ke tangan Ahli Politik. Jika Kerajaan Persekutuan serahkan 20% daripada jumlah 16 bilion, Selangor akan dapat 3.2 bilion dan kita Anak Selangor boleh menikmatinya melalui pelbagai kebajikan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Ini disebabkan Kerajaan Barisan Nasional tidak begitu pandai dalam menguruskan wang untuk rakyat. Jadi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dipimpin bawah Barisan Nasional semua berminat untuk menjalankan perniagaan yang rugi sahaja. Kalau kita nampak *joint venture..joint venture* dengan izin ataupun projek penswastan yang dijalankan sebelum ini semua adalah rugi, rugi itu wang dari mana, bukan dari saya, bukan dari Speaker, bukan dari mana-mana tapi dari semua cukai anak Selangor.

TUAN SPEAKER: Jangan melibatkan Speaker ya.

YB PUAN LEE YING HA: Oh, maaflah Speaker sebab saya pun tak ada keluar duit, Speaker pun tak ada jadi tak ada masalah, saya rasa ini...

TUAN SPEAKER: Tapi jangan libatkan Speaker.

YB PUAN LEE YING HA: Okey, terima kasih. (Gelak)... oh digantung karang.. dan bukan sahaja rugi ya tanah kerajaan pun diberikan kepada pihak swasta dan ini amat mengecewakan kita semua rakyat di Selangor, oleh itu Teratai ingin mengambil kesempatan ini untuk mendesak Kerajaan Pusat supaya pulangkan wang anak Selangor dengan segera sebab mengikut Laporan Audit Negara, kewangan, pengurusan kewangan Negeri Selangor dapat 4 bintang kalau berbanding dengan apa yang berlaku di bawah jabatan-jabatan yang dipimpin oleh Barisan Nasional, 2 *laptop* sahaja sudah pun 48,000 ribu jadi biarlah Kerajaan Negeri Selangor yang menguruskan wang itu.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Apabila Kerajaan Negeri berusaha untuk merangsangkan ekonomi nampaknya ada sebahagian PBT-PBT tidak mewujudkan polisi-polisi atau sistem-sistem yang selaras dengan hasrat kerajaan untuk merangsangkan ekonomi. Isu-isu ketidakcekapan dalam memproses permohonan-permohonan selalu dibangkitkan oleh para peniaga. Walaupun di setiap PBT ada OSC, *One Stop Centre* dengan izin tetapi para peniaga mengadukan bahawa OSC lagi lambat berbanding kalau dia pergi ke setiap jabatan untuk dapatkan sokongan. Ini adalah disebabkan mungkin disebabkan pegawai-pegawai di OSC tidak diberi kuasa yang penuh atau cukup jadi katakan ada satu jabatan yang tidak bekerjasama dengan OSC ia akan melambatkan semua proses permohonan. Selain daripada itu garis panduan yang tidak cukup jelas

mewujudkan zon-zon kelabu atau *grey area* dengan izin, kalau para peniaga *smart* dia tahu macam mana selaraskan semua proses ialah dia kena bayarlah itu *fee* yang dibayar oleh semua kerja-kerja yang mereka inginkan. Oleh itu saya ingin mengesyorkan EXCO PBT supaya memastikan semua permohonan terutamanya permohonan untuk pembangunan mestilah disertai dengan semua garis panduan yang jelas dan kalau ada zon-zon kelabu mintalah putihkan dengan segera jadi untuk mengelakkan ada pegawai-pegawai yang mengambil kesempatan itu untuk makan rasuah. Saya pernah terima satu kes yang pemilik sudah berusaha satu tahun tetapi apa-apa pun tidak berlaku sampai sekarang, apa-apa satu tiang pun tidak boleh dibangunkan. Kalau begitu bagaimanakah Negeri Selangor boleh merangsangkan ekonomi?

Jadi Tuan Speaker, selain daripada itu saya nak ucap sedikit mengenai *internet cafe*. Mungkin ada orang yang beranggapan yang *cafe internet* adalah tempat yang tidak sihat dan selalu menimbulkan masalah sosial. Hakikatnya tempat yang betul-betul menimbulkan masalah sosial adalah kafe Internet yang menyediakan perkhidmatan mesin perjudian dan menjadi mangsa adalah pemilik-pemilik kafe Internet betul-betul berniaga. Mereka selalu di kambing hitamkan sebab apa kerana PBT-PBT atau polis-polis selalu apabila dia mengambil tindakan itu kafe-kafe yang mempunyai mesin perjudian mereka sudah tahu semua sudah tutup kedai. Jadi lepas tu bila polis atau penguat kuasa sampai semua kedai-kedai perjudian sudah tutup jadi pergi mana kafe internat yang betul-betul berniaga itu. Jadi di samping itu kita juga nampak kedai-kedai perjudian ini menikmati perlindungan yang cukup dari pihak tertentu. Saya pernah membuat aduan di Bukit Siyajaya terdapat kedai perjudian haram, penguat kuasa memang ada menyita peralatan perjudian di sebelah malam tetapi esoknya semua barang-barang dikembalikan. Jadi saya buat aduan lagi juga ada buat sitaan tetapi keesokan lagi semua dikembalikan kejap lagi jadi ini nampaknya ada unsur-unsur yang mungkin di sebaliknya kita tidak nampak mengapa ini boleh di pulang, dipulangkan lagi walaupun saya sudah buat ada satu dua tiga kali tapi dia masih boleh berniaga di sana. Sebaliknya kafe internat yang betul-betul berniaga sering menerima saman dengan alasan tidak tiada lesen terbaru. Sebenarnya PBT selalu melengah-lengahkan pembaharuan lesen perniagaan kafe Internet. Saya sendiri pernah terima satu aduan yang mana pembaharuan lesen perniagaan ditangguhkan kerana polis belum keluaran surat sokongan, tak apa jadi saya sendiri buat satu panggilan kepada pihak polis. Pegawai mengatakan bahawa surat sokongan sudah keluar berbulan-bulan mengapa *you* sendiri, mengapa rakyat selalu buat aduan katakan tidak terima? Pegawai itu juga mengatakan bukan saya sahaja tapi sudah berkali-kali PBT-PBT yang tertentu cakap tak ada pernah terima apa-apa surat sokongan.

Jadi Tuan Speaker ini nampaknya ada pihak sengaja mahu melengah-lengahkan proses ini. Jadi Penguatkuasa boleh mengambil kesempatan itu meminta duit saman atau pun meminta duit kopi dari pemilik. Mereka nak bayar, kalau tak bayar saman lagi mahal. Jadi itulah hakikatnya kita yang sendiri memberi peluang kesempatan untuk mereka mengambil duit kopi. Jadi untuk mengatasi masalah ini saya ada sedikit cadangan supaya membaik pulih situasi ini iaitu kita boleh menghadkan setiap penguatkuasa yang bertugas hanya boleh membawa tidak lebih daripada 20 ringgit di badan mereka. Selepas mereka habiskan kerja pegawai yang bukan PBT tersebut hendaklah membuat semakan semua uniform, buku nota, kereta atau motosikal yang mereka gunakan untuk semak memastikan mereka tidak ambil wang rasuah. Di samping itu setiap hari semua petugas mesti merekodkan semua kegiatan harian seperti nama, jalan kedai yang pernah pergi dan supaya Ahli Majlis atau Majlis boleh memantau kerja-kerja mereka. Ini bukan kerja yang baru tetapi telah itu satu bentuk kerjasama bagi mereka memantau kakitangan mereka yang bertugas luar pejabat.

Tuan Speaker, Walaupun Pakatan Rakyat telah pun menjadi kerajaan tetapi ada di kalangan kakitangan kerajaan masih memihak atau menghadap pada Kerajaan Barisan Nasional. Saya telah menerima beberapa maklum balas daripada penduduk. Apabila penguatkuasa mengutip cukai tunggakan atau memberi saman kepada penduduk mereka selalu mengingatkan penduduk, “ itulah anda mengundi Pakatan Rakyat, itulah akibatnya kena bayar saman semua”. Jadi saya rasa hairan terima tiga empat aduan yang sama seperti berikut. Itu saya rasa tindakan, ini sudah tercemar, mencemarkan nama kerajaan dan saya tak faham berapa kerap itu berlaku tapi di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan menyiasat kes-kes tersebut. Saya rasa ini buka kes berlaku di kawasan Ampang Jaya sahaja tetapi di semua tempat yang saya terdengar ADUN Subang Jaya pun pernah mengalami masalah yang sama.

Tuan Speaker,

Di seluruh kawasan Pandan Perdana bawah DUN Teratai tiada satu tapak pasar yang sempurna. Maka wujudlah pasar-pasar tidak rasmi di lorong-lorong kedai dan menimbulkan kacau ganggu serta masalah *parking* kerana para peniaga menjalan perniagaan hingga ke jalan utama. Jadi untuk menyusun balik pasar itu saya telah berkali-kali memohon sebidang tanah lapang bersaiz 0.22 ekar sahaja yang berhampiran dengan tapak tersebut. Surat tersebut telah diserahkan kepada Menteri Besar, Pejabat Tanah dan MPAJ masing-masing pada Mac 2009. Pejabat Tanah telah memanjangkan permohonan saya kepada Setiausaha Kerajaan dan jawapan yang saya dapat adalah seperti berikut ;

“ Setelah meneliti permohonan pihak puan, pentadbiran ini menolak permohonan penukaran syarat kawasan lapang Pandan Perdana Zon 20 kepada tapak pasar pagi. Pihak puan dipohon memaklumkan kepada kawasan ADUN Teratai supaya mengemukakan permohonan tersebut melalui MPAJ memandangkan MPAJ adalah pihak yang bertanggungjawab untuk melesenkan penjaja serta memastikan kebersihan kawasan terlibat.”

Jadi mengapa? Saya pun tak faham bila pegawai kerajaan pergi meneliti kawasan itu atau mengunjungi kawasan itu tanpa memaklumkan pejabat saya. Atas sebab apa menolak permohonan saya? Tidak ada. Oleh itu saya bertanya soalan bertulis di Sidang DUN . Amat mengecewakan saya jawapan dari soalan dewan tersebut mengatakan bahawa Ahli Majlis MPAJ tidak bersetuju. Untuk makluman dewan Ahli Majlis Zon 20 menyokong sepenuhnya untuk menyusulkan pasar ini ke kawasan lapang. Jadi masalah sekarang mengapa permohonan ADUN terus ditolak tanpa di bincang dalam Mesyuarat EXCO ? Kenapa isu ini tidak boleh dirujuk pandangan ADUN tetapi kena merujuk pandangan Ahli Majlis. Jadi sekarang Ahli Majlis Wakil Rakyat atau ADUN adalah sebagai wakil rakyat? Saya tak faham. Dalam kes ini ADUN Teratai umpama sebiji bola ditendang ke sini ke sana jadi apa-apa pun tak berlaku sampai sekarang. Jadi walaupun saiz saya tak macam bola tapi saya tak faham mengapa saya di jadikan bola ditendang sini sana. Jadi saya memandangkan pasar sekarang adalah borong untuk bomba dan gerai-gerai yang melimpah ke jalan-jalan utama dan mendatangkan situasi yang berbahaya kepada pelanggan yang berbelanja di pasar tersebut. Saya rasa pihak EXCO hendaklah ambil tindakan dengan segera sebelum ada kes-kes kemalangan yang berlaku.

Jadi Tuan Speaker, sini saya juga ingin menyentuh sedikit isu kitar semula. Isu-isu persekitaran selalu dibincangkan walaupun ada ramai ingin menyokong konsep kitar semula ataupun mengelakkan penggunaan plastik tetapi sering kali mereka tidak ada pilihan. Jika ada kosnya pun terlalu tinggi. *Polyform* adalah diperbuat bahan kimia yang diperbuat daripada racun. Cawan, pinggan atau perkakas dari *polyform* boleh didapati di semua gerai atau kedai makanan. *Polyform* bukan sahaja beracun tetapi ia tidak boleh diuraikan atau dalam Bahasa

Inggeris dengan izin *Biocredable*. Kebelakangan ini saya telah dirujuk kepada beberapa bahan gantian iaitu cawan, pinggan, mangkuk yang diperbuat daripada tebu kayu tanpa bahan-bahan kimia. Dalam Bahasa Inggeris, *Sodaz* dengan izin dan perkakas makanan yang diperbuat daripada serat kelapa sawit ataupun daun kelapa sawit. Saya sini ada satu contoh. Ini yang dibuat dari kulit kelapa daun sawit. Saya rasa ini lagi mesra dengan alam sekitar kalau kita boleh pakai material-material seperti berikut dalam semua kantin-kantin atau kafe-kafe di Malaysia. Walau bagaimanapun kosnya adalah lebih tinggi berbanding dengan perkakas yang diperbuat daripada *polyform*. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan membuat satu pelaburan dalam sektor ini melalui syarikat-syarikat kerajaan supaya rakyat boleh membeli perkakas makanan yang mesra dengan yang mesra alam dengan harganya yang rendah. Demi menjaga alam sekitar, Kerajaan haruslah mengharamkan kafe-kafe di setiap institusi kerajaan contohnya SUK atau PBT-PBT menggunakan perkakasan *polyform* untuk membungkus makanan dan minuman.

Tuan Speaker,

Dalam dua tahun ini saya pernah menyewa dan menduduki di hotel-hotel yang diurus oleh Syarikat PKNS. Saya didapati ada sebahagiannya tidak memuaskan. Kalau mengikut bintang-bintang yang didapati oleh hotel tersebut salah satu hotel yang berlokasi di Shah Alam ia dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing. Walaupun saya boleh bercakap dalam 4 bahasa tetapi saya langsung tidak boleh berkomunikasi pekerja-pekerja di sana. Jadi kalau kita tengok dengan mata atau kita duduk satu malam sahaja saya kurang pasti adakah hotel ini boleh mencapai 3 bintang atau tidak. Tuan Speaker, Negeri Selangor sudah dipenuhi dengan pekerja-pekerja asing dan ia bukan sahaja satu situasi yang sihat kerana kita tergantung banyak kepada pekerja asing. Saya faham pekerja asing boleh mengurangkan kos dan mereka tidak akan merunding gaji dengan tauke-tauke di hotel tetapi kalau negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas harga pasaran tergantung pada permintaan bekalan, apabila permintaan pekerja tempatan tinggi tetapi bekalan pekerja tidak cukup majikan akan menaikkan gaji untuk mendapatkan pekerja tetapi sekarang kalau ada bekalan pekerja tempatan tidak cukup majikan akan gantikan pekerja tempatan dengan pekerja asing disebabkan gaji mereka memang..memang rendah dan mereka juga tidak akan menimbulkan hak asasi manusia seperti apa yang kita selalu sebutkan. Jadi sebagai kerajaan saya rasa kita tidak boleh minta para peniaga kurangkan pekerja asing tetapi kita boleh menjadi satu teladan supaya menghadkan semua syarikat-syarikat bawah Negeri Selangor untuk mengurangkan pekerja asing. Ini salah satu langkah pertama yang kita hendak buat untuk menunjukkan kepada para peniaga iaitu kita boleh gunakan orang tempatan untuk menjalankan kerja dan tidak perlu bergantung pada pekerja asing.

Akhir sekali saya nak sentuh sedikit mengenai itu kabel pencawang elektrik yang akan dibina melalui kawasan Teratai sampai ke Cheras Mahkota. Sampai sekarang walaupun surat sudah dipohon untuk meminta satu taklimat ataupun penjelasan dengan izinnya iaitu maksud itu kabel pencawang elektrik itu ialah *high tension cable* dengan izin, ini Rawang sudah habis sekarang datang ke Teratai. Jadi ini isu saya rasa tidak habis-habis kalau kita tidak selesai dengan menyeluruh. Jadi saya juga pernah membuat surat untuk meminta satu taklimat kepada penduduk tetapi sampai sekarang tiada jawapan langsung dari TNB. Saya buat panggilan mereka kata oh kita memang sibuk tak ada masa. Jadi saya rasa kalau mereka tak ada masa macam mana kita ADUN ada masa, saya jadi ini tidak adil untuk penduduk yang ada di sekitaran. Mereka tidak tahu apa yang akan berlaku di sekeliling mereka. Saya rasa ini adalah hak rakyat untuk memahami apa yang berlaku, apa pembangunan yang berlaku di kawasan persekitaran. Jadi permintaan ini sikit sahaja jadi saya berharap pihak EXCO boleh tolong mendesakkan supaya TNB boleh mengadakan sesi taklimat dengan secepat mungkin. Sebab

kalau mengikut laporan dari surat khabar ini *cable branch* pencawang elektrik akan dibina dalam tahun 2010 sudah akhir tahun 2009. Inilah sikit permintaan dari Teratai. Jadi dengan ini saya ingin menyokong bajet Negeri Selangor 2010. Terima kasih.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Terima kasih Tuan Speaker untuk memberi saya peluang kali pertama berucap di dalam Dewan ini setelah keluar dari tahanan ISA. Tuan Speaker, saya menyokong penuh bajet 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tuan Speaker, saya juga menyokong penuh hujah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Antarabangsa. Terima kasih beliau hanya seorang yang telah berhujah mengatakan *welcome back* ke dalam Dewan ini. Tuan Speaker, saya ingin berhujah mengenai bajet 2010. Tuan Speaker Bajet 2010 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar amat mengecewakan, menyakitkan saya. Sebab tidak ada satu ringgit atau tidak ada perkataan Kaum India disebut di dalam bajet 2010. Tsunami 8 Mac 2008 bahawa Pakatan Rakyat berkuasa adalah disebabkan oleh Kaum India. Salah satu faktor yang menyebabkan Negeri Selangor dijajah oleh Pakatan Rakyat sekarang. Pakatan Rakyat akan terus berkuasa, tetapi bajet yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar tidak memberi sebarang penghargaan atau pun tidak memberi sebarang keutamaan kepada Kaum India di Negeri Selangor yang merupakan 18% penduduk di Negeri Selangor. Perjuangan saya, saya telah menggadaikan nyawa saya, berjuang sehingga di tangkap, ditahan dan dipenjarakan di bawah satu akta yang paling kejam Akta Keselamatan Dalam Negeri. ISA satu akta yang sungguh kejam. Akta oleh UMNO yang mengugut, mengancam yang ingin menghapuskan Kaum India di Negeri Selangor. Bukan sahaja di Negeri Selangor di seluruh Malaysia, mereka tidak memberi tumpuan kepada Sekolah-sekolah Tamil, tidak memberi tumpuan kepada kuil-kuil India, merobohkan kuil. Membiarkan Sekolah-sekolah Tamil begitu sahaja. Budak-budak India ditangkap, ditembak dan dibunuh begitu sahaja oleh anggota-anggota Polis. Kami berlima berjuang sehingga mendapat sokongan daripada rakyat Kaum India. Hampir-hampir 100,000 orang-orang India telah berkumpul di Bandar Raya Kuala Lumpur menentang UMNO. Berjaya menentang UMNO dan terus akan menentang UMNO. Kaum India akan terus menentang tetapi Negeri Selangor tidak memberi sebarang penghargaan, tidak memberi sebarang nilai, tidak memberi satu ringgit pun di dalam bajet kepada Kaum India.

Saya cadangkan agar kerajaan Negeri Selangor menubuhkan suatu Jabatan Hal Ehwal Orang India dengan seberapa cepat yang boleh supaya kita tidak akan hilang sokongan Kaum India yang ada di Negeri Selangor. Saya juga cadangkan agar Kerajaan Negeri Selangor memberi 6 ekar tanah kepada semua sekolah-sekolah Tamil yang tidak mempunyai tanah, saya bukan daripada sekolah Tamil tapi saya tahu betapa susahnya mereka sehingga ke hari ini. Saya juga cadangkan agar tanah diberi semua kuil-kuil Hindu, semua kuil-kuil di Negeri Selangor sebab perkara-perkara ini boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Tanah perkuburan tidak ada. Tanah perkuburan yang digazet bagi Kaum India tidak ada, yang ada adalah semuanya yang tidak dijaga dengan betul. Saya cadangkan Kaum India diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebab di dalam bajet ini, memang dalam bajet 2009 saya tidak ada di sini untuk berhujah tetapi dalam bajet 2010 saya telah mendengar secara mendalam, saya telah meneliti tidak ada satu ringgit atau pun perkataan Kaum India disebut dalam bajet ini. Yang lebih mengecewakan Tuan Speaker, saya telah keluar dari tahanan ISA pada 9 Mei 2009 sudah hampir-hampir 6 bulan lebih saya telah keluar, saya telah berjuang untuk Kaum India, saya tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kaum India. Saya tahu cara-cara untuk menangani Kaum India tetapi sehingga ke hari ini tidak ada seorang pun pemimpin daripada

Pakatan Rakyat termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjumpa dengan saya, untuk menanya saya apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang India. Sehingga ke hari ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak memanggil saya untuk menanya apakah perjuangan saya, bagaimana saya boleh mengumpul 100,000 orang lebih, di mana Ahli Yang Pandamaran bernasib baik berucap di situ pada 25 November 2007.

Saya tidak faham mengapa orang-orang India di Negeri Selangor masih terus di pinggir. Saya tidak mahu Barisan Nasional berkuasa kembali. Saya mahu Pakatan Rakyat terus berkuasa. Sebab hanya Pakatan Rakyat sahaja yang boleh membantu Kaum India. Tetapi mengapa perkara-perkara yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat amat mengecewakan, menyakitkan, amat menyakitkan saya. Saya tidak mengharapkan jamuan besar untuk *welcome* saya. Perkataan-perkataan seperti yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Antarabangsa amat menggembarakan saya tetapi mengapa pemimpin-pemimpin lain tidak mahu berjumpa dengan saya. Mengapa sehingga ke hari ini mereka tidak menanya saya apakah sebab atau apakah *secret behind* sokongan orang India ke atas Hindraf. Bukan Anchor draf Sekinchan. Hindraf. Hindraf telah membawa sokongan kaum India, membawa menyebabkan orang-orang India berkumpul, mara menentang UMNO, berjaya menentang UMNO tetapi penghargaan yang sewajarnya tidak diberi. Satu penghargaan harus patut yang telah diberikan ialah Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya telah memberikan 2 EXCO kepada Kaum India, tetapi apa yang diberi ialah hanya satu. Saya tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Melawati tidak diberi, beliau seorang Jurutera. Kalau doktor gigi daripada UMNO boleh jadi Menteri Besar mengapa doktor gigi daripada Pakatan Rakyat tidak diberi suatu portfolio yang lebih tinggi daripada biasa diberi. Portfolio yang diberi di negeri-negeri Pakatan Rakyat adalah portfolio yang sama menjaga ladang, kesihatan satu portfolio yang teruk diberi kepada ADUN-ADUN Pakatan Rakyat. Sama seperti yang dilakukan oleh Barisan Nasional. So saya harap Pakatan Rakyat memberi EXCO tambahan kepada Kaum India, kami bertiga, saya tak mahu EXCO, tapi kami berprofesional, saya seorang peguam, Bukit Melawati seorang jurutera, kita seorang ada doktor mengapa Kaum India terus dipinggirkan. Itulah soalan saya. Berlaku, masih berlaku perobohan kuil-kuil di Negeri Selangor sehingga ke hari ini banyak kuil-kuil diancam akan di roboh. Di roboh secara tersembunyi dan diancam akan di roboh tidak lama lagi. Mengapakah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak mengeluarkan satu *circular* untuk memberi kakitangan di Pejabat Daerah dan di Majlis Perbandaran atau Majlis Bandar Raya untuk menghentikan perobohan sehingga suatu tanah diberi kepada kuil-kuil di Negeri Selangor. Satu *circular* dikeluarkan setelah Teoh Beng Hock dibunuh. Itu satu yang baik tetapi tiada *circular* dikeluarkan oleh Dato' Menteri Besar atas perobohan kuil sehingga kepala lembu dibawa di Negeri Selangor. Saya juga tidak setuju dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar apabila beliau mengatakan UMNO tidak terlibat. Saya tahu UMNO adalah terlibat di dalam kes kepala lembu. Saya cukup kesal dan kecewa dengan pernyataan Dato' Menteri Besar apabila beliau menyatakan UMNO tidak terlibat. Kes masih ada lagi di dalam Mahkamah *sub-judice* bagaimana beliau boleh *clear* seorang yang benar-benar bersalah. Kita tahu UMNO adalah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kes-kes yang melibatkan kaum India. Cuba lihat kebangkitan Hindraf, kemaraan Hindraf telah menghapuskan ADUN daripada MIC. Hilang tidak ada satu kepala pun di dalam Dewan ini. Bukankah Pakatan Rakyat harus berterima kasih, ramai telah hilang. Bukankah Pakatan Rakyat patut berterima kasih kepada kaum India dengan memberi sedikit kepada mereka. Ghandi disebut di dalam Belanjawan. Nama Ghandi disebut saya tidak faham mengapa YAB Menteri Besar lupa atas kaum India di negeri ini walaupun beliau dapat ingat Ghandi. Saya setuju apabila beliau memberi keutamaan kepada orang-orang Asli di negeri ini. Memberi keutamaan orang-orang Asli di Negeri Selangor. Saya tahu tetapi tidakkah YAB Dato' Menteri Besar tahu kaum India lebih susah. Lebih miskin, lebih

teraniaya daripada kaum Orang Asli. Kita lebih teruk daripada mereka. Kita lebih susah daripada mereka.

TUAN SPEAKER: Ya Kota Alam Shah, Kajang minta penjelasan.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Saya harap saya tidak akan diganggu Tuan Speaker, sebab saya tidak berucap hampir-hampir satu tahun lebih.

TUAN SPEAKER: Tak apa Kota Alam Shah, takkan India hilang di dunia.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Apa yang saya harapkan Tuan Speaker, hanya satu sahaja yang saya gembira kita mempunyai Tuan Speaker nombor *one in* Malaysia. Tuan Speaker adalah "*The best we got*" saya takut hampir dijadikan posmen oleh PKR Belia tapi "*The best*" PKR Selangor Pakatan Rakyat di Negeri Selangor mempunyai adalah satu Speaker yang baik.

TUAN SPEAKER: Tapi masa berucap masih 20 minit ya..

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Tetapi Tuan Speaker, Saya tidak tahu samada EXCO dan YAB Menteri Besar mempunyai suatu "*Think Tank Group*" itu amat penting sebab "*Think Thank Group*" dalam Hindraf telah berjaya. Telah berjaya mengumpul kaum India berarak bersama menentang UMNO sehingga berjaya menumpaskan Presiden UMNO dalam pilihan raya. Saya percaya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri disebabkan kekalahan beliau di dalam pilihan raya disebabkan oleh kaum India. Tetapi Negeri Selangor masih tidak memberi keutamaan kepada kaum India. Jika YAB Menteri Besar mempunyai suatu "*Think Tank Group*" saya harap "*Think Tank Group*" itu benar-benar bekerja keras menumpukan bagaimana kita tidak akan hilang sokongan kaum India di Negeri Selangor supaya kita tidak akan hilang kuasa pada pilihan raya yang akan datang. Bagan Pinang adalah satu contoh di mana kaum India telah memberi satu tamparan hebat kepada calon PAS. So kita tidak mahu perkara itu berlaku di negeri Selangor. Saya mahu, saya cadangkan agar tumpuan yang lebih baik diberi kepada kaum India.

Batu Caves, saya bukan berucap mengenai Ahli yang Berhormat daripada Batu Caves. Kuil di Batu Caves adalah satu lagi masalah yang dihadapi oleh kaum India. Mengapakah sehingga ke hari ini Kerajaan Negeri Selangor tidak mengatasi masalah yang dihadapi di Batu Caves. Batu Caves masih dijajah oleh satu kumpulan yang dikuasai oleh MIC. Mengapakah Kerajaan Negeri Selangor tidak mengambil berat tentang satu tempat pelancongan yang utama yang dikuasai oleh MIC. Ada banyak lagi perkara Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Dua minit

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Yang ingin saya, tetapi yang paling penting untuk mengatasi masalah kaum India ialah jika saya menyeru kepada YAB Dato' Menteri Besar untuk berjumpa dengan saya, untuk menanya saya bagaimanakah kita boleh terus mendapat sokongan kaum India. Kita tahu selepas Hindraf, Makkal Sakti ditubuhkan. Saya tahu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di sini telah menggunakan Makkal Sakti. Perkataan Makkal Sakti untuk mendapat sokongan rakyat kaum India. Tetapi apa telah berlaku, kita tidak boleh mengeluarkan kata-kata Makkal Sakti sebab perkataan Makkal Sakti itu telah dirampas oleh UMNO. Saya tahu...

TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Antara Bangsa minta penjelasan.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Bukit Antarabangsa, boleh.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih sahabat saya dari Kota Alam Shah. YB Tuan Speaker, saya nak menyelami perasaan Kota Alam Shah, bagaimana beliau telah berkorban mempertahankan keadilan dan kebenaran dalam negara ini bukan sahaja dirinya tetapi isteri dan keluarganya juga merasai bagaimana maksud dan perjuangan itu. Dan juga saya bersetuju dengan Kota Alam Shah bahawa hasil daripada perjuangan seperti beliau dan juga pimpinan yang lain, telah mencetuskan kesedaran masyarakat India yang telah lebih 50 tahun di tindas dan dipinggirkan oleh UMNO dan Barisan Nasional maka timbullah suara-suara seperti Makkal Sakti, Suara Keramat, Suara Rakyat yang hari ini disebut oleh Kota Alam Shah telah dicuri, dirompak oleh Barisan Nasional. Namun saya juga bertanggungjawab berkongsi sedikit maklumat dengan Kota Alam Shah kerana dalam semangat dan muafakat Pakatan Rakyat saya sebagai orang Melayu, saya tidak mahu sahaja menjuarai isu orang Melayu. Saya juga prihatin kepada masalah India dan Cina. Saya mahu Sekinchan bukan sahaja bicara soal Cina, saya juga mahu Sekinchan bicarakan soal Melayu dan India. Dan begitulah harapan kita dalam Pakatan Rakyat kerana kita tidak mahu kita menjuarai isu rakyat Malaysia. Dalam konteks ucapan Perdana Menteri pula, Menteri Besar Insya-Allah bakal Perdana Menteri walaupun Dato' Menteri Besar tidak memperincikan program-program khusus tetapi saya dapat melihat dalam Buku Anggaran Perbelanjaan 2010 Selangor yang agak jelas walaupun saya setuju beberapa perkara belum lagi diberikan perhatian tetapi sebahagian tetapi sebagai contoh, bantuan untuk Sekolah Kebangsaan Tamil dikekalkan Tahun 2009, dikekalkan RM 4 juta. Pada tahun 2010 Menteri Besar telah bersetuju dikekalkan RM 4 juta lagi untuk Sekolah Tamil. Untuk bantuan sekolah untuk anak-anak ladang yang majoritinya adalah keluarga dari masyarakat India. Dalam program prihatin Kerajaan Pakatan Rakyat, Menteri Besar telah memperuntukkan RM 2 juta untuk anak-anak kita di ladang. Bagi anak-anak India yang tidak dapat melanjutkan persekolahan mungkin mereka tercicir kerana kemudahan mereka tidak sebaik sekolah-sekolah di bandar, kerajaan negeri Pakatan Rakyat akan memberikan peluang untuk mereka melanjutkan ke INSPEN supaya mereka dapat meneruskan pengajian mereka. Kerajaan Pakatan Rakyat juga telah bersetuju untuk membentuk dan menubuhkan Pusat Kebudayaan semua kaum yang melibatkan India, dan juga Cina dan Melayu dan setiap kaum diberikan peruntukan RM 10 juta. Jadi yang saya hendak berkongsi dengan sahabat saya Kota Alam Shah saya bersetuju supaya beberapa penekanan itu harus diberikan perhatian secara serius tetapi dalam peringkat awal ini dalam tempoh satu tahun setengah ini, saya kira Kerajaan Negeri telah pun berusaha sebaik mungkin untuk membantu dan mengangkat martabat keluarga kita di kalangan masyarakat India dan juga kaum-kaum yang lain yang memerlukan bantuan dan perhatian. Tetapi saya setuju supaya Kota Alam Shah diberikan perhatian dan kalau boleh dapat mengadakan perbincangan dengan pimpinan Dato' Menteri Besar dan juga EXCO supaya maklum balas ini penting bagi Kerajaan Negeri menggubal dasar-dasar di masa akan datang. Ini sekadar berkongsi dengan Kota Alam Shah supaya kita dapat penjelasan yang lebih terperinci. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Baik, Kota Alam Shah, satu minit lagi.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Saya faham atas hujah Bukit Antara bangsa, Tetapi perkara yang sama, apa yang dihujahkan oleh Pakatan Rakyat adalah sama seperti apa yang dihujahkan oleh Barisan Nasional. Satu perkara kecil kaum India di Negeri Selangor menghendakkan beberapa jalan, bukan beberapa jalan baru-baru ini mereka hendakkan satu jalan sahaja dinamakan atas orang pemimpin India, tak jadi. Di kawasan saya, ada jalan raya-jalan raya yang dinamakan atas nama burung, dinamakan atas nama ikan ada seorang bernama Dolah tetapi mengapa sudah satu setengah tahun kita berkuasa, bukankah kita boleh

menambahkan satu jalan di Negeri Selangor atas nama seorang India. Mengapa memakan begitu lama untuk menamakan seorang India bagi satu jalan kecil. Itu satu-satu kebanggaan kaum India. Mereka mahukan perkara-perkara yang kecil yang boleh dilakukan. Mereka tidak mementingkan wang ringgit yang lebih tetapi itu satu keutamaan satu perkara yang mereka inginkan selama 50 tahun yang lepas. Tetapi SO mengeluarkan kenyataan akhbar mengatakan akan dipertimbangkan. Mengapakah kawasan saya Tengku Kelana hingga ke hari ini tidak digazetkan sebagai "*Little India*" bukannya itu satu perkara yang senang boleh dibuat tetapi sehingga ke hari ini tidak dilakukan. Ada banyak perkara Tuan Speaker, saya tidak mahu berhujah panjang lebar, perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan.

TUAN SPEAKER: Masa telah sampai...

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Banyak perkara-perkara khususnya Tuan Speaker, saya ingin bangkitkan satu lagi perkara yang singkat iaitu perkara apakah keistimewaannya

TUAN SPEAKER: Saya bagi satu minit lagi. Saya tidak berganjak dari situ ya...

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Saya ingin bangkitkan satu perkara yang paling penting, iaitu apakah keistimewaan yang ada pada Negeri Selangor yang boleh "*attract*" ramai kaum India untuk mengundi kepada Pakatan Rakyat. Cuma kita ada "*Selangor Pewter*" sahaja nama Selangor Pewter. *What else do you have?* Kita tahu pendaftaran kereta membawa berhuruf "B". Apa lagi yang ada di Negeri Selangor yang boleh kita banggakan. "*What is the best food in Selangor*" *What is the best costum in Selangor*" tidak ada. So saya harap saya cadangkan agar kita mempunyai satu "*think tank group*" yang kukuh yang boleh menimbang semua perkara ini dan untuk terus berkuasa untuk terus menang dalam pilihan raya yang akan datang. Itu sahaja terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu. Kalau sebab saya perhatikan, Kuala Kubu Baharu pakai *No. One Suit* tapi *No. One Suit* kalau tak lengkap kalau tak pakai songkok tak lengkap jadi kena lengkap, kalau nak cakap, silakan. Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Speaker telah memberi peluang kepada saya membahas Pembentangan Bajet Selangor Tahun 2010 walaupun saya telah mengambil affidavit mengadap Tuan Speaker tetapi besar hati Tuan Speaker, dia masih beri peluang kepada saya untuk berucap di Dewan ni. Itu sebab yang tadi Kota Alam Shah katakan "*The best Speaker in the world*" lah bukan Malaysia. Tepuk... Saya juga ucapkan terima kasih kepada Sekinchan kerana beliau begitu prihatin kepada saya kerana saya tidak hadir di Dewan ini. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan ini Ng kalau keluarga Ng beribu-ribu tahun dahulu kita satu keluarga kemungkinan datuk dia adalah bersama dengan datuk saya. Itu sebab dia ambil perhatian saya. Saya terpaksa membuat penjelasan di perbahasan ini mengapa saya tidak di sesi ini pada hari pertama kerana saya telah pada hari pertama tu saya pergi ke Mahkamah Seksyen Tinggi Shah Alam untuk memfailkan satu affidavit atas SELCAT. Tuan Speaker, kami bukan cuma nak halang SELCAT untuk nak buat siasatan menghadap kepada Wakil Rakyat ataupun kakitangan kerajaan kalau salah menggunakan kuasa atau dalam kewangan. Tetapi yang mekanisme, mekanisme itu kita rasa tidak betul. Itu sebab kita failkan affidavit kerana dalam negara kita, kita faham, *spection of power* dengan izin pengasingan kuasa. Kita semua kes, walau pun kes mahkamah, jenayah kita memang dipecahkan kepada tiga. Kepada penyiasat-penyiasat, pendakwa dengan hakim untuk membuat tuduhan. Itu sebab kita rasa jika mekanisme itu tak betul bermakna dia menjadi satu peluang untuk salah gunakan kuasa dan juga cara mengenal untuk membuat siasatan pada

kakitangan kerajaan itu tidak kemanusiaan. Tuan-tuan dan puan-puan, kita kena faham apabila ada kes di mahkamah yang juru gambar pun tidak dibenarkan masuk dalam bilik mahkamah apabila bicara dijalankan. Hanya artis yang boleh *cast*. Bagaimana kalau kita panggil kakitangan kerajaan untuk kita membuat siasatan tapi dilevikan dengan izinlah di semua laman web. Itu adalah satu kelakuan yang buruk cuba menghina, memfitnahkan orang yang belum ditentukan dia salah tapi dia sebagai seorang yang telah melanggar kesalahan dan jenayah. Itu sebab kami masukkan affidavit tapi saya harap tuan speaker jangan kecil hati kerana kita mendapatkan, memerlukan satu cara yang lebih adil, yang tulus supaya semua rakyat Selangor boleh buat sokongan kepada kita.

Tuan Speaker, sebelum saya pergi ke bajet saya, di sini saya ingin menjawab dua tiga soalan yang pagi tadi daripada Bukit Tunku dia dikatakan ada bahawa bangunan MCA terdiri di atas jalan. Ada juga JKKK bangunan di tanah haram. Saya rasa Yang Berhormat kena belajar sejarah. Kerana kebanyakan kampung baru telah ditumbuhkan sebelum kemerdekaan. Ada yang enam puluh tahun tujuh puluh tahun. Pada masa itu memang tidak adalah tanah geran, memang tidak ada perancangan bangunan atau perancangan sesebuah kawasan. Bangunan itulah didirikan di atas tanah kerajaan. Oleh kerana itu lah bangunan yang awam tidak siapa pun yang ada inisiatif untuk memohon geran. Oleh sebab itu kebanyakan balai raya dan juga bangunan MCA terletak di atas jalan, di atas tanah haram kerana tidak ada orang mohon. Itu sebab kepada bangunan JKKK, balai raya kebanyakan kami telah serah.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tanah itu tidak haram. Bangunan itu haram. Tanah tak haram, tanah tu kerajaan yang punya. Bangunan itu haram, tanah haram, tanah tak haram tanah kerajaan punya. Tak bangunannya haram kena konsep itu kena betulkan. Tanah Kerajaan tak boleh tanah haram, bangunan itu haram

YB TUAN WONG KOON MUN: Bangunan haramlah. Ok. Ok. Minta maaf. Terima kasih lah memang saya banyak kena belajar dengan tuan speaker. Kerana baru-baru ini saya diisytiharkan sebagai seorang wakil rakyat dalam percubaan. Belum layak, belum lulus so saya, saya

TUAN SPEAKER: Lain kali sebelum pergi mahkamah tapislah.

YB TUAN WONG KOON MUN: Saya memang terima pengajaran daripada Tuan Speaker, terima kasih. Saya harap kerana saya menjadi pembangkang hanya setahun sepuluh bulan sahaja. Tetapi Tuan Speaker sudah tiga penggal, dia sudah lebih berpengalaman. Kalau saya ada peluang untuk menjadi pembangkang tiga penggal lagi hebat saya, saya yakin. Saya lagi hebat tetapi ini hanya dua tahun, bagi peluang sikit.

TUAN SPEAKER: Teruskan, itu tak biasa, teruskan. Daripada dua penggal ke tiga penggal.

YB TUAN WONG KOON MUN: Ini dalam permulaan pun sudah boleh *perform* ya.

TUAN SPEAKER: Ah Ok saya benarkan. Ya kalau Yang Berhormat nak jadi pembangkang tiga penggal saya luluskan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Tapi saya rasa saya tak adapeluang lah, saya tak ada peluang. Saya tak ada peluang ha... Untuk Bukit Tunku perkara ini bukan berlaku di Hulu Selangor. Kalau ada satu tempat satu tanah ada satu bangunan juga haram saya boleh *recommend* ia itu Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor juga merupakan satu bangunan haram kerana diduduki satu atas tanah tidak ada geran juga. Banyak lagi bangunan termasuk kalau

nak sebut termasuk tokong, kuil, sekolah banyak lagi. Itu sebab janganlah hanya ambil tumpu perhatian terhadap bangunan yang berpolitik. Itu sebab rakyat marah apabila bangunan balai raya diserahkan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Minta penjelasan sedikit.

YB TUAN WONG KOON MUN: Nanti dulu saya orang baru ini kalau kacau lagi tak boleh cakap. Ok ya sekejap saya akan bagi peluang sekejap. Kebanyakan balai raya kita juga serah kepada kerajaan Pakatan Rakyat. Tetapi tidak, tidak dijaga dengan baik sudah semak dikunci tidak digunakan oleh orang awam atau digunakan oleh orang kampung. Ha itu satu masalah. *You think* baik untuk Pakatan Rakyat saya bangkit untuk hari ini. Kalau saya tak bangkit rakyat sudah marah lagi. Tuan-tuan dan puan-puan, tadi saya amat setuju daripada Teratai daripada Rawang dikatakan bahawa projek-projek daripada pusat, peruntukan dari pusat tidak dialirkan kepada *state* di negeri. Sama juga kami sebagai wakil rakyat daripada pembangkang juga tidak diberikan peruntukan, tidak diberikan peruntukan. Tapi keluarga saya, saudara saya ahli MCA, ahli UMNO, ahli Pakatan Rakyat ini Gerakan semua ada bayar pintu cukai. Mengapa tidak dibagikan kita wakil rakyat Barisan Nasional supaya kita juga menjalankan kerja-kerja untuk membaiki longkang dengan jalan. Itu juga tidak adil. Apa kita nak saya minta kalau boleh cerminkan diri dulu. Kalau nak tuduh Kerajaan Pusat mengapa pendapatannya itu tidak dibagi kepada negeri. Sama juga mengapa wakil rakyat pembangkang di negeri ini tidak diberikan peruntukan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Minta laluan.

TUAN SPEAKER: Ok silakan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Kuala Kubu. Saya nak bertanya tentang Kuala Kubu adakah beliau perasan bahawa di peringkat Parlimen Ahli Parlimen pun dari pembangkang tidak diberikan peruntukan tersebut. Kita hanya itu apa yang telah dilakukan dahulu pada masa zaman Barisan Nasional memerintah.

YB TUAN WONG KOON MUN: Ok. Terima kasih. Itulah seimbang. Itulah seimbang. Tadi kata itu sebab saya bangkit supaya dapat seimbang. Kalau Ahli Parlimen pembangkang tidak diberikan peruntukan mengapa nak tuduh lagi kalau parlimen di Kerajaan Pusat tidak diberikan peruntukan kepada negeri. Itu memang politik. Sekarang kita orang politikkan. Tuan Speaker,

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker minta laluan, minta laluan

YB TUAN WONG KOON MUN: Ok. Ok.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kuala Kubu kerana bagi laluan. Saya setuju dengan Kuala Kubu di mana kita keluarga Ng ini sepuluh ribu, dua puluh ribu tahun kita bersaudara satu keluarga. Itu saya setuju. Saya cuma minta komen dan penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Kubu tentang status kampung baru ini ada tanah-tanah dulu tidak ada geran dan kemudian MCA telah buat bilik gerakan cawangan dan sebagainya di situ dan barulah dia orang dapat geran. Itu saya setuju. Tetapi apa pandangan yang Berhormat tentang kes yang baru-baru ini dihebohkan di Sekinchan. MCA cawangan Taman Sekinchan mendirikan bangunan belum siap, tengah buat ini, belum siap ini baru buat dalam setahun dua baru buat menghalang anak-anak tadika daripada menggunakan jalan tersebut. Tutup bangunan tersebut di jalan atas rizab kerajaan. Ha ini sudah memang kita tahu dia tak ada

geran di situ, sengaja MCA buat di situ. Apa pandangan dan komen daripada Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

YB TUAN WONG KOON MUN: Ok. Terima kasih Sekinchan. Saya bukan wakil rakyat Sekinchan. Saya tidak berapa tahu apa berlaku. Kalau nak bincang bolehlah satu hari kita boleh jumpa, kita bincang bagaimana cara untuk menyelesaikan. Saya rasa sekarang ini Kerajaan Pakatan Rakyat. PBT di bawah kawalan Pakatan Rakyat. Kalau bangunan itu tidak sesuai ambillah tindakan. Kalau tak sesuai. Tetapi kalau bangunan itu telah didirikan lama sebelum Pakatan Rakyat mengambil alih, ha itu kena timbanglah. Sepertimana yang saya katakan tadi, kalau bangunan sudah enam puluh tahun baru di tanah tersebut, barulah sekarang nak ambil tindakan. Kalau yakin boleh. Boleh ambil sekarang. Kerana yang marah rakyat. Bukan saya, saya tak akan marah.

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker minta laluan.

TUAN SPEAKER: Ya bagaimana Kuala Kubu. Ya.

YB PUAN LEE YING HA: Ya jadi kalau katakan Yang Berhormat Ong Tee Keat selaku Presiden MCA mendirikan pejabat beliau di atas tanah kerajaan tanpa permit, tanpa TOL tanpa geran itu adalah setinggan. MCA presiden dirikan pejabat dia di atas setinggan. Jadi adakah ini kena dirobohkan ya.

YB TUAN WONG KOON MUN: Itu soal, itu jawapan yang sama. Kalau dia didirikan semasa Pakatan Rakyat di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat, mengapa tidak ambil tindakan. Tetapi kalau bangunan itu telah didirikan telah lama mengapa hendak ambil tindakan, itu soalan dia ha... Kalau tak setuju, kalau nak robohkan bangunan MCA boleh, kita kena adil. Saya tahu semua ada kebanyakan rumah kediaman pun setinggan juga. Ha,, betul tak. Banyak setinggan juga. Tuan Speaker, saya ingat nanti tak ada masa nak bahas bajet ini. Tuan Speaker pada 9 hari bulan November 2009 ini di Dewan yang mulia ini, satu pembentangan bajet bagi Negeri Selangor untuk tahun 2010 adalah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya berpendapat pembentangan bajet tersebut hanyalah satu kosmetik. Kosmetik, setuju, tak setuju itu pulang Tuan Yang Berhormat. Dengan izin saya nak gunakan sajak daripada negeri Cina ini. Chun Chiang Swee bermakna kalau suhu air itu berapa, suhu air itu itik akan tahu dulu. Mengapa itik tahu, itik sebagai rakyat. Kerana kalau saya tengok kalau bajet kosmetik lebih *on paper* dengan izin tetapi apa perasaan rakyat. Ha rakyat ini itiklah, dia selalu bermain dekat air itu dia boleh rasa. Sama air itu panas, air itu sejuk rakyat lebih rasa. Kalau tengok bajet kosmetik itu rakyat boleh rasa. Sama ada betul-betul tak Negeri Selangor ini telah meningkat dalam ekonomi. Seperti mana bajet yang dulu bajet perangsang ekonomi Negeri Selangor pemulihan dan pembersihan sungai Klang. Apa sudah buat di Sungai Klang. Mungkin wakil rakyat daripada Klang itu boleh jawab. Pembangunan semula perumahan projek terbungkalai. Tapi tengok sekarang ini banyak juga rumah terbungkalai. Pembaharuan aktiviti di bandar melalui pembangunan semula kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang. Peningkatan hasil tanaman padi, ha... Baru-baru adalah Sekinchan ya. Meluaskan sistem pengangkutan dan penstrukturan semula industri air Negeri Selangor. kalau ikut lima puluh bilion ini, kalau dapat betul-betul di belanja di Negeri Selangor ini saya raya semua itik ini akan rasa panas, bukan sejuk. Betul tak. Itu sebab saya tengok kita tak ada tengok kesan. Tak ada kesan ekonomi langsung berlaku di Negeri Selangor. Ini hanya satu bajet kosmetik disebutkan oleh saya. Bajet bagi menipu dan mengelirukan rakyat. Ia satu bajet mengelirukan rakyat di masa keadaan kemelesetan dan kelembapan ekonomi sekarang ini semua pihak mengambil pendekatan menjana pertumbuhan ekonomi, tetapi kerajaan Negeri

Selangor membentangkan satu bajet tiada defisit, tiada defisit. Dia hanyalah nampak cantik di atas kertas. Dari segi teori dan praktikal dia pudar dan malap di pertengahan jalan.

Tuan Speaker, jika diteliti pembentangan bajet pendapatan yang bakal di perolehi kerajaan Selangor tidak seimbang dengan perbelanjaan yang akan dibelanjakan. Ketika ada keyakinan, keupayaan dan keberkesanan kerajaan negeri bagi mengutip hasil negeri, kegagalan dalam merangsangkan ekonomi tidak nampak peruntukan RM 50 bilion 50 bilion yang lepas bagi merangsangkan program faedah dan kepentingan untuk rakyat Selangor. Telah hampir di penghujung tahun kedua Pakatan Rakyat memerintah rakyat Selangor terus menderita, tertipu oleh mainan politik ahli-ahli politik Pakatan Rakyat. Kepimpinan kerajaan Pakatan Rakyat tidak konsisten, bercakaran sesama sendiri kerana kuasa dan kepentingan diri politik mereka. Isu pasir. Ha.. ini satu isu yang paling, saya paling minat. Ini telah hampir dua tahun kerajaan Selangor di bawah Pakatan Rakyat menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. bagi mengendalikan pasir di negeri ini. Pada tahun yang lepas negeri di bawah pimpinan MB berkata akan telus dan terbuka dalam menjaga kepentingan hasil pasir sebanyak seratus lima puluh juta setahun akan kutip bagi hasil kerajaan negeri dan ianya akan di belanja untuk faedah rakyat. Rupa-rupa rakyat ini tertipulah. Dikatakan hasil sekarang diperolehi sehingga hari ini hanya dua puluh dua juta. Saya tidak boleh salahkan kepada Kota Anggerik, saya tahu apa masalah Kota Anggerik yang sedang menghadapi. Kerana kecurian pasir, kecurian pasir begitu hebat khasnya yang berlaku di daerah Hulu Selangor. Kalau kita ikut hitung kira yang *simple coveration* dengan izin, kalau setiap daerah di bahagian lima puluh ekar, dan satu ekar adalah 4,048 meter persegi dan kali sembilan meter dalam cukuplah, jangan dalam sangat dan kali sembilan daerah dan dua metrik tan untuk satu meter padu dan kali enam ringgit dan hasil kita boleh mencapai seratus sembilan puluh enam juta. Tetapi hanya pada hari ini dua puluh dua juta, mana yang baki. Mana yang baki itu. Itu sebab saya, kita banyak risaulah kerana sepertimana yang dijanjikan seratus lima puluh juta hari ini dua puluh dua juta. Itu sebab tadi saya kata mengapa bajet ini sebagai satu bajet kosmetik. Rakyat tidak akan percaya kerana itu adalah satu janji telah dibuat dahulu tetapi tidak dicapai kecurian pasir tuan-tuan dan puan-puan boleh tengok ha.. ini satu *statement* daripada EXCO.

Daerah Hulu Selangor adalah antara kawasan yang paling kerap berlaku kes kecurian pasir menyebabkan kerajaan mengalami kerugian berjuta-juta ringgit. EXCO Pemodenan Pertanian Pengerusi Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Tuan Yaakob Sapari berkata ini kerana kumpulan curi pasir mendapati lebih cekap memantau pengawasan pihak berkuasa. Itu sebab saya kata saya tidak menyalahkan EXCO tetapi kita kena cari punca siapa yang lebih berkuasa siapa yang belakang sindiket curi pasir, kalau EXCO berkenaan tidak kenal boleh tanya saya ataupun tanya Sekinchan siapa yang belakangnya. Betul ke Sekinchan, ha..saya harap penguatkuasaan atau langkah yang tertentu kena ambil kerana ini adalah hasil rakyat Selangor, hasil rakat semua pada hari ini.

Tuan Speaker, Pembangunan Orang Asli dalam bajet 2009 sejumlah peruntukan telah disediakan untuk pembangunan orang asli dan penempatan mereka, orang asli di Selangor ini masih ada yang ketinggalan baik dari ekonomi, pendapatan mereka kemudahan infrastruktur dan cara pertanian mereka. Orang Asli juga sebahagian rakyat di negeri kita, sepatutnya kerajaan negeri harus memberi layanan yang sama kepada mereka, mereka seolah-olah dipinggirkan di anak tiri kan atau kata sebahagian daripada mereka diabaikan, masih terdapat penempatan orang asli tiada kemudahan keselesaan jalan, contohnya jalan di kebun pertanian, bagi membawa keluar hasil di mana sebahagian daripada mereka bergantung pada hasil pertanian tradisi mereka.

Baru-baru ini saya telah meluluskan satu peruntukan untuk membina jalan kepada orang asli, tetapi saya menghadapi banyak masalah bantahan daripada orang yang menyebut sebagai *green peas* yang mana apa salah kalau kita menaik taraf hidup orang asli kerana mereka juga rakyat dari negeri kita tetapi mendapat bantahan daripada orang yang dikatakan *green peas* O.k. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan ini masih panjang lagi dan perlu ditamatkan pada hari ini juga, maka saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk membawa usul.

YB TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dan 26 (4) dalam peraturan tetap dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga jam 6.00 petang.

YB PUAN HJH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Subang Jaya....

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Terima kasih, Tuan Speaker, Subang Jaya turut mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2010. Untuk bajet perbandaran Subang Jaya mahu melihat lebih peruntukan diberi untuk tujuan ini terutamanya bagi Kerajaan Tempatan. RM 3 juta untuk dibahagikan kepada 12 Pihak berkuasa Tempatan memangnya tidak mencukupi, sering kali apabila saya bagi pihak penduduk meminta peruntukan untuk menambah baik kemudahan awam di padang dan jalan-jalan terutamanya di kawasan USJ 1 Sungai Penaga, saya diberitahu oleh PBT 3 perkataan yang saya paling tidak suka dengan, ‘tak ada bajet’.

Kebanyakan permintaan oleh pemilik kilang di mesyuarat IPMC (*Industrials Apartmen Management Committee*) kebanyakan melibatkan kenaikan infrastruktur permintaan ini penting kerana melibatkan pelaburan sebarang kerosakan infrastruktur boleh mengakibatkan hasil pengeluaran kerja mereka tergendala dan ini mempunyai kesan negatif ke atas ekonomi negeri, tahniah juga saya ucapkan kepada MPSJ kerana aktif dalam mengelolakan IPMC dan juga tahniah kerana telah menerangi taman-taman awam di DUN Subang Jaya. Kemudahan awam seperti lampu nyala di Taman dan Padang serta lampu-lampu jalan boleh mempertingkatkan keselamatan di kawasan perumahan. Saya berharap lebih bajet boleh diperuntukkan khas untuk tujuan ini.

Saya juga ingin meminta peruntukan untuk jejantas terutamanya di lokasi yang merbahaya, khususnya bagi pejalan kaki dan para pelajar, 2 contoh adalah di Persiaran Tujuan USJ 2 ke USJ 3, USJ 11 ke USJ 13 dan di persiaran Subang Mewah di hadapan Sekolah Chew Van, saya sudah meminta beberapa kali tetapi diberitahu sekali lagi 3 perkataan yang saya tak suka dengar, ‘tak ada bajet’. Aspek keselamatan mesti diutamakan saya berharap halangan tak ada bajet ini boleh diatasi dengan segera.

Dato’ Menteri Besar juga telah menyarankan kepada semua PBT supaya meningkatkan lagi kebersihan dengan mengamalkan konsep selamat dan bersih, beberapa operasi telah

dijalankan untuk aspek kesihatan bagi membasmi lipas dan tikus, terutamanya di kawasan SS 15, sekali lagi untuk membanteras isu kacau ganggu ini dengan sempurna PBT memerlukan bajet yang besar, saya telah membuat satu lawatan bersama ahli majlis semasa operasi can beratus-ratus lipas terbang merata-rata ada yang berkeliaran di atas kepala, badan dan kaki semasa operasi dan tikus sebesar kucing berkeliaran di lorong belakang restoran. Saya bimbang isu ini jika tidak diselesaikan akan mendatangkan wabak penyakit yang baru, begitu juga dengan kes denggi dan burung gagak, saya mencadangkan kajian dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk melihat cara moden yang berkesan untuk mengatasi masalah ini. Saya percaya merata-rata kawasan DUN mempunyai masalah yang sama,

Saya juga meminta satu peruntukan khas bagi satu kajian impak trafik yang menyeluruh kawasan bandar Sunway yang melibatkan 2 PBT, MBPJ dan MPSJ. Kawasan di situ melibatkan sempadan kawasan 2 PBT dan pemaju yang berlainan, kampus Taylors College yang baru telah hampir disiapkan dan trafik sememangnya akan bertambah dan ini akan memberi kesan juga kepada penduduk di Puchong dan Petaling Jaya yang akan berkongsi lebuhraya LDP bersama. Saya diberitahu bahawa anggaran kajian trafik memerlukan lebih kurang RM 700 ribu dan pemaju-pemaju yang telah menyiapkan pembangunan mereka akan cuba mengelakkan diri daripada tanggungan kos ini.

Saya menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri menubuhkan Lembaga Pengangkutan Klang Valley, [*Klang Valley Transport Council*] kawasan Klang Valley memang memerlukan kerana pembangunan pesat di satu PBT akan menjejaskan PBT-PBT yang lain, selagi isu trafik tidak diatasi selagi itulah penduduk bandar akan terus membantah sebarang rancangan pembangunan. Saya juga meminta penjelasan daripada PBT kenapa kes jambatan yang menghubungkan USJ 3 ke Batu 3 masih tidak di bawa-bawa ke mesyuarat MTES, walaupun banyak surat peringatan saya telah hantar kepada EXCO dan MPSJ, projek ini mempunyai 4 trafik yang serius dan jambatan hampir siap, jadi saya berharap MPSJ tidak lagi melengahkan kes ini.

Kes telekom, dalam ucapan bajet Dato' Menteri Besar Tan Sri telah mengatakan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor mengamalkan falsafah ekonomi, sosial, demokratik dengan mengamalkan merangsangkan ekonomi melalui pelaburan. Sistem kapitalisme ini hanya patut dilaksanakan dengan penuh keprihatinan terhadap rakyat dan pembangunan ekonomi tidak seharusnya menguntungkan pihak berkepentingan sahaja sebagaimana yang sering berlaku dahulu tetapi ia sewajarnya menguntungkan semua pihak.

Jadi di sini saya ingin bertanya kenapakah? *State Planning Committee* [SPC] tidak melaksanakan prinsip ini bagi kes tanah telekom di UJS 6. Permohonan untuk membangunkan tanah telekom yang khasnya untuk utiliti sahaja menjadi bangunan komersial memang tidak wajar dan langsung tidak mencerminkan Kerajaan Pakatan Rakyat yang penuh keprihatinan terhadap rakyat, saya langsung tidak boleh melihat bagaimana pembangunan ini boleh menguntungkan semua pihak, penduduk rugi kerana tiba-tiba di hadapan rumah sahaja bangunan komersial boleh di bangunkan.

Ahli Majlis di MPSJ setelah sedar bahawa kes ini akan memudaratkan penduduk bukan sahaja di USJ, kes ini mempunyai impak yang besar terhadap semua tanah utiliti di Selangor. Mereka telah membuat keputusan membatalkan kebenaran merancang yang telah salah diberikan, namun SPC tetap tidak mahu memperbetulkan kesalahan ini dan mahu lembaga rayuan membuat keputusan. Kita bukannya tidak tahu siapa di sebalik Telekom, khazanah Nasional Berhad merupakan pemegang syer terbesar di Telekom dan siapakah? di sebalik khazanah, tidak lain tidak bukan Perdana Menteri kita sendiri Dato' Sri Najib.

Kes telekom ini telah mencemarkan nama baik Pakatan Rakyat dan kalau terus berterusan Pakatan Rakyat akan diingati oleh penduduk USJ sebagai satu Kerajaan yang berpakat dengan pemaju untuk memajukan tanah utiliti. SPC sehingga hari ini masih tidak boleh memberi satu penerangan yang boleh diterima, setiap kali saya bertanya SPC, SPC menjawab kita serahkanlah kepada lembaga rayuan. Ke manakah? Prinsip suara rakyat, suara keramat. Saya menyeru ADUN-ADUN kawasan lain untuk memberi perhatian terhadap kes ini kerana saya telah diberitahu bahawa syarikat utiliti yang lain sedang menunggu untuk membuat permohonan yang sama menukarkan tanah utiliti menjadi tanah komersial. Geran tanah seharusnya mencatatkan dengan teliti bahawa ia bertujuan untuk tanah utiliti sahaja dan bukan amnya bangunan perniagaan.

Pembangunan Insan, saya meminta Kerajaan Negeri melibatkan golongan OKU dalam program pembangunan modal insan, saya telah diberitahu oleh ibu bapa kanak-kanak yang mempunyai ortistik bahawa terdapat kekurangan latihan dan penyediaan prasarana latihan bagi golongan ini terutamanya selepas mereka mencecah usia remaja, program tertumpu kepada golongan kanak-kanak dan mereka yang bersekolah, tetapi selepas tamat sekolah golongan ini kekurangan pilihan untuk latihan lanjut. Saya mencadangkan penubuhan tempat latihan teknikal untuk remaja ortistik saya percaya golongan ini mempunyai bakat yang boleh menyumbang kepada pembangunan negeri.

Golongan OKU, saya berharap PBT lain boleh mengikut jejak MBPJ dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan kepada golongan OKU, PBT mempunyai banyak kenderaan setiap tahun beli kenderaan baru, kenapa? Tidak boleh membeli satu van yang khusus untuk keperluan OKU di kawasan. Saya berharap EXCO PBT dan EXCO Kebajikan boleh memberi penekanan ini kepada semua PBT, supaya menyediakan sekurang-kurangnya satu van untuk golongan OKU, untuk mencerminkan keprihatinan terhadap golongan OKU saya juga ingin mencadangkan supaya satu kuota ditetapkan dalam kesemua agensi kerajaan negeri termasuk PBT dalam pemberian peluang pekerjaan kepada mereka. Jika setiap agensi memberikan lima jawatan kepada warga OKU kita akan menjadi negeri dengan paling banyak penglibatan OKU. Ramai warga OKU juga cekap dalam kemahiran komputer dan mereka boleh membantu menambah baik pentadbiran kerajaan negeri.

Baru-baru ini Menteri Wilayah Persekutuan telah menentukan garis kemiskinan yang baru bagi penduduk bandar iaitu RM3,000.00. Apakah respons Kerajaan Negeri terhadap perubahan ini, berapakah? Rakyat Selangor yang berada dalam kategori baru ini. Kebanyakan Pembantu ADUN memerlukan peningkatan gaji sebagai balasan yang setimpal dengan kerja mereka. Bagaimanakah? Kerajaan Negeri boleh memastikan tenaga pekerja Kerajaan Negeri sendiri tidak jatuh dalam kategori kemiskinan bandar, ada pepatah, *anak orang disusui, anak sendiri di rumah kekeringan*.

Apakah? Status terkini program air percuma untuk golongan miskin di kawasan perumahan yang tidak mempunyai meter air individu. Proses penukaran meter pukal kepada meter individu menghadapi halangan bil tertunggak, oleh itu saya merayu supaya Kerajaan Negeri mencari jalan penyelesaian bagi masalah ini kerana golongan miskin Selangor masih tidak boleh menikmati program air percuma dan merekalah yang betul-betul memerlukan air percuma. *Konsep Komuniti Berpagar*, baru-baru ini satu mesyuarat negeri telah diadakan untuk membincangkan dengan mendalam isu konsep komuniti berpagar (*gated and guarded community*) (dengan izin). Saya menyeru supaya Kerajaan Negeri mengambil satu pendekatan yang prihatin terhadap isu keselamatan tanpa mengkompromikan isu perundangan dan langkah-langkah segera perlu di ambil kerana saya percaya kita sudah mencapai tahap krisis

bagi konsep ini. Saya mencadangkan setiap permohonan komuniti berpagar di bawa ke mesyuarat OSC dan kebenaran diberikan oleh PBT setiap tahun ataupun dua tahun sekali. Ini kerana konsep ini haruslah untuk jangka masa pendek sahaja, contohnya 5 tahun. Selepas 5 tahun, pihak Polis Diraja Malaysia seharusnya mempunyai anggota yang mencukupi untuk kawasan bandar. Pada masa itu, PBT tidak perlu perbaharui kebenaran merancang dan komuniti berpagar akan gugur secara automatik. Ini satu cadangan penyelesaian bagi mereka yang bimbang bahawa semua tanah kerajaan akan menjadi tanah persendirian apabila dipagarkan. PBT memerlukan hala tuju segera daripada Kerajaan Negeri dan Pihak Polis. Saya khuatir, penyalahgunaan kuasa oleh *security guard* (dengan izin) yang semakin bertambah di setiap kawasan perumahan akan menjadi tidak terkawal. Saya mencadangkan kerajaan negeri mengadakan satu mesyuarat kecemasan dengan Menteri Dalam Negeri untuk membincangkan isu keselamatan ini yang membimbangkan rakyat Selangor tak mungkin Menteri Dalam Negeri tak ada masa, ada banyak masa menulis surat kepada DO. Seperti yang dibongkar oleh ADUN Hulu Kelang tadi.

Anak Syarikat Negeri

Apakah status kes penjualan Brisdale kepada GMB. Setelah dibangkitkan di dalam sidang dewan tahun lepas, kita diberitahu bahawa siasatan dan kajian akan dibuat. Saya bersama ADUN Lembah Jaya juga telah dimaklumkan oleh penduduk Taman Seri Intan, di Ampang bahawa mereka telah menjadi mangsa dalam kes antara Permodalan Negeri Selangor Berhad dan pemaju Litarzoo Sdn. Bhd. Geran tanah masih tidak diberikan kerana Pemaju masih berhutang dengan Kerajaan Negeri. Saya telah diberitahu bahawa satu "Power of Attorney" wujud untuk projek ini. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh mencari jalan penyelesaian bagi penduduk-penduduk yang terperangkap di antara pergelutan antara syarikat negeri dan pemaju. Penduduk tidak harus menjadi mangsa terutamanya dalam kes sebegini yang akan berlanjutan. Tindakan Mahkamah bukan merupakan cara penyelesaian yang baik bagi penduduk kerana ini akan mengambil masa yang lebih lama dan kos mengupah peguam yang tinggi. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan tentang Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. dan peranannya di setiap PBT serta sumbangan kewangannya kepada Kerajaan Negeri.

Rumah Ibadat Bukan Islam

Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah menetapkan di dalam garis panduan dan piawaian perancangan negeri Selangor bahawa setiap projek pembangunan di sesuatu kawasan dengan majoriti penduduk seramai 2,600 bukan Islam atau 5,000 penduduk secara keseluruhannya perlu disediakan tapak rizab simpanan keagamaan bagi tujuan pembinaan rumah ibadat. Di mana perginya tanah ibadat di kawasan USJ? Dalam zon USJ1 hingga USJ15, saya nak tahu mana tanah ibadat ini? Ke manakah perginya kesemua tanah rizab ini? Reka bentuk bangunan keagamaan Bukan Islam tidak dibenarkan mempunyai unsur-unsur penonjolan imej yang boleh menimbulkan sensitiviti kepada masyarakat persekitaran. Saya hendak mendapatkan penjelasan sama ada tanda salib berada di dalam kategori ini kerana saya diberitahu bahawa ada usaha menghalang tanda salib diletakkan di dalam gereja dan ingin saya nyatakan bahawa tanda salib tanda asas bagi penganut Kristian. Jadi tanda salib seharusnya dibenarkan diletak di extra bangunan gereja. Saya meminta penjelasan.

Penukaran Pegawai Kerajaan

Saya menyambut baik saranan Dato' Menteri Besar bahawa pegawai kerajaan yang gagal mematuhi keputusan Kerajaan Negeri mesti diganti secepat mungkin dengan pemimpin yang sanggup memenuhi keperluan rakyat sebelum memenuhi kepentingan diri. Ada pegawai

kerajaan yang bukan sahaja gagal mematuhi keputusan negeri malah ada yang sabotaj. Jika Pakatan Rakyat mahu kekal mentadbir kita harus segera membezakan musuh daripada kawan sejati. Bagaimana kita boleh terus bersatu dalam perjuangan Pakatan Rakyat jika ada pegawai kerajaan yang masih mempunyai kesetiaan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Segala alasan diberi, ini tak boleh buat, itu tak boleh buat, tak ada bajet tetapi masa pentadbiran BN dahulu pelbagai projek boleh dibuat, berjuta-juta ringgit boleh dicari. Pegawai kerajaan di Pejabat Tanah juga harus dipantau, TOL diberikan kepada Ahli Majlis Barisan Nasional yang lalu. Di Bandar Sunway tanah agama diberikan kepada pihak MCA untuk dijadikan pejabat dan tadika dan sehingga kini walau pun logo MCA masih dipaparkan ditapak tiada sebarang tindakan diambil. Saya mencadangkan jawatankuasa tanah di setiap Pejabat Tanah melibatkan ADUN kawasan supaya pemberian TOL di setiap DUN boleh dipantau dan diteliti. Dato' Menteri Besar juga berucap bahawa segala keperluan rakyat mesti dipenuhi dengan cekap dan mantap. Selaras dengan keperluan ini maka pentadbiran kewangan di PBT mesti diperkasakan dan dipantau dengan teliti. Saya telah diberitahu bahawa sesetengah pentadbiran PBT masih cuai dengan penggunaan duit rakyat. Satu contoh di PBT pada tahun ini juga, saya telah dimaklumkan bahawa proses prosedur perolehan bagi kontrak Dewan Serba guna dan padang awam tidak mematuhi peraturan perolehan yang ada di mana perolehan sepatutnya di buat menerusi sebut harga atau tender. *In proper payments* (dengan izin) lebih bayaran beribu-ribu ringgit telah berlaku. Setiap ringgit yang dikutip oleh PBT merupakan duit rakyat. Siapakah yang akan bertanggungjawab? Adakah pegawai tersebut ataupun YDP yang meluluskannya ataupun Ahli Majlis yang seharusnya memantau ataupun EXCO PBT. Tindakan harus diambil agar perkara sebegini ini tidak berlaku lagi. Pembaziran dan penyalahgunaan duit rakyat tidak boleh berlaku di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat. Saya meminta siasatan dibuat dan penambahbaikan dibuat. Rumah terbuka mesti dikurangkan. Saya telah dimaklumkan bahawa perbelanjaan keseluruhan hampir setiap rumah terbuka negeri pelbagai kaum, pelbagai perayaan adalah lebih kurang RM200,000.00. Ada yang menyatakan bahawa konsep rumah terbuka ini merupakan tradisi rakyat Malaysia. Saya tidak menafikannya bahawa kunjung mengunjung boleh merapatkan hubungan pelbagai kaum tetapi ia boleh dilakukan dengan sederhana. Ini setiap jabatan dan agensi mengadakan rumah terbuka. Bila nak buat infrastruktur tak ada bajet. Siapa nak percaya.

Seterusnya isu *Gordial Parking* yang didapati tidak mematuhi perjanjian kerana tidak menyediakan mesin bayar dan peraga secukupnya. Di DUN Subang Jaya sahaja terdapat kekurangan banyak mesin bayar. Duit keuntungan pula lambat dibayar kepada PBT. Kalau begitu banyak pelanggaran kontrak kenapa tidak ditamatkan. Di manakah *political veil* (dengan izin) untuk membetulkan kesalahan kerajaan yang lalu. Kos penyelenggaraan kenderaan PBT harus dipantau ada yang melebihi daripada separuh nilai kos beli kenderaan. Saya telah menerima satu aduan dan saya meminta satu siasatan dibuat ke atas kes Perpustakaan Bandar Puteri, Puchong. Di mana kontraktor tersebut perlu membina perpustakaan di atas tanah MPSJ dan lot-lot kedai dan MPSJ hanya diberi satu lot kedai. Perpustakaan masih tidak boleh digunakan tetapi kedai sudah diberi CF. Projek-projek *bill operate* dan *transfer* (dengan izin) harus diteliti supaya rakyat tidak rugi dan hanya pemaju, kontraktor yang mengaut keuntungan. Sila siasat kes ini. Saya juga meminta penjelasan dan maklumat sumbangan PBT kepada Puspanita, Kelab Sukan dan Koperasi PBT masing-masing. Sebarang sumbangan harus diisytiharkan kerana wang PBT ialah wang rakyat dan bukan wang pegawai.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa SELCAT yang telah menulis sejarah baru di Malaysia dengan mengadakan pendengaran awam secara terbuka dan telus. SELCAT telah menjalankan siasatan pada Anak-anak Syarikat Negeri, Pejabat Tanah dan saya rasa sudah tiba masanya SELCAT memulakan pendengaran awam untuk kes-kes yang melibatkan PBT-PBT di negeri Selangor. Pepatah Inggeris menyatakan (dengan izin) *A new*

broom swipe clean, but the old broom knows the corners. Pakatan Rakyat mesti terus menerajui reformasi pentadbiran Kerajaan Negeri dan jangan sesekali mengikut jejak Barisan Nasional yang sudah mahir dengan selok-belok mengaut keuntungan menggunakan duit rakyat untuk rumah mahlagai sendiri. Dengan ini saya menyokong bajet 2010 dan meminta pembaziran dielakkan supaya rakyat mendapat manfaat setimpal dengan pembayaran hasil. Terima kasih, Tuan Speaker.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Tuan Speaker, Kota Damansara.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Pegawai Kanan Kerajaan, hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat sejahtera. Saya menyambut baik ucapan belanjawan ataupun bajet yang telah pun dikemukakan oleh YAB. Dato' Menteri Besar yang bertemakan Negeri Maju, Rakyat Sejahtera dan menyokong penuh segala inisiatif Kerajaan Negeri khasnya di dalam menguruskan ekonomi negeri yang tidak dapat tidak, pasti akan dilanda pelbagai cabaran. Sama ada cabaran itu kesan daripada ekonomi antarabangsa, ekonomi dunia yang merudum mahu pun kesan daripada tindakan provokasi domestik oleh Kerajaan Pusat terhadap usaha-usaha kita merakyatkan ekonomi Negeri Selangor. Di dalam menyerlahkan daya kepimpinan baru negeri Selangor, lebih-lebih lagi dalam sebuah Kerajaan Negeri yang bertunjangan pimpinan Pakatan Rakyat yang menitikberatkan aspek pengurusan secara telus, amanah dan profesional. Kita seharusnya berupaya menunjukkan kelebihan daya pengurusan ekonomi negeri Selangor kepada mereka yang dangkal pemikiran politiknya bahawa negeri Selangor mampu mengatasi dan membendung kegawatan ekonomi sejak tahun lepas di samping dapat mempertingkatkan pendapatan dan perolehan Kerajaan Negeri pada tahun hadapan. Di samping memberikan tumpuan khas kepada 6 projek utama Kerajaan Negeri seperti di dalam pakej rangsangan ekonomi, saya juga menyokong usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan juga tadbir urus yang baik ataupun *good governments* (dengan izin) bahkan juga perlu terus dititikberatkan agar kebobrokan seperti yang berlaku di zon perdagangan bebas Pelabuhan Klang atau PKFZ atau 3 lagi projek perumahan terbengkalai yang bakal didedahkan lagi 2 secara berperingkat ini, siapakah penyangaknya akan kita dapat hapuskan. Di dalam keghairahan kita mengejar pembangunan dan memberikan kemewahan serta kebajikan untuk rakyat, aspek inilah yang akan memastikan yang dikejar kita dapat yang dikendong tidak kecikiran.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan

Bajet tahun 2010, walaupun dilihat sedikit menurun berbanding dengan bajet 2009, saya tidak melihat ia sebagai suatu pengecilan melampau belanjawan. Apa yang dilakukan adalah tindakan betul agar bajet berimbang ini seperti peribahasa Melayu, "Mengukur baju di badan sendiri." Realistik dengan pendapatan Kerajaan Negeri. Tadi Kuala Kubu Baharu ada menyebutkan bahawa bajet ini adalah bajet kosmetik. Kita tengok apa yang akan berlaku. Kita tidak seperti Kerajaan Pusat yang senantiasa melakukan belanjawan, defisit belanjawan selama 13 tahun berturut-turut yang akhirnya memberikan beban yang kuat kepada rakyat yang terbanyak. Sukacita saya ingin mengingatkan bahawa hanya semasa zaman Dato' Seri Anwar Ibrahim, menjadi Menteri Kewangan Malaysia, negara mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Walau pun dengan perkhabaran ini, Selangor sebenarnya masih mempunyai banyak ruang untuk memperbaiki dan mencari punca baru pendapatan. Antaranya adalah memungut semula hutang lapuk yang sebelum ini telah pun tersangkut sekian lama.

Jutaan ringgit dan saya cukup kagum dengan penambahan pendapatan atas kertas yang telah pun diumumkan dalam tambahan bajet 2009 yang mana berjaya mendapatkan sekitar lebih kurang RM400 juta. Namun pada masa yang sama saya juga berasa risau kerana jika ianya kekal di atas kertas bahkan nanti ia mungkin akan menjadi satu liabiliti kepada Kerajaan Negeri. Kesediaan Kerajaan Negeri di dalam memberikan subsidi 20 meter padu air amat menyenangkan rakyat dan diterima baik oleh semua lapisan rakyat sehingga menjadi idaman kepada penduduk-penduduk negeri lain. Namun secara tidak langsung ia jua akan memaksa Kerajaan Negeri untuk bekerja kuat mencari sumber pendapatan tambahan. Walaupun kesan pemberian ini meringankan beban isi rumah tidaklah seberapa dengan melihatkan kos kenaikan kos sara hidup bahan api di samping kos-kos lain. Namun rakyat amat gembira dan mengakui ia sememangnya meringankan beban mereka di dalam kehidupan mereka seharian.

Sekurang-kurangnya rakyat merasai terus manfaat hasil daripada perubahan Kerajaan Negeri. Mereka rakyat terbanyak berterima kasih walaupun ia sedikit ianya disambut baik tidak seperti golongan UMNO dan Barisan Nasional seperti sahabat kita daripada Kuang semalam yang diberikan secara percuma pun tidak mahu. Saya pelik juga kepada YB. Kuang ini, namanya penuh dengan kesyukuran tetapi tidak tahu untuk bersyukur. Sekinchan lebih baik cara pengucapan syukurnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dengan ini mencadangkan agar inisiatif serupa ini, seperti pemberian percuma air ini dikenal pasti lagi dan digerakkan agar rakyat dapat menikmati dengan erti kata yang sebenar-benarnya. Merasakan kelebihan kepimpinan Pakatan Rakyat. Telah diakui bahawa Selangor sebuah negeri yang serba maju namun usaha kita untuk terus membela mereka yang kurang bernasib baik harus juga diberikan perhatian. Warga Orang Kelainan Upaya, Ibu Tunggal dan Warga Emas di samping pertubuhan-pertubuhan sosial seperti pertubuhan dan persatuan yang menaungi penyakit kronik dan terminal wajar diberikan perhatian dan sokongan oleh Kerajaan Negeri. Saya dengan ini mencadangkan agar satu rejim insentif cukai istimewa diperkenalkan untuk penderma-penderma agar kemajuan dan kemakmuran negeri Selangor dapat dinikmati bersama. Sememangnya falsafah Pakatan Rakyat meliputi bukan sahaja perbezaan agama dan keturunan yang mana konsepnya telah pun ditiru oleh konsep satu Malaysia namun golongan yang kurang upaya dan kurang bernasib baik kini akan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian.

Saya tertarik dengan pembangunan semula projek perumahan terbengkalai yang termasuk di dalam pakej rangsangan ekonomi negeri. Tumpuan penyelesaian mestilah didahulukan kepada projek yang melibatkan golongan berpendapatan rendah dan kecil supaya beban mereka segera diringankan. Namun begitu saya juga mohon mencadangkan agar semua perumahan kos rendah yang berjaya diperbaiki ini ditukarkan namanya daripada rumah kos rendah kepada suatu nama yang baru. Telah ada di kalangan anak-anak muda pada hari ini dan rungutan-rungutan yang telah kita terima pada hari ini. Ramai di kalangan mereka ini yang mana ibu bapa mereka yang tinggal di kawasan kos perumahan rendah ini mereka malu untuk mengaku ibu bapa mereka tinggal di kawasan tersebut. Kenapa perlu wujud perbezaan sesuatu taman dan juga kawasan perumahan sedangkan kita sesama manusia adalah tiada mempunyai perbezaan melainkan amalannya sahaja. Saya sarankan Kerajaan Negeri mengetatkan dan mensyaratkan kelulusan sesuatu projek perumahan ini supaya tidak lagi menggunakan perkataan kos rendah. Ianya kalau ada mestilah ditolak sehingga digantikan dengan suatu perkataan lain yang jauh lebih bersesuaian. Saya cadangkan nama kos rendah, kos sederhana rendah, kos sederhana dan kos sederhana tinggi dan sebagainya yang menggambarkan kelompok-kelompok rumah ini digantikan serta-merta bagi memberikan keadilan. Bagi

memberikan keadilan kepada rakyat. Kita patut mencari satu nama yang sedap didengar tetapi tidak menggambarkan sesuatu tempat.

Yang Berhormat, Tuan Speaker, saya juga ingin membangkitkan tentang satu lagi projek dalam rangsangan ekonomi Kerajaan Negeri yang cukup baik. Sistem pengangkutan awam khususnya jaringan LRT yang menghubungkan seluruh Selangor di mana saya amat bersetuju dan menyokong tentang cadangan-cadangan, jajaran-jajaran baru yang memungkinkan seluruh Selangor dapat dicapai hanya dalam tempoh 1 jam. Namun saya juga ingin bertanya apakah kuasa Kerajaan Negeri di dalam mencapai hasrat ini kerana kita sedia maklum negeri tidak mempunyai kuasa perancangan tersebut. Hari ini ada jajaran baru seperti mana sebuah jajaran yang pada ketika ini sedang dipamerkan yang turut mendapat bantahan daripada penduduk yang menghubungkan Kelana Jaya, Putera Heights dan Seksyen 27, di kawasan Shah Alam. Jajaran baru ini walau pun dilihat cukup baik tetapi ianya tidak mengambil kira akan keperluan penduduk setempat sebabnya hanya satu laluan yang dicadangkan melalui kawasan yang tidak sesuai. Kenapa ianya tidak sesuai? Kerana syarikat ini cuba melakukannya secara senyap-senyap pada peringkat awal dan secara diam-diam. Mereka mengubah laluan sesuka hati tanpa merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pejabat Tanah Daerah untuk melakukannya. Jadi saya menggesa Kerajaan Negeri memantau secara dekat projek-projek sebegini walaupun ianya mungkin termasuk di dalam projek rangsangan ekonomi Kerajaan Negeri. Banyak lagi sebenarnya perkara-perkara yang disebutkan juga oleh ADUN Rawang pagi tadi, tentang banyaknya usaha-usaha sabotaj yang dilakukan kepada Kerajaan Negeri Selangor begitu juga dengan rakan-rakan daripada Meru dan juga Kampung Tunku pagi tadi menceritakan tentang pelbagai jenis kepincangan dan kekejaman Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri bukan sahaja di Selangor bahkan juga di seluruh negeri Pakatan Rakyat di Kelantan umpamanya lagi teruk kekejaman yang dilakukan. Mereka boleh menukarkan royalti minyak hanya kepada ihsan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian.

Penubuhan Suruhanjaya Bebas pemberian Persekutuan seperti mana yang telah pun dibentangkan di dalam bajet adalah sesuatu yang patut kita sokong. Tujuan utama pengagihan ini adalah untuk memastikan pengagihan kewangan dapat di disiplinkan. Kerajaan Pusat pada hari ini, mereka bukan sahaja tidak adil bahkan mereka semakin hari semakin menekan negeri-negeri yang di bawah Pakatan Rakyat. Saya ingin mengambil contoh bagaimana Kementerian Pertanian umpamanya, mereka telah menubuhkan satu majlis yang dinamakan Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen yang mana ianya di pengerusikan oleh Pengerusi BN setiap kawasan Parlimen dan setiap pinjaman dan juga permohonan mestilah melalui Jabatan ataupun majlis yang ditubuhkan ini. Begitu juga seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya pagi tadi, ICU di mana mereka telah pun masuk ke dalam negeri Selangor ini tanpa melalui kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pejabat Tanah dan Daerah. Menurut Perlembagaan Persekutuan dua geran utama diwajibkan kepada negeri-negeri, pemberian mengikut bilangan penduduk dan juga pemberian penyelenggaraan jalan raya ataupun MARIS. Mereka bukan sahaja tidak profesional di dalam pembahagian ini bahkan Kerajaan Pusat ini bersikap zalim, kejam dan sikap mereka ini sebenarnya jauh lebih teruk daripada Zionis dan juga Yahudi. Kekejaman Zionis di Palestin, mereka nampak. Kezaliman sendiri di Kelantan dan di negeri Selangor serta lain-lain negeri Pakatan Rakyat mereka butakan mata, butakan hati, pekakkan telinga dan perasaan. Wang royalti yang dituntut oleh rakyat Kelantan pun ditipunya dan mereka ini berdegil malah berusaha mati-matian untuk menipu rakyat di Kelantan. Apakah ADUN-ADUN daripada Barisan Nasional tidak perasan akan hal ini? Atau mereka sendiri berkongsi kekayaan Kelantan yang dirampas daripada rakyat secara terang-terangan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengingatkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar tidak terperangkap dengan main UMNO dan juga Barisan Nasional yang keparat ini. Mereka sebenarnya perosak kepada kesejahteraan rakyat. Saya harap Dato' Menteri Besar jangan terjerut dengan kempen Bulan Bahasa Kebangsaan. Bahasa Melayu telah pun diletakkan dalam kedudukan yang tinggi sebagai Bahasa Rasmi dalam Perlembagaan Negara. Sepatutnya kita menggunakan Bahasa Melayu pada setiap saat, setiap jam, pada setiap hari, pada setiap minggu dan juga pada setiap masa dan ketika bukannya dalam bulan-bulan yang tertentu sahaja. Baru-baru ini saya ada menyaksikan bagaimana Dato' Menteri Besar kita hadir dalam satu kempen utamakan Bahasa Kebangsaan, kempen utamakan Bahasa Kebangsaan dalam urusan rasmi. Kita telah pun melalui Perlembagaan Persekutuan telah pun meletakkan penggunaan Bahasa Malaysia ini di semua tempat, kenapa nak bercakap Bahasa Melayu ini, kita perlu bercakap ikut bulan. Jadi sebab itulah saya tidak faham dan memohon supaya Dato' Menteri Besar memberikan penjelasan ini. Yang merosakkan penggunaan Bahasa Melayu sebenarnya adalah UMNO dan Barisan Nasional. Yang mana mereka ini sering baling batu sembunyi tangan dalam menangani tekanan-tekanan yang dikenakan kepada negeri-negeri Pakatan Rakyat ini, kita hanya mempunyai dua pilihan dalam menyampaikan hasrat hati rakyat negeri ini bagi menyedarkan Kerajaan Pusat agar akur dengan kehendak rakyat di negeri Selangor.

Yang pertama, saya merasakan sudah tiba waktunya untuk Dato' Menteri Besar Selangor memohon perkenanan Duli Yang Maha Sultan untuk mengadap dan melaporkan tentang kekejaman Kerajaan Pusat kepada rakyat negeri Tuanku. Kita mohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar membincangkan perkara yang cukup berat ini di dalam Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu dan sebagai Sultan kepada seluruh rakyat negeri Selangor sudah tiba masanya Sultan juga melihat kekejaman ke atas rakyat negeri Selangor secara lebih dekat. Pilihan yang kedua yang kita ada, jika cara itu kurang berkesan langkah radikal yang boleh diambil ialah Kerajaan Negeri harus mengedarkan ataupun harus mengadakan satu referendum ataupun pungutan suara agar rakyat menentukan sama ada wujud keperluan untuk negeri Selangor untuk mentadbir diri sendiri dan keluar daripada Persekutuan Malaysia. Untuk apa berada dalam Kerajaan Malaysia ini lagi jika hak rakyat negeri ini tidak diambil peduli oleh Kerajaan Persekutuan. Bahkan mereka juga semakin hari semakin menekan dan cuba merampas Kerajaan Negeri ini dengan jalan yang begitu kotor. Apa pilihan yang kita ada? Merayu. Perdana Menteri tidak pernah pun memandang akan negeri Selangor ini melainkan apabila negeri ini berjaya dirampas oleh mereka melalui rampasan kuasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan penangkapan Dr. Asri oleh pihak JAIS. Ramai kini bertanya apakah sebenarnya fungsi Jabatan Agama Islam Selangor, begitu juga dengan ADUN Hulu Kelang dan rakan-rakan yang lain. Pihak Jabatan Agama Islam Negeri dilihat tidak begitu profesional dan mengundang teguran dan kritikan akibat daripada penangkapan Dr. Asri ini, ditambah pula dengan sifat menanggung di air keruh oleh media massa kelolaan Kerajaan Pusat, saya rasa kita amat bernasib baik pada malam tersebut kerana ketika penangkapan dibuat Yang Berhormat Hulu Kelang dan juga Yang Berhormat Ampang ada bersama-sama di situ dan dapat menyanggah YAB. Perdana Menteri yang cuba mengaitkan Kerajaan Negeri dengan penangkapan Dr. Asri. Walau bagaimanapun, saya menyarankan agar bidang kuasa dan kaedah penguatkuasaan JAIS dikaji semula dan dijadikan JAIS bertanggungjawab penuh kepada EXCO Agama Kerajaan Negeri dan juga YAB. Dato' Menteri Besar Selangor tanpa melangkaui bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan. Saya tidak faham kenapa budi bicara seperti yang tertera di peraturan 22 tidak diguna pakai di mana mereka yang berilmu, mempunyai pengetahuan tinggi dalam agama dan para ilmuwan seperti bekas mufti ini tidak termasuk di dalam budi bicara yang digunakan. Jika tidak mahu

menggunakan peraturan 22 yang sedia digunakan pada waktu ini, saya cadangkan kita bakul sampahkan sahaja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, keselamatan warga negeri harus juga diberikan perhatian yang serius. Kejadian jenayah yang menjadi-jadi kini menimbulkan tanda tanya kecekapan pihak polis di dalam menangani jenayah. Meningkatnya kadar jenayah, pecah rumah, kecurian dan juga ragut bukan sahaja menunjukkan kelemahan penguatkuasaan pihak polis namun kesemuanya menunjukkan bahawa di dalam keadaan ekonomi yang gawat kini rakyat semakin terdesak dan memperlihatkan kos hidup yang semakin meningkat. Penguatkuasaan terhadap buruh kasar dan pekerja asing perlu dipertingkatkan dengan kerjasama Jabatan Imigresen agar mereka yang menetap di Selangor secara haram mahu pun terlebih tempoh Visa atau mengingkari Visa dapat dihantar semula ke negara masing-masing. Satu mekanisme tersusun yang baru mestilah dibuat yang juga melibatkan Kerajaan Negeri mesti diutarakan kepada Kerajaan Pusat. Insiden lambakan pekerja asing sama ada haram ataupun halal kini secara amnya.

PUAN SPEAKER: Masa sudah pun tamat Yang Berhormat, ringkaskan. Masa sudah tamat.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Baik-baik, terima kasih. Insiden lambakan pekerja asing kini secara amnya telah menutup peluang pekerjaan warga Selangor. Dahulunya mungkin rakyat Selangor boleh disalahkan atas sifat yang terlalu memilih kerja namun kini lebih-lebih lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi yang teruk, rakyat Selangor perlu mencari kerja termasuklah mencari kerja tambahan tetapi ianya telah dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing. Harus diingatkan bahawa pekerja asing ini secara umumnya semua tidak berkeluarga. Mereka selesa tinggal berpuluhan di dalam satu rumah dan dihantarnya pula wang gaji mereka ini ke kampung halaman mereka di luar negara. Mereka tidak perlu merasakan perit dan sakitnya menjaga keluarga dan membayar cukai dan bil yang dideritai oleh rakyat di negeri Selangor. Namun peluang pekerjaan kepada rakyat Selangor ini telah pun dirampas oleh mereka. Saya mencadangkan agar suatu kuota diadakan bagi menjamin pekerjaan untuk rakyat negeri Selangor agar mereka dapat berusaha dan meringankan beban keluarga. Inisiatif negeri untuk membantu rakyat yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar, kita sambut baik dengan pelaksanaan yang bijak saya yakin Selangor akan mendapat manfaatnya.

Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong penuh cadangan Rawang agar Ahli Majlis yang mempengerusikan sesuatu Jawatankuasa hanya dibenarkan untuk berada di tempoh, selama tempoh 3 bulan sebagai Pengerusi dan selepas itu di gilir-gilirkan supaya pembinaan kroni akan dapat diatasi. Saya dimaklumkan bahawa telah ada, telah wujud di kalangan Ahli Majlis di beberapa PBT yang mula menunjukkan belang mereka dan saya mengharapkan EXCO yang terlibat untuk mengambil tindakan segera bagi menangani masalah ini. Tuan Speaker, sebagai ahli kelab penyokong Kerajaan, saya berdiri teguh di belakang kepimpinan Dato' Menteri Besar dalam menjayakan bajet 2010. Saya mohon menyokong.

PUAN SPEAKER: Sungai Burong.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih, Puan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat petang dan dalam satu Malaysia. Sungai Burong berterima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas dalam bajet 2010 yang bertemakan Negeri Maju, Rakyat Mewah. Apabila negeri mengalami pembangunan dan kemajuan, rakyatlah yang sepatutnya menikmati kemewahan yang menjelma daripada pembangunan tersebut. Walau bagaimanapun dalam pembentangan bajet kali ini dapat dilihat walaupun temanya menyatakan bahawa keutamaan kebajikan terutamanya dalam melihat

negeri Selangor ini sebagai sebuah negeri yang bersih dengan kualiti alam sekitar, air yang bersih, persekitaran yang bersih, nyaman yang merupakan hak dan keperluan rakyat dan pihak yang berkuasa dan bertanggungjawab bagi memastikan hak rakyat, apa yang saya ingin bangkitkan untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di sini adalah bagaimana kita sebagai rakyat di negeri Selangor ini boleh mendakwa kita dijamin kebajikannya sedangkan kita terpaksa berkurung dalam rumah sendiri menutup pintu dan tingkap kerana udaranya yang tidak bersih. Kita terpaksa mengehendakan aktiviti di luar rumah dan juga melarang anak-anak keluar bermain di luar rumah disebabkan udaranya kotor. Di penuh asap dan habuk serta berbau busuk. Saya membangkitkan perkara ini kerana pada 13 September 2009, seramai 300 penduduk Aman Perdana di Meru telah mengadakan bantahan berhubung dengan masalah pencemaran udara yang berpunca daripada kilang yang berhampiran. Kilang berhampiran kawasan perumahan, penduduk ini telah mengeluarkan asap hingga mencemarkan udara di kawasan berkenaan. Pelbagai tindakan telah diambil oleh para penduduk termasuk mengadakan bantahan melalui memorandum dan aduan kepada Jabatan Alam Sekitar. Malangnya masalah mereka dipandang sepi *just* dan hanya menyatakan asap yang dikeluarkan melalui kilang berhampiran tidak membahayakan kesihatan. Soalnya adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri jika kita meletakkan diri kita dalam situasi yang sama ingin hidup dalam kawasan perumahan yang dipenuhi dengan asap dan habuk. Malah kilang berhampiran kawasan perumahan tersebut ada kilang baru dan arang batu. Masakan asap dan habuk daripada kilang tersebut harus diterima oleh penduduk di situ sebagai udara biasa yang perlu disedut setiap hari. Hal yang sama turut berlaku di Sepang, sebuah kilang membakar besi turut mengeluarkan asap dan habuk hitam hingga menyebabkan masalah sesak nafas dan gatal-gatal badan. Di Batu Caves, juga udaranya tercemar akibat pembakaran sampah di tapak pelupusan sampah haram sehingga menyebabkan para pelajar di sekolah berdekatan mengalami sesak nafas dan mengganggu konsentrasi mereka dalam pelajaran.

Ini adalah contoh-contoh pencemaran yang berlaku di sebabkan oleh kilang-kilang dan mangsanya rakyat yang bernaung di bawah negeri dan pentadbiran yang menyatakan kebajikan rakyat adalah diutamakan. Malang sekali kepada rakyat yang terpaksa menghidu udara kotor, berasap dan berhabuk ini so mereka bagaikan tidak kesudahan. Aduan telah dibuat tapi hanya dipandang sebelah mata dan kemudiannya mengambil sikap menuding kesalahan dan kesilapan pada orang lain. Pada bulan Mei lalu, satu dialog telah diadakan di antara penduduk dan pemaju perumahan, Pegawai Majlis Perbandaran Klang dan juga EXCO Pelancongan sendiri. Namun sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan yang dapat dibuat untuk menyelesaikan masalah mereka. Saya ingin bertanya kepada YB. ECXO Pelancongan, YB. hanya memberi jawapan supaya penduduk menghentikan tindakan menyalahkan pihak kilang dan perlu menyalahkan pemaju dan juga menyalahkan ini lah Kerajaan Barisan Nasional yang lama. Soalnya Yang Berhormat, buat apa? Baik apa pulanya kata pemaju. Pemaju pula menafikan bahawa mereka menipu penduduk apabila tidak memasukkan atau tidak memaklumkan kepada penduduk tentang wujudnya kilang-kilang yang berada di kawasan berhampiran. Alasan pemaju ialah mereka hanya fokus kepada pembinaan perumahan dan penduduk bebas untuk melihat sendiri kawasan perumahan yang bakal mereka beli. Ini adalah sikap bangau oh bangau yang menuding jari dan bersikap lepas tangan atas sesuatu masalah yang berlaku. Mangsanya kini ialah rakyat. Justeru itu saya memohon supaya kita memberikan perhatian dan tindakan-tindakan yang konkrit dapat diambil bagi mengatasi masalah pencemaran ini. Satu lagi bentuk pencemaran ialah dari industri ternakan unggas khususnya ayam. Apa yang Sg. Burong ingin tekankan tentang amalan perladangan ayam yang baik, tidak mencemarkan alam dan tidak menjejaskan kualiti hidup rakyat tapi yang terjadi masih ada penternak-penternak ayam yang melaksanakan cara penternakan yang menjejaskan kehidupan penduduk antaranya ialah masalahnya bau busuk najis ayam daripada aktiviti penternak yang dialami oleh penduduk Kampung Perepat, kawasan *indian settlement* (dengan

izin) yang telah dialami lebih 20 tahun dan juga kawasan Kampung Sg. Yu dan Kampung Sg. Terap. Aduan-aduan telah dibuat di Pihak Yang Berkuasa dan Pihak Berkuasa Tempatan tapi masalah ini masih belum dapat diselesaikan. Satu lagi masalah yang sama yang dihadapi oleh penduduk desa koilfill, Sg. Buloh yang turut mengganggu kawasan Saujana Utama, Puncak Alam, Kompleks Penjara Sg. Buloh. Bau bukan sahaja dari najis ayam tetapi juga semburan bahan kimia yang dikhuatiri mengganggu urusan harian penduduk-penduduk memudaratkan kesihatan dan boleh membantutkan pembesaran anak-anak. Saya mahu Kerajaan Negeri ini memandang serius perkara ini, bukan sekadar mengenakan kompaun, saman menutup ladang tersebut. Apa yang penting ialah memandu pembangunan industri ini dengan betul, mapan dan terancang. Kita mahu industri unggas berkembang baik, kesihatan penduduk tidak terjejas dan pengusaha mendapat pulangan hasil aktiviti mereka tanpa masalah bantahan dan sekatan. Cara penternakan yang baik dan terkawal mesti diterapkan dan jika perlu diwajibkan bagi memastikan penternak tidak mengganggu masyarakat awam. Antaranya sistem ternakan ayam secara tertutup menggunakan sistem bangsal yang dilengkapi dengan sistem pendingin udara. Contoh kesenangan ini ialah di kawasan Taman Kekal pengeluaran makanan Batu Arang. Kaedah ini dapat mengelakkan daripada masalah pencemaran, bau habuk dan penyakit. Satu lagi isu yang Sg. Burong ingin bawakan ialah projek ICT Shah Alam yang telah menimbulkan berbagai masalah berkaitan dengan isu tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Pembatalan perizaban tanah seluas 4 ekar untuk Sekolah Tamil Bestari di kawasan ICT Seksyen 7, Shah Alam yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1996 dahulu. Pengekalan dan pembesaran tapak sementara Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Seksyen 7, Shah Alam iaitu sebahagian daripada kawasan padang yang seluas 7 ekar di kawasan 7, Shah Alam. Bantahan penduduk daripada Seksyen 7, Shah Alam mengenai cadangan untuk mengekalkan dan meluaskan tapak Sekolah Tamil di bahagian padang seluas lebih kurang 6 ekar menjadi padang tinggal kecil seluas 1 ekar sahaja. Tuntutannya supaya tapak Sekolah Tamil seluas 4 ekar di kawasan ICT ini perlu dikekalkan. Keputusan Kerajaan Negeri membatalkan perizaban tanah seluas 4 ekar untuk Sekolah Rendah Tamil dan mengambil sebahagian besar tanah padang awam di Seksyen 7 ini merupakan satu keputusan yang tidak bertanggungjawab. Membelakangkan kepentingan rakyat dan tidak munasabah dan membelakangkan sejarah perancangan dan pembangunan projek tersebut. Sebenarnya tanah seluas 4 ekar yang telah dirizabkan untuk Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil terletak di sebahagian daripada tanah lot 4598 geran 2744, Seksyen 7, Shah Alam seluas lebih 81 ekar yang telah dibeli oleh Sumberwang Development Sdn. Bhd. daripada Hallen dan Lollen Sdn. Bhd. pada tahun 1992. Pada tahun 1996, Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan tukar syarat tanah tersebut daripada Sumberwang Development Sdn. Bhd. untuk membangun pembangunan bercampur dan salah satu daripada syarat yang telah ditetapkan kepada pihak pemaju hendaklah menyediakan tapak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil seluas 4 ekar bagi menggantikan sekolah yang sedia ada yang terletak di sebahagian kawasan ICT yang dahulunya ladang.

Melalui perundingan di antara pihak yang terlibat, Kerajaan Negeri, PKNS dan MBSA dan Pemaju akhirnya pihak-pihak tersebut telah bersetuju kepada pertimbangannya seperti berikut; Kerajaan Negeri dan MBSA bersetuju dengan permohonan pihak pemaju untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai pusat perniagaan dan institusi dengan nama ICT Selangor. Pemaju tidak perlu membina rumah kos rendah di kawasan tersebut bagi menempatkan bekas pekerja-pekerja ladang Highland yang tinggal di kawasan projek ICR. Kerajaan Negeri melalui PKNS akan membina dan merizabkan rumah-rumah kos rendah di Seksyen 7, Shah Alam di tanah PKNS yang berhampiran untuk dijual kepada pekerja-pekerja ladang di Midland yang tinggal di kawasan ICT dengan harga subsidi ditanggung bersama oleh PNS dan Pemaju. Ini bermakna pemaju dapat mengurangkan kos kerana tidak perlu membina kos-kos rendah, rumah-rumah kos rendah.

Kerajaan Negeri melalui PKNS akan memindahkan Sekolah Rendah Tamil yang berada di kawasan sebahagian daripada tanah ICT yang asalnya ladang daripada padang Seksyen 7, Shah Alam buat sementara waktu dan seterusnya membina Sekolah Tamil dengan perbelanjaan lebih kurang RM200,000.00. Sekolah Tamil tersebut kemudiannya akan dipindahkan ke kawasan ICT yang seluas 4 ekar apabila tapak tersebut telah disiapkan dan telah diperuntukkan untuk pembinaannya. PKNS dengan kerjasama MBSA akan memindahkan pekerja-pekerja ladang tersebut apabila rumah kos rendah itu selesai.

Pada tahun 1996, Majlis Perbandaran Shah Alam telah meluluskan pelan susun atur pembangunan kawasan lot 459 projek ICT Selangor yang dipohon oleh Sumberwang tersebut termasuk tapak seluas 4 ekar untuk Sekolah Rendah dan pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah menaik taraf Sekolah Rendah Tamil itu pada status Sekolah Bestari.

Puan Speaker, berdasarkan perkara-perkara yang disebutkan di atas, berdasarkan latar belakang perancangan dan pembangunan projek ICT dakwaan YAB. Menteri Besar Selangor dalam Berita Selangor Kini.Com bertarikh 2 November 2009 bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah menekan beban yang sangat kepada pemaju adalah tidak tepat dan sangat mengelirukan. Dalam konteks ini nampaknya YAB. Menteri Besar Selangor lebih bersimpati kepada pemaju yang telah dapat banyak keistimewaan dan kemudahan dan terang-terang membelakangkan kepentingan rakyat yang terlibat dalam di Seksyen 7, Shah Alam tersebut.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin membangkitkan beberapa isu tentang masalah yang telah dibangkitkan berhubung dengan isu *capitation* geran dan juga peruntukan MARIS yang telah disebut-sebut sebagai dasar Kerajaan Pusat yang tidak memberi peruntukan sewajarnya kepada Kerajaan ini. YAB. Menteri Besar dalam memberikan analisa tersebut telah menjelaskan bahawa jika dibandingkan peruntukan tersebut yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan adalah tersangat kecil sekali dibayangkan hanya bernilai lebih kurang RM4.00 sebulan yang hanya mampu untuk membeli tak cukup pun mampu membeli nasi lemak. Logik ke tak logik kita rakyat akan dapat menilainya. Tuan-tuan dan puan-puan kalau RM4.00 maka hari ini kita semua Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan datang ke Dewan Yang Mulia ini tidak boleh naik kereta sebab apa yang boleh buat dengan duit RM4.00 ini tetapi hakikatnya yang sebenarnya apa yang berlaku walaupun peruntukan MARRIS yang telah diberikan berjumlah ya peruntukan *capitation grant* dan MARRIS yang berjumlah empat ratus lima puluh juta itu diberikan kepada kerajaan negeri ya sebagai satu dasar yang selaras bagi seluruh negara-negara di negeri di Malaysia ini namun berbagai projek-projek pembangunan infrastruktur kerajaan telah diberikan di negeri Selangor. Sebagai sebuah Negeri Selangor yang maju kita lihat mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur yang terbaik bukan sahaja Malaysia tetapi bertaraf dunia. Kita lihat berapa banyak *highway* yang telah didirikan di Selangor dengan *maintain* setiap masa. Jalan-jalan termasuk jalan-jalan negeri kita dapat jalan yang terbaik menjarakkan tempoh perjalanan yang dekat, Sekinchan dapat sampai ke Dewan Undangan ini dalam masa satu jam lebih sahaja dengan kenderaan dengan adanya jalan 4 *lane* yang begitu baik yang diselenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa peruntukan ini diberikan melalui Kerajaan Negeri. Sebenarnya Kerajaan Persekutuan membelanjakan begitu banyak wang untuk Kerajaan Negeri Selangor dalam rancangan Malaysia yang Ke-9 sebanyak 41 bilion dibelanjakan untuk pelbagai kemudahan-kemudahan yang sampai kepada rakyat negeri Selangor. Sekolah, kesihatan, kemudahan-kemudahan pelbagai program pembasmian kemiskinan, program-program kebajikan. Dalam tahun 2009 sahaja, peruntukan yang disediakan ialah berjumlah 41 bilion melibatkan 2,478 projek, yang ini kalau kita *detailkan* ia termasuk peruntukan-peruntukan kepada berbagai kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang sampai kepada rakyat yang kemudahannya hari ini kita dapat nikmati oleh rakyat

negeri Selangor ini dengan begitu baik. Saya ingin mengambil perhatian kepada pandangan yang diberikan oleh EXCO luar bandar pada pagi tadi. Ini yang telah dibangkitkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional dengan kejam telah merampas peruntukan luar bandar Kerajaan Negeri dan ini saya anggap merupakan satu tohmahan dan fitnah semata-mata. Saya ingin menyatakan, semasa Kerajaan Barisan Nasional yang lalu memerintah, kita tahu memang ada dua saluran peruntukan sebenarnya saya tak pasti EXCO berkenaan sedar bahawa kita ada projek federal dan projek negeri kita ada senarai persekutuan dan senarai negeri. Kita ada Kementerian Luar Bandar, Kemajuan Wilayah dan Luar Bandar. Kita di negeri pun ada EXCO Luar Bandar. Tetapi semasa Kerajaan Barisan Nasional dulu, Kerajaan Persekutuan melalui Pejabat Pembangunan Negeri memberikan peruntukan kepada Negeri Selangor yang disalurkan perlaksanaannya melalui Pejabat Daerah.

Hari ini oleh kerana dah ujud Pejabat Pembangunan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan kepada negeri juga.

YB TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan, YB Berhormat Sungai Burong minta laluan..

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok sahabat saya Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Sungai Burong.

PUAN SPEAKER : Saya bagi lima minit sahaja ya.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sebelum itu boleh tak bagi *saya injury time* sedikit.

PUAN SPEAKER: Dua minit sahaja.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Oh dua minit sahaja.. ringkas, ringkas.

YB TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat Sungai Burong, kenapa selepas rakyat membuat keputusan memilih Pakatan Rakyat maknanya kita telah serah hak kepada rakyat sebab kita demokrasi, kenapa buat macam tu. Rakyat dah pilih kenapa tiba-tiba wang yang disalurkan kepada Pejabat Daerah ,melalui Majlis dan Pejabat Daerah terus dipindahkan ke Pejabat Pembangunan Negeri. Tak perlu itu membuang duit rakyat terus seperti yang dulu. Saya fikir itu cara yang terbaik. Saya fikir....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok saya faham soalan itu ya. Sebenarnya kita pun memberikan hak rakyat. Duit yang kita salurkan itu akhirnya sampai kepada rakyat juga. Salurannya yang berbeza. Kalau dulu zaman saya dulu, Setahun Kerajaan Persekutuan melalui projek luar bandar dibagi RM500 ribu. Kerajaan Negeri, EXCO Pembangunan Luar Bandar memperuntukkan RM500 ribu juga, untuk pembangunan kampung-kampung tradisi dan juga kampung-kampung baru, kampung-kampung bagan. Hari ini saya nak tanya kepada EXCO berkenaan apa dia buat? Dia patutnya dalam dunia hari ini di negeri yang maju kita tak boleh berasas kepada k-ekonomi, *knowledge* sahaja. Kita kena ada aktiviti dan inovasi. Kena cari idea macam mana nak cari peruntukan bagi EXCO beliau membagi peruntukan kepada luar bandar terutamanya apabila telah ditubuhkan JKKK sendiri di peringkat negeri. Kesian JKKK Negeri memohon peruntukan kepada EXCO dua tak dak. Hah ini dia masalahnya. Pada saya semua peruntukkan ini akan menerima faedahnya kepada rakyat. Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan dan Jabatan Persekutuan kerana ia lebih efisien dan rapat kepada rakyat. Ini adalah hak rakyat bukan soal membeza-bezakan tentang rakyat...(minta laluan) nanti dulu.... Kalau nak katakan hak rakyat saya pun boleh tanya

seperti dibangkitkan oleh Wong Koon Moon, RM10 juta peruntukkan ADUN-ADUN Barisan Nasional yang jadi pembangkang telah pun dicuri dimasukkan kepada peruntukkan-peruntukkan di bawah EXCO tertentu diwujudkan pula pusat khidmat ADUN-ADUN, dilantik pula oleh Ketua-ketua Bahagian, Ketua-ketua Cawangan di kalangan PKR, mentadbirkan duit itu bagi saluran kroni-kroninya, apa haknya...(masa dah cukup)...apa bezanya, itu sebabnya kita tidak hairan hari ini...(masa dah cukup)...saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian, *wassalamualaikum W.B.T.*

YB TUAN LAU WENG SAN: Habis usah takut...(habis Tuan Speaker dah...)

YB TUAN DR. CHEAH WING YIN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

YB TUAN DR. CHEAH WING YIN: Damansara Utama mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membahas bajet Negeri Selangor tahun 2010. Mula-mula satu tinjauan sedangkan di luar dewan terdapat di Semenanjung beberapa tempat di landa banjir kerana hujan lebat tetapi di dalam dewan yang mulia ini terdapat suatu keadaan seolah-olah musim kemarau, kering sangat sehinggakan sungai yang dulu begitu panjang tiada kelihatan langsung menjadi luar kering di dalam. mungkin ada di kalangan pemerhati ada begitu pelik, yang begitu pelik seakan-akan kena air curahkan dari Sg. Pelek. Minda Pelek, mesti jaga badan dan perut lebih baik elakkan minum air tawar. Tawar sehingga burung terbang, baru-baru terbang, mungkin tak ngam dengan sungainya. Sesebuah bajet mesti menggambarkan falsafah dan memberikan tunjuk ajar hala kepada rakyat. Pendekatan ini amat mustahak, adalah suatu kemestian dan amat perlu. Kerana hanya dengan keyakinan rakyat pada bajet yang berlandaskan falsafah yang berpatutan bolehlah rakyat mengharungi segala masalah khususnya dalam masa kelembapan ekonomi yang dihadapi sekarang. Mula-mula biarlah saya sentuh serba sedikit dengan falsafah pendirian yang patut dijauhi. Tercatat di Berita Harian pada 10hb November 2009, ketua Penerangan UMNO Dato' Ahmad Mazlan berkata pakatan secara tertutup atau pakatan secara terbuka antara UMNO dan PAS adalah salah satu cara terbaik untuk menjaga kepentingan orang Melayu dan Islam serta ia dilakukan demi kepentingan bersama. Pendirian berlebihan perkauman Dato' Ahmad Mazlan UMNO ini mencerminkan minda kepongungan terkongkong, dengan izin "*siege mentality*" yang berkekalan di UMNO di mana hanya satu sektor perkauman dititikberatkan terbawa-bawa sebenarnya ia adalah suatu cara tersembunyi di mana helah diberikan supaya peluang-peluang dapat dibentuk dan kebanyakannya dipergunakan untuk menunaikan kepentingan individu-individu sahaja. Pulang balik kepada falsafah berpatutan di bajet Dato' Menteri Besar, strategi falsafah ini berserampang enam, satu menegakkan demokrasi tulen, nombor dua menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat, ketiga merakyatkan ekonomi Selangor, nombor empat, pembangunan moden dan lestari, nombor lima memperkasakan rakyat Selangor dan enam, membasmi kemiskinan di semua lapisan masyarakat. Bila kita teliti dengan terperinci strategi ini, keenam-enamnya adalah tak kira kaum, tak kira bangsa, dan tak kira agama, ia menitik beratkan rakyat Malaysia, ia merentasi semua kaum semua agama dan semua perbezaan politik. Itulah falsafah yang tulen dan berpatutan dan, dan akan mewujudkan satu negeri yang bercorak" negeri maju, rakyat sejahtera ". Melalui pendekatan ini yang terkandung dalam bajet ini penerapan bangsa Malaysia akan bermula dan berterusan pada hari pendebatan bajet ini juga. Jangan, jangan dengan pendirian Dato' Ahmad Mazlan ini yang terus melanjutkan pelayanan kerehah setengah puak-puak perwakilan UMNO sahaja yang mementingkan persendirian sahaja. Pendekatan UMNO dan BN telah berlanjutan berdekad-dekad, dan jikalau berterusan akan memperlekehkan negara dan semua bangsa yang malangnya adalah bangsa yang dimanja-manjakan keterlaluhan sebaliknya bajet berserampang enam yang merentasi

semua lapisan masyarakat, akan menyelamatkan negeri daripada kesan-kesan sampingan, kegelojohan nafsu serakah UMNO BN tersebut dan hampir-hampir melumpuhkan negeri kita yang dicintai ini. Damansara Utama amat tertarik kepada pengakuan Dato' Menteri Besar yang menerajui kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor di mana beliau menyatakan falsafah ekonomi sosial demokratik dengan maklumat merangsang ekonomi melalui pelaburan, Cara pelaksanaannya mengambil kira kebajikan rakyat melalui program kebajikan dan jaringan keselamatan sosial yang tertentu. Dibajet 2010 ini dana 1.3 bilion ini kesemuanya dipergunakan untuk perbelanjaan, bekalan, bangunan dan tanggungan. Bagaimana pula usaha-usaha untuk mengembangkan ekonomi dalam samar dan pudar ini dan punca mana dana datangjadi cara inisiatif pembiayaan swasta ataupun "*private finance inisiatif*" untuk menjana beberapa pakej rangsangan ekonomi negeri Selangor adalah langkah yang sungguh bijak dan berpatutan. Apakah bajet akan kekal seimbang. Penyertaan pihak swasta bukan sahaja menggembelng dana banyak yang ada pada swasta dan juga pada permulaannya mengundang kemahiran dan kepintaran urus niaga pihak swasta. Ini adalah berpatutan. Akibatnya kemungkinan besar kejayaan projek-projek ini. Tetapi kerana pendekatan ini melibatkan pihak swasta janganlah semua pihak pandang ringan bersikap senang-senang sambil lewa saja. Damansara Utama ambil peluang ini untuk memperingatkan sekalian pihak pentadbiran termasuk wakil-wakil rakyat, ahli-ahli politik dan ahli-ahli majlis PBT dan penjawat awam supaya bersikap serius, proaktif dan usaha sama dengan pihak swasta. Tentulah usaha berganding bahu ini mesti dilaksanakan dengan cara telus dan bertanggungjawab supaya rakyat dapat manfaat maksimum dan tidak mengalami resapan dan tirsan. Kegiatan ini bukan senang apatah lagi banyak pihak yang terlibat, di sebelah kanan pelabur, di sebelah kiri penduduk-penduduk dan di tengah adalah penjawat awam. Wakil rakyat mestilah bertekad dan cukup berani untuk mendampingi ketiga-tiga pihak tersebut. Janganlah dibuka minda zaman purba kala pembangkang di mana wakil rakyat bermogok sahaja mengibarkan panji-panji. Zaman sekarang adalah zaman cabaran untuk mencari penyelesaian wajar dalam keadaan yang kerap biasa *complicated* ini.

Salah satu langkah berkesan yang boleh menjana kegiatan ekonomi ialah di bidang pelancongan. Kita bertumpu kepada pelancong-pelancong yang bernilai tinggi iaitu peserta-peserta di persidangan-persidangan saintifik dan perniagaan. Dalam jawapannya di dalam perdebatan bajet EXCO Pelancongan dari Bukit Lanjan memberitahu ada kekurangan yang tidak bersesuaian dalam pusat konvensyen yang bertaraf tinggi yang mungkin melembapkan perkembangan industri pelancongan dan juga menjejaskan objektif negeri Selangor menjadi satu *favorite* kepada penganjur-penganjur persidangan domestik atau antarabangsa. Keadaan ini mesti dibaiki supaya peluang lumayan ini tiada di lalui. Sudah tiba masa kesempatan sampai masa kini bergelut usaha-usaha pembaharuan bandar di pelan untuk ekonomi negeri Selangor. Pusat konvensyen dan hotel yang sedia ada harap dinaiktarafkan. Damansara Utama bercadang supaya EXCO yang bertugas di pelancongan, EXCO yang menjaga PBT dan EXCO urusan pembangunan bersama-sama menerokai keadaan ini supaya mengukirkan satu dasar yang mengandungi insentif supaya dapat mendorong pemilik-pemilik hotel dan pusat konvensyen yang agak usang supaya melaburkan dan ubahsuaikan tapak-tapak untuk keperluan masa kini dan depan. Dalam pada ini, projek pembaharuan bandar juga memberi banyak peluang kepada pemilik-pemilik bangunan-bangunan, mengukirkan perubahan-perubahan pada bangunannya supaya mereka dapat mengurangkan kesan tapak kaki karbon (*carbon foot print*) dengan izin. Ini bukan sahaja akan mengurangkan kos pembiayaan kegunaan tenaga bahkan turut menangani perubahan iklim sedunia. EXCO berkenaan juga patut mengujudkan dasar serta insentif untuk menggalakkan mereka untuk mencapai tahap kehijauan ini.

Puan Speaker saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar dan menyokong supaya bajet 2010 diterima dengan keseluruhannya. Sekian.

PUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Puan Speaker. Sijangkang ingin memulakan perbahasan ini dengan pantun dua kerat. Buai laju-laju sampai pucuk ara, Selangor negeri maju rakyat sejahtera. Inilah tema bajet pada tahun 2010.

Krisis kewangan global tidak harus dijadikan sebab Selangor tidak terus maju walaupun kesannya secara tidak langsung memberi kesan penurunan kepada hasil negeri. Kerajaan tidak harus berpeluk tubuh menanti hasil negeri datang bergolek. Usaha-usaha kerajaan selama ini adalah satu kewajaran yang sangat baik bagi meneruskan kesinambungan merakyatkan ekonomi Negeri Selangor. Kebijaksanaan Menteri Besar dan kerajaan Negeri Selangor buat pertama kalinya dalam mengutip hutang hasil dari pengiktirafan hutan anak syarikat seperti yang dibentangkan dalam enakmen perbekalan tambahan kedua 2009 harus diberi pujian. Fasal selepas ini apa yang saya lihat menjadi tugas MBI untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk mengutip hutang-hutang dari kumpulan Talam Berhad. Jumlah RM392juta bukan satu jumlah yang kecil untuk dituntut. Apa yang diharapkan agar rakyat faham tentang keprihatinan kerajaan Pakatan Rakyat untuk mengutip hutang yang timbul akibat kelemahan pemerintahan Barisan Nasional sebelum ini. Meningkatkan hasil negeri bererti meningkatkan kualiti hidup rakyat dan komuniti. Kita tahu bahawa sektor perindustrian merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri. Tahun 2009 keseluruhan nilai ditambah, sektor ini dianggarkan menyumbang sebanyak 27.7% kepada KDNK Negeri. Di Kuala Langat sendiri, zon perindustrian Teluk Panglima Garang juga menjadi penyumbang hasil negeri di samping peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Di Kuala Langat IPMC ataupun *Industrial Park Management Community* telah ditubuhkan khususnya di kawasan perindustrian Teluk Panglima Garang. Saya lihat IPMC ini masih tidak aktif. Kurang keterlibatan dari kilang-kilang sama ada kilang-kilang yang sedia ada begitu juga keterlibatan terutamanya daripada kilang-kilang haram yang masih belum diputihkan lagi terlalu sedikit. Saya lihat matlamat penubuhannya sangat baik tetapi seolah-olah ada kekangan dari segi pelaksanaan tindakan yang perlu diambil. Mesyuarat diadakan beberapa keputusan bernas telah diambil tetapi tindakan seterusnya tidak lancar kerana antara puncanya ialah peruntukan tidak ada. Saya mencadangkan agar IPMC ini dapat bergerak lebih aktif lagi. Sejumlah peruntukan perlu diadakan dan sudah tentu tindakan yang akan diambil akan mendapat kerjasama dari semua agensi dan akhirnya hasrat kerajaan negeri akan tercapai. Hasrat kerajaan negeri menggalakkan pertambahan pelabur-pelabur baru dan mengekalkan pelabur-pelabur yang sedia ada adalah menjadi salah satu dari matlamat kita. Tapi saya lihat banyak masalah yang perlu dibaiki terutamanya dari segi infrastruktur, perparitan dan jalan raya. Kerana saya lihat di kawasan perindustrian ini keadaan ini selalu ditimbulkan terutamanya dari segi perparitan. Apabila berlaku musim tengkujuh kerap berlaku banjir dan kita masih ingat lagi pada tahun lepas sewaktu musim tengkujuh lebih kurang 7 kilang terpaksa ditutup kerana terlibat di dalam banjir tersebut. Di DUN Sijangkang kawasan perindustrian Teluk Panglima Garang banjir penghujung tahun lalu menjadi pengajaran sekurang-kurangnya keadaan parit yang sebu harus dibersihkan sebelum musim tengkujuh kerana pembersihan sewaktu musim tengkujuh tidak praktikal. Tahun ini lihat perkara sama berlaku. Peruntukan JPS tahun ini telah selesai. Tambahan peruntukan sebanyak empat ratus ribu ringgit hanya tinggal tiga puluh ribu sahaja untuk menghadapi banjir pada hujung tahun ini. Dan hari ini pula sudah mula banjir dan beberapa kawasan telah ditenggelami banjir pada kali ini.

Saya mendapat maklum bahawa pada pemerintahan yang lepas ada peruntukan yang digunakan untuk menebas parit berjumlah satu perpuluhan lapan juta di Kuala Langat. Begitu juga peruntukan ini diberikan kepada Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Dan saya

dimaklumkan bahawa setiap kampung diberi tiga pusingan menebas parit dan peruntukan ini disalurkan kepada JKKK dan satu pusingan itu setiap kampung mendapat dua puluh ribu dan untuk tiga kali pusingan dalam setahun jumlahnya lebih kurang enam puluh ribu dan saya rasa sedikit sebanyak sekiranya peruntukan ini dapat diberikan kepada JKKK untuk menebas parit ini maka sedikit sebanyak banjir dapat dikurangkan. Saya mohon agar peruntukan ini diberikan semula.

Masalah kedua yang saya lihat berkaitan dengan kebakaran kilang. Dalam masa satu tahun sudah ada empat kebakaran kilang di DUN Sijangkang. Masalah bomba adalah masalah utama di Kuala Langat yang masih tidak terkini. Kalau kita bandingkan dengan Sekinchan dan Sungai Besar yang mana kita lihat balai bombanya yang begitu terkini dan kalau kita bandingkan jumlah kilang-kilang industri yang saya rasa cukup jauh bezanya kalau dibandingkan dengan kilang-kilang industri Kuala Langat. Ini adalah sebab yang saya khuatir pelabur-pelabur yang akan datang takut untuk datang ke negeri Selangor. Perkara yang ketiga adalah berkaitan dengan pencemaran. Pencemaran kepada sistem saliran sehingga ke Sungai Sijangkang. Hasil buangan sisa kilang menyebabkan pencemaran sistem saliran selain dari pencemaran bau yang teruk yang terpaksa rakyat sekitar tanggung. Banyak penduduk-penduduk yang terpaksa berhadapan dengan bau busuk semasa mengadakan kenduri perkahwinan. Begitu juga hasil tangkapan laut yang semakin berkurangan dan ikan mati akibat pencemaran tersebut. Saya khuatir perkara-perkara yang saya sebutkan tadi mendatangkan impak kepada pelabur untuk tidak terus melabur atau takut untuk melabur di negeri Selangor. Ditambah pula dengan kemarahan rakyat akibat pencemaran itu tadi. Yang melihat pembangunan yang tidak sepatutnya menggadaikan alam sekitar dan keharmonian kehidupan. Bagi saya pencemaran sungai, bau busuk, pupus spesies ikan-ikan yang ada di Sijangkang ini menjadi tanda asas pengukur kegagalan pembangunan di DUN Sijangkang. Cadangan penubuhan unit pelaburan di setiap PBT dan kerjasama dari IPMC untuk memberi input-input yang baik dalam sektor perindustrian perlu disambut baik. Agar sektor ini berkembang dan hasil negeri dapat dilonjakkan. Insentif Ops Putih yang bermula 28 Julai 2009 perlu diberi pujian. Insentif bagi prestasi Pejabat Tanah dan Daerah yang berjaya mencapai sasaran kutipan hasil dilihat sebagai satu perkara yang cukup positif. Saya mengucapkan tahniah kepada Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Langat kerana menjadi antara pengutip cukai yang tertinggi peratusannya pada tahun lepas. Terimaannya diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan lebih kurang 16 juta maaf. Terimaannya diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan lebih kurang 16 bilion pendapatan Kerajaan Persekutuan diperolehi daripada Selangor. Projek-projek Persekutuan seperti projek infrastruktur awam dan Infrastruktur Asas dahulu dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah dan kini dilaksanakan terus oleh Pejabat Pembangunan Negeri melalui *Implementation and Coordination* Unit iaitu sebuah unit di Jabatan Perdana Menteri. Kalau pagi kita lihat Dusun Tua seolah-olah tidak bersetuju apabila Kota Anggerik mengatakan bahawa Rakyat Negeri Selangor telah dihukum selepas pilihan Keputusan Pilihan raya yang lalu tapi saya melihat kalau mereka Dusun Tuan mahu memikir apa telah jadi selepas Pilihan Raya tersebut kebanyakan Balai raya kerusi, meja, *aircond*, kipas semuanya dikeluarkan dan ini menyebabkan dalam keadaan kita yang mempunyai kewangan yang terhad dapat membaik pulih perkara ini dan akhirnya jawatankuasa masyarakat yang mahu menggunakan balai raya tidak dapat menggunakan dan terpaksa duduk di atas lantai sahaja. Dan ini merupakan satu bentuk hukuman sebenarnya kalau kita mahu sama-sama memikirkannya. Projek berkepentingan awam yang dilaksanakan terlalu sedikit dan dilihat seolah-olah tertumpu di kawasan penyalaras pembangunan DUN atau Daerah dan orang-orang yang kepentingan sahaja. Tidak ada penyalaras bersama JPS atau JKR ke atas projek-projek yang dijalankan oleh mereka. Menegakkan demokrasi tulen cadangan mengadakan pilihan raya Kerajaan tempatan bagi memberi peluang memperkasakan setiap rakyat Selangor untuk memilih sendiri wakil yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran kawasan tempatan dan

tempat kediaman masing-masing. Seharusnya tidak dilakukan secara tergesa-gesa kajian perlu dilakukan dan rakyat perlu diberi pendidikan tentang pilihan raya kerajaan tempatan. Agak ianya dapat dilakukan dengan penuh keadilan dan rakyat bersedia. Tidak ada unsur-unsur yang merugikan tidak telus seperti yang berlaku dalam sistem pilihan raya di negara kita yang harus berlaku. Menjamin keselamatan kesejahteraan rakyat tahun 2010 peruntukan sebanyak RM3 juta dikhaskan untuk memasang CCTV di lokasi yang bersesuaian di setiap PBT. Pada pandangan saya pelaksanaan penyeliaan operasi program ni akan menelan belanja yang tinggi. Dalam keadaan anggota keselamatan yang terhad saya rasa kita tidak boleh mengharapkan mereka semata-mata untuk dipertanggungjawabkan. Sijangkang mencadangkan agar satu pasukan terlatih ditubuhkan di setiap Jawatankuasa Penduduk atau pun JKKK. Ini bertujuan agar tanggungjawab keselamatan akan menjadi tanggungjawab penduduk tempatan, penduduk setempat. Kesejahteraan kepada rakyat di Negeri Selangor terdapat dua buah Universiti di bawah Kerajaan Negeri yang mana iaitu UNISEL dan kuiz yang saya rasa mungkin akan mewujudkan fakulti perubatan dan saya rasa sudah tentu sudah tiba masanya di Negeri Selangor mempunyai hospital yang tersendiri yang boleh digunakan untuk manfaat rakyat kebanyakan dan juga boleh digunakan untuk pelajar-pelajar yang akan mengambil jurusan perubatan di kedua-dua buah universiti ini. Pertambahan pusat dialisis perlu ditumbuhkan sama ada pembiayaan oleh anak-anak syarikat ataupun Lembaga Zakat Selangor perlu diperbanyakkan kerana kita lihat sudah tiba masanya dalam keadaan mungkin kewangan yang agak kurang baik kita wujudkan kerana kita mahu memberi manfaat yang lebih kepada rakyat Negeri Selangor. Sekadar hanya memberi bantuan sebanyak RM60 sahaja saya rasa ia tidak mencukupi untuk kita berikan kepada jumlah pesakit-pesakit buah pinggang yang semakin ramai. Program Belia di Negeri Selangor penggerak belia tempatan ditubuhkan pada Ogos 2009. 290 pengerusi penggerak belia tempatan telah dilantik sekretariat belia negeri Selangor ditubuhkan pada Mei 2009 untuk menyelaras Program Belia termasuk kemasyarakatan dan kesukarelawan, pendidikan, keusahawanan, kebudayaan, kepimpinan dan sukan. Bukan sekadar mengajak anak muda untuk turut bersama-sama tetapi kita memberikan peluang kepada mereka untuk mereka memajukan anak-anak muda atau pun belia di Negara kita. Lebih daripada 40% rakyat Selangor daripada golongan belia sudah tentu belia tidak boleh dikesan sampingan pelbagai aktiviti perlu diaturkan untuk golongan belia. Kalau pada tahun ini PBT peringkat zon sejumlah RM5,000 untuk mengendalikan aktiviti saya rasa pada tahun hadapan peruntukan yang lebih diperlukan untuk program yang dijalankan bagi menepati sasarannya. Memasarkan ekonomi Negeri Selangor tabung Warisan Anak Selangor, Program Bekalan Air percuma sebanyak 20 meter padu pertama, program hadiah anak masuk universiti, skim mesra usia emas, program meningkatkan hasil bantuan dan mineral, program dan program tabung pekerja-pekerja ladang. Sumber ini adalah program yang baik yang tidak pernah difikirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu. Saya dapati ada kekurangan dari pihak kerajaan mempromosikan program-program tersebut kerana masih ramai anggota kerajaan dan rakyat yang tidak mendapat maklumat ini. Akhirnya program sebaik ini tidak memberi kesan kepada rakyat. Soal pembaziran yang disebutkan oleh Kuang dalam promosi Selangor di suara TV9 ini memang sifat Barisan Nasional atau pun pembangkang yang tidak mahu maklumat ini sampai kepada rakyat. Saya mencadangkan promosi yang lebih hebat perlu diwawarkan kepada masyarakat.

Kawasan Perumahan Baru saya menyentuh berkaitan pembangunan semua projek yang terbengkalai kawasan perumahan kos rendah projek pembaharuan luar Bandar saya ingin menyentuh satu perkara. Proses penyediaan dan pembinaan surau di kawasan perumahan baru saya dapati menelan belanja agak besar. Harta penyediaan pelan yang lengkap menelan kos RM5,000 hingga RM20,000 saya mencadangkan agar MAIS, JAIS dan Lembaga Zakat mengambil peranan yang lebih proaktif maknanya dari segi persediaan pelan km hinggalah siap pembinaan haruslah dikendalikan oleh MAIS sepenuhnya. Ini dapat menjimatkan kos dan

pembinaan akan menjadi lebih lancar dan lebih cepat. Program pendidikan yang sempurna satu kajian penelitian harus dilakukan dalam melihat taburan sekolah-sekolah terutama sekolah di bawah kawalan kerajaan negeri Kuala Langat masih menduduki tempat tercorot dalam keputusan peperiksaan terutamanya PMR, SPM dan STPM. Setakat ini masih belum lagi wujud sekolah berasrama penuh di Kuala Langat kalau dibandingkan dengan daerah-daerah lain. Pelajar-pelajar yang baik selepas UPSR akan keluar daerah. Sekolah Menengah Agama juga begitu hanya ada dua buah Sekolah Menengah Agama di daerah Kuala Langat selain Mitip. Tahun lalu permohonan seramai 3,000 pelajar pengambilan hanya setakat 300 pelajar sahaja untuk yang dapat diterima memasuki Sekolah Menengah Agama. Di DUN Sijjangkang hanya ada 3 buah Sekolah Menengah di samping 14 buah sekolah rendah Sijjangkang masih mengharapkan agar sebuah Sekolah Menengah Agama atau Agama Teknik dapat dibangunkan di DUN Sijjangkang sepertimana yang pernah diwar-warkan tempoh hari.

Pembangunan Kampung antara pendapatan negeri adalah terimaan yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan 16 belia pendapatan Kerajaan Persekutuan yang diperolehi oleh Selangor. Projek-projek Persekutuan seperti Infrastruktur dan projek infrastruktur asas dahulu yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah kini terus diambil alih oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Kemudahan asas desa tidak dapat diselenggarakan. Tunggakan sewaan apabila penyerahan kepada MDKL dan gagal membaik pulih. Aktiviti pembangunan kampung tiada sumber pendapatan punca pendapatan daripada pasar malam terputus apabila diambil alih oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Penyelenggaraan kampung tiada jalan kampung naik taraf baru yang sedia ada gagal diperbaiki. Dahulu ada peruntukan tetapi kini peruntukan apabila kita tanya kepada Pejabat Daerah tidak ada pembaikan dan akhirnya projek-projek atau pun pembaikan-pembaikan jalan dan parit tidak dapat dipenuhi. Kini pembangunan kampung tiada koordinasi antara jabatan pembangunan persekutuan yang dikepalai oleh penyelarasan pembangunan daerah DUN, JPS dan JKR. Pelbagai rungutan baik pulih tidak mengikut spesifikasi sisir pembersihan parit diselenggarakan dan sebagainya sentiasa menjadi rungutan. Saya cadangkan peruntukan kemudahan asas terus diberikan peruntukan khusus untuk kampung jalankan aktiviti dan elaun kampung dinaikkan dan diadakan semula peruntukan parit sama-sama peruntukan Ahli Dewan Negeri. Akhirnya saya mahu mengingatkan Pakatan Rakyat bahawa kita masih terlalu awal bersama dalam Pemerintahan Selangor marilah kita lihat kesamaan perjuangan kita bukan perbezaan ideologi yang kita bawa baiknya ideologi kita yang berbeza ini apabila dibincangkan untuk akan mencari kesamaan maka kesamaannya akan kita jumpai itu lebih mantap berbanding dengan parti kononnya ideologi sama tetapi sebenarnya mereka adalah patut turut selama 25 tahun yang mereka akan terus berpecah. Dengan ini saya menyokong bajet 2010. Terima kasih.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Terima kasih, Tuan Speaker berapa minit yang saya ada?

TUAN SPEAKER: 4 minit

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Betul. Ada sambung esok?

TUAN SPEAKER: Kita boleh pertimbangkan.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Terima Kasih. Puan Speaker, Kota Damansara ingin turut serta membahas ucapan YAB Menteri Besar tentang Bajet 2010. Terlebih dahulu, saya mengucapkan syabas. Kita menyokong penuh pembentangan Bajet 2010 yang komprehensif dan memberangsangkan khususnya dari segi merakyatkan ekonomi Selangor, memperjuangkan masyarakat Orang asli, menghidupkan kembali pilihan raya Kerajaan Tempatan. Yang penting, kita haruslah menerima pelbagai teguran. Janji-janji kita harus kita tepati dan sudah masanya untuk kita tidak mencari alasan menuduh. Sepertimana kata Karl Marx, dalam Bahasa Malaysia, dia kata golongan falsafah, intelektual hanya menterjemahkan dunia ini dalam pelbagai bentuk. Tujuannya adalah untuk mengubahkannya. *So we just don't want to be discussing intellectually.* Kita berharap untuk mengubah keadaan supaya kita dapat maju ke hadapan. Kalau tidak, kita tuduh menuduh, tidak dapat bergerak ke hadapan. Yang satu lagi, saya ingin menyambut kata Kota Alam Shah tentang penahanan ISA. Saya percaya kami menganggap penahanan ISA adalah sebagai perjuangan, satu pengorbanan bagi menegakkan kebenaran dan mempertahankan prinsip-prinsip. Tidak perlu untuk berterima kasih, untuk dihargai kerana itu adalah kehidupan kita. Pelbagai, beberapa perkara yang kita harus, kita fikirkan bersama.

Mengikut Bajet, disebut tentang pendapatan per kapita. Saya mengambil tahun 2009. Mengikut 2009, adalah RM 29,728. Jika dibahagi 12 bulan, tiap-tiap seorang itu harus mendapat dekat RM 2,408 sebulan. Kalau kita fikirkan pada setiap keluarga, iaitu suami isteri dan 3 orang anak, dia sepatutnya mendapat RM 12,400 sebulan. Ini adalah mustahil. Dan juga, Kerajaan Negeri telah membuat ketetapan tentang tahap kemiskinan, RM 1,500. Ini memberi gambaran, 30% masyarakat Selangor, rakyat Selangor, dalam keadaan bawah garis kemiskinan. Kalau kita mengikuti statistik Bangsa-Bangsa Bersatu, statistik *Gini Coefficient* memberi gambaran terhadap jurang perbezaan antara kaya dan miskin. Terdapat bahawa di Asia Tenggara kita adalah No.1. Di Asia pula kita No. 2, nombor 1 adalah Papua New Guinea. Ini menunjukkan bahawa, walaupun kita nampak kaya, sungguh banyak lagi yang miskin. Bermakna, ada limitasi terhadap pendapatan per kapita ini. Boleh diibaratkan ada dua orang dalam satu pulau. Yang satu ada dua juta ringgit dan satu lagi tidak ada duit. Bila dipuratakan kedua-duanya jutawan !!. Maka itu kita haruslah berwaspada apabila kita menggunakan statistik. Juga disebutkan ekonomi sering dikaitkan dengan nilai kehidupan. Ini tidak semestinya begitu kerana ia hanyalah sebahagian dari nilai hidup atau *quality of life*, dengan izin. Kerana ianya melibatkan pendapatan, kesihatan, perumahan, pendidikan, pemakanan, keharmonian, emosi dan seterusnya. Dan tidak harus di ambil secara terpisah-pisah. Kita juga, Puan Speaker, dengar keluhan-keluhan tentang Coordination Unit, ICU, tentang projek *Federal* yang memberi insentif wang pada pegawai, yang memiliki fahaman Federalisma yang sempit. Juga pengagihan wang yang tak adil. Kalau kita kaji keseluruhannya, memang *Federal Government* sungguh cemburu kepada Selangor. Kalaulah diibaratkan satu badan, kepalanya adalah Selangor. Segalagalanya berkisar kepadanya. Bila kita pegang kepalanya, badan yang lain menggelupur. Maka itulah Menteri Besar maaf Perdana Menteri Malaysia mahu mengetuai, cuba mengambil balik Selangor. Isunya bukan dianaktirikan tetapi ingin menghancurkan Pakatan Rakyat. Kalau kita lihat apa yang telah berlaku, seperti apa yang dikatakan oleh Hulu Kelang, tujuan JAIS, JKR, PBT, SPRM, SPR, polis, Kehakiman, Pejabat Daerah secara umumnya memang begitu dan secara terperinci pun begitu. Maka itu kita menghadapi berbagai masalah kerana apa yang kita suruh buat ataupun kita tegur mereka tak buat. Mengheret kaki. Bermakna mereka bersekongkol untuk cuba menjatuhkan Kerajaan Selangor dan segala, semua negeri Pakatan Rakyat. *There is sabotage.* Ya, soalnya sabotaj ini adalah dari luar dan juga dari dalam. Luar kita nampak, sudah pasti. Yang dalam itu bahaya kerana apa yang mereka lakukan melumpuhkan gerak geri kita. Enggan membantu, mengheret kaki, memutar belit maklumat, menyekat atau melepaskan maklumat pada pemimpin tertentu. Pendek kata *control*, dengan izin, pemimpin. Ini juga satu masalah. Soalnya ... apakah tindakan yang dilakukan oleh

Kerajaan Negeri Selangor ? Adakah mereka atau pemimpin bersifat sambil lewa sahaja. Kalau tidak bertindak kita akan dilanyak. Apakah tindakan seterusnya yang harus dilakukan ? Saya teringat. Semasa ditahan di bawah ISA, dapat membaca buku Sun Tze “ *The Art of War*”. Mungkin saya dari Maktab Tentera Diraja, mudah sedikit menangkap gambarannya. Sun Tze, seorang *General* yang luar biasa. Terkenal 3000 tahun dahulu. Oleh kerana namanya terharum, Raja panggil dia dan mahu *test* dia. So, dia panggil Jeneral ini untuk cuba mengajar gundik-gundik dia. Mengetuai pasukan ini adalah gundik yang tersayang. So dia bawa mereka untuk berbaris. So arah pusing ke kanan diberi. Yang gundik-gundik pusing kirilah, ikut suka, geli gelak. So Jeneral ini berkata, mungkin kau tak dengar apa yang saya cakap. Dia cakap lebih kuat lagi. Mereka juga buat begitu, pusing kiri, kanan. Ikut suka. Sekarang awak dengar mungkin arahan saja tak betul. Dia pun memberi penjelasan, mengajar lagi sekali lalu memberi arahan untuk pusing ke kanan. Mereka tidak buat begitu. Jeneral ini berkata, ‘Engkau sudah dengar, engkau sudah faham tapi engkau sengaja tidak buat. Maka dia pancung gundik yang tersayang. Raja itu tidak boleh buat apa-apa. Begitulah. Bukanlah saya mengajar untuk pancung orang tapi seperti pelawak TV, Nabil berkata sendiri mahu ingat atau fikirilah sendiri.

TUAN SPEAKER: Saya mahu mengingatkan Kota Damansara ada 3 minit lagi.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Ok, kali ini yang penting sekali. Yang satu lagi adalah isu berkenaan ekonomi dengan keuntungan. Keuntungan itu adalah dua aspek. Dari segi tenaga kerja dan modal, dengan izin, *Labour and Capital*. Bajet lebih memberatkan, menumpukan masa pada pelaburan, infrastruktur, dan kelonggaran syarat-syarat. Tetapi tidak bincang dari segi peranan golongan pekerja. Ya, kerana mereka amat penting dalam dunia perindustrian. Bajet tidak menyebut tentang penindasan yang berlaku di tempat kerja. Keselamatan dan kebajikan di tempat kerja. Pekerja juga warga Selangor. Mereka adalah tulang belakang pada ekonomi Negara. Penindasan di tempat kerja telah menimbulkan masalah kemiskinan. Masalah kemiskinan telah menimbulkan tekanan jiwa. Tekanan jiwa menimbulkan masalah sosial dan seterusnya. Maka itu juga saya tidak selesa apabila Menteri Besar mengatakan sistem kapitalisme Pakatan Rakyat berbeza dengan sistem kapitalisme Barisan Nasional. Mengikutnya pada kapitalisme Barisan Nasional, penswastaan adalah untuk kroni-kroni walhal kapitalisme Pakatan Rakyat, penswastaan adalah melalui tender. Sifat kapitalisme memang lebih dari itu. Kedua-duanya sama. Kapitalisme ini memang membiakkan kroni. Maka kapitalisme ini berkiblat pada penindasan dan mempertuhankan pada keuntungan. Jelas. Dan dari segi pengalaman saya dengan Peneroka Bandar, setinggan, kilang, perladangan dan seterusnya, terdapat golongan kapitalis menguasai golongan pemimpin politik. Pemimpin politik pula akan menguasai agensi-agensi kerajaan. Agensi-agensi kerajaan akan menggunakan polis untuk mengasak rakyat yang terpinggir. Maka ini menjadi satu teguran. Apabila kita berjinak-jinak dengan kapitalisme ada padahnya, masalahnya. Ada yang sebelum ini mengakui mengamalkan fahaman sosial demokrasi iaitu mencampuri Sosialisme dan Kapitalisme. Ini diibaratkan mencampuri minyak dengan air. Bila digoncang dia sebat. Bila dibiarkan dia terpisah. Kita kena goncang selalu barulah dia sebat dan barulah dapat ambil kedua-dua aspek ini. Tegurannya adalah, biarlah rakyat menjadi paksi di mana segala-gala berkisar kepadanya. Bukan segala-galanya berkisar kepada ekonomi. Seterusnya, kami pernah membuat kajian. Parti Sosialis Malaysia membuat kajian pada Ogos 2009 melibatkan 363 responden dari lima (5) negeri, Penang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor dalam lapan (8) sektor perniagaan, kilang, perkhidmatan, binaan, swasta, kerajaan, ladang dan pertanian. Ceritanya sama. Kita dapati bahawa *survey* ini, impak krisis ekonomi ini, memang dirasai oleh golongan pekerja. Satunya, 75.8% respons mendapati bahawa pendapatan mereka berkurangan. Di antaranya banyak berkaitan dengan OT yang sudah tidak ada lagi. Banyak rakyat berharap sangat kepada OT, ya *overtime*, dengan izin, untuk hidup. Bila OT

dipotong mereka bermasalah. Hutang pun berlipat ganda. Juga apabila dalam keadaan yang tertekan sebegini kita mengharapkan Lembaga Zakat dan Jabatan Kebajikan membantu.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara, saya bagi lagi 1 minit

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Boleh, terima kasih. Maaf lama dah saya tunggu. Selalu dapat 5 minit orang lain 40 minit. Juga dari aspek Zakat dan Kebajikan, masalahnya di Kota Damansara, proses permohonan itu memakan berbulan bulan. Yang patut dapat, tak dapat. Yang pernah dapat, diputuskan bantuan. Keluarga buta tak dapat atau seorang saja yang dapat. Ada astro tak dapat. Mungkin dihadiahkan kepada mereka. Ada kereta buruk bekas suami atau arwah suami, maka bantuan tak dapat. Bermakna terdapat juga pegawai bersifat angkuh. Bermakna rakyat kena sembah mereka ini sebelum boleh dapat sesuatu walaupun bantuan ini adalah hak mereka. Mantan Mufti Perlis Dr Asri, pernah menegur Lembaga Zakat dalam penulisannya. Dia kata Lembaga Zakat pandai kutip zakat dan tak pandai mengagihkannya. Kalau lebih RM 200 juta diagihkan dengan betul, mungkin tidak akan ada orang miskin di Negeri Selangor ini. Lima puluh peratus (50%) respons mengatakan hutang mereka makin meningkat. Maknanya barangan keperluan yang harus di di kawal tidak dikawal. Terpaksa meminjam ah long dan ceti. Lima puluh Sembilan (59%) respons mengatakan tidak dapat membayar balik pinjaman termasuk kereta dan rumah sewa. Rumah sendiri kena lelong tanpa pengetahuan mereka. Lebih ramai lagi terpaksa berbelanja pergi ke klinik dan hospital. Saya memang cukup panas dengan mutu perkhidmatan Hospital Kerajaan Sg Buloh.

TUAN SPEAKER: Saya terpaksa berhentikan Kota Damansara

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sebab kita dah memang melebihi masa yang telah kita peruntukan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam pun sudah menunjukkan jam 6.10 maka Dewan ditangguhkan sehingga hari esok 13 November 2009 bermula jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.10 petang)